

**Jilid IV
Bil. 5**



**Hari Isnin
27hb Mac, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANYNA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 497]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 538]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATUK SRI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggorah).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Mengelembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

- Yang Berhormat DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat **TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI** (Kuala Trengganu).
- „ **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN**, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ **DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN**, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ **RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK**, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ **TUAN NGAN SIONG HING** (Kinta).
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD**, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ **TUAN OH KENG SENG** (Petaling).
- „ **TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR**, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ **TUAN OO GIN SUN**, A.M.K. (Alor Setar).
- „ **TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG**, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ **TUAN RACHA UMONG**, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ **TUAN RASIAH RAJASINGAM** (Jelutong).
- „ **TUAN S. SAMY VELLU**, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ **TUAN SANUSI BIN JUNID** (Jerai).
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN** (Kuala Kedah).
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH**, P.P.N. (Kangar).
- „ **DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH**, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ **TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN**, P.P.N. (Grik).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH**, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ **TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG** (Ulu Rajang).
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN** (Julau).
- „ **TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN**, A.M.N. (Sepang).
- „ **WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM**, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB**, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ **TUAN SU LIANG YU** (Beruas).
- „ **DR TAN CHEE KHOON** (Kepong).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE**, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ **DATUK JAMES STEPHEN TIBOK**, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ **TUAN TING LING KIEW** (Bintulu).
- „ **TUAN WEE HO SOON** (Bandar Sibu).
- „ **TUAN YANG SIEW SIANG**, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE**, P.N.B.S. (Padawan).
- „ **TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH**, J.P. (Ulu Muda).
- „ **TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD**, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR**, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL**, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 27hb Mac, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

HUKUMAN MATI OLEH MAHKAMAH

1. **Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan adakah Kerajaan hendak mengadakan satu undang-undang baru yang membolehkan hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah-mahkamah di negara ini dilakukan dengan cara "suntikan" seperti yang dibuat oleh beberapa buah negara dalam dunia ini atas alasan bahawa mencabut nyawa cara "suntikan" adalah lebih berperikemanusiaan daripada mengguna cara-cara lain seperti bilik gas, tali-gantung, kerusi letrik atau pasukan tembak mati.

Menteri Undang-undang (Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi bercadang hendak mengubah undang-undang mengenai cara menjalankan hukuman mati yang dijatuhkan oleh Mahkamah pada seseorang penjenayah dengan menghukum gantung penjenayah tersebut. Mungkin cara "suntikan" sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah suatu cara yang baik tetapi cara ini belum lagi dikaji dan diselidiki. Soal samada sesuatu cara itu adalah lebih berperikemanusiaan atau tidak adalah soal "relatif" dan tidaklah perlu bagi saya memanjang-manjangkan.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan

saya bahawa hukuman mati secara suntikan itu tidak melibatkan banyak perbelanjaan wang daripada hukuman sebagaimana biasa yang telah dijalankan di negara kita ini.

Datuk Sri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Sebagaimana saya kata tadi kita belum mendapat kesempatan untuk mengkaji dengan mendalamnya perkara suntikan itu. Boleh jadi dia, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat mungkin lebih senang, lebih mudah tetapi sebagaimana saya kata tadi perkara ini relatif dan perlu dikaji dengan mendalamnya sebelum kita mengambil satu-satu keputusan muktamad.

TV MALAYSIA—RANCANGAN TEMPATAN

2. **Tuan Hashim bin Ghazali (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa rancangan-rancangan tempatan terlalu sedikit ditayangkan oleh TV Malaysia, dan jika ya, nyatakan adakah beliau bercadang menambah rancangan-rancangan seperti itu dan lebih banyak lagi filem-filem hendaklah dialihbahasa ke dalam Bahasa Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Senator Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa rancangan-rancangan tempatan TV terlalu sedikit, malah rancangan-rancangan tempatan terbitan TV Malaysia berjumlah 55% seminggu. Usaha-usaha sedang dibuat untuk menambah rancangan-rancangan tempatan tetapi ini bergantung kepada kemampuan dan kemudahan-kemudahan yang ada di Angkasapuri dari semasa ke semasa.

Mengenai alih bahasa pula, perkara ini akan dipertimbangkan dan dilaksanakan sesuai dengan kemampuan yang ada.

NEGARA ARAB MENANAM MODAL DI MALAYSIA

3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan nama negara-negara Arab yang telah menanam modal di negeri kita sehingga sekarang, serta nyatakan jumlah modal bagi satu-satu projek dan di mana projek itu dijalankan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, pelaburan dalam bentuk penyertaan modal ekuiti dari negara-negara Arab dalam projek-projek perkilangan di Malaysia adalah kecil. Buat masa ini, hanya Saudi Arabia sahaja yang mempunyai pelaburan dalam satu projek usahasama kilang minyak kelapa sawit. Projek ini bertempat di Sabah dan modal ekuiti dari Saudi Arabia berjumlah \$5 juta.

RANCANGAN TV—BAHASA CHINA/IBAN

4. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau akan menimbangkan untuk memperbaiki rancangan-rancangan TV berbahasa China/Iban bagi memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Jika tidak, mengapa.

Senator Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sentiasa cuba memperbaiki rancangan-rancangan talivisyen yang ada. Talivisyen Malaysia tiada rangkaian berbagai bahasa dan hampir kesemua rancangan-rancangan di TV menggunakan Bahasa Malaysia melainkan rancangan-rancangan berita dan hal ehwal awam seperti "Lembaran Minggu", "Skop" dan "Tumpuan Minggu".

BANK-BANK PERDAGANGAN

5. Tuan Hashim bin Ghazali (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh mana sambutan dan kejayaan Bank-bank perdagangan berhubung dengan penubuhan pusat-pusat barangan utama sejak ditubuhkan. Adakah beliau berpuashati dengan kejayaan tersebut terutamanya dalam memberikan galakan kepada Bumiputra.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya dapati soalan Yang Berhormat kurang jelas maksud atau tujuannya. Setahu saya "Pusat-pusat Barangan Utama" atau "Commodities Centre" merupakan bangunan yang dirancang oleh UDA di Kuala Lumpur tetapi dalam konteks kegiatan Kementerian saya Pusat Barangan Utama boleh ditafsirkan sebagai Pasaran-pasaran Barangan atau Commodity Exchanges yang kerap dilapurkan akhir-akhir ini termasuklah dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong semasa peresmian Parlimen beberapa hari yang lalu.

Berasaskan kepada tafsiran yang disebutkan itu saya ingin menyatakan bahawa setakat ini pasaran Getah atau Rubber Exchange telah ditubuhkan dan pasaran kelapa sawit atau palm oil Exchange dan pasaran Bijih Timah atau Tin Exchange yang sedang dalam proses penubuhan. Saya akan memberikan keterangan lanjut mengenai pasaran kelapa sawit apakala saya menjawab satu soalan yang lebih khusus yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Alor Setar untuk 29-3-1978 akan datang. Pasaran Getah telahpun berjalan baik dan pihak bank telahpun lama memberi perkhidmatan dikehendaki dari masa ke semasa termasuk yang dalam perkara pertukaran mata wang.

Memandangkan kepada kedudukan ini, maka soalan mengenai sambutan dan sumbangan bank-bank perdagangan serta galakan kepada Bumiputra tidaklah berbangkit buat masa ini.

MURID-MURID SEKOLAH— PEMERIKSAAN DOKTOR

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau telah mengarahkan pemeriksaan doktor kepada murid-murid sekolah sekurang-kurangnya 2 atau 3 bulan sekali terutamanya sekali sekolah-sekolah Menengah/Rendah di luar bandar untuk menentukan bahawa murid itu tidak terlibat dalam kegiatan penagih dadah dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Speaker, semua Guru Besar, Guru Pendidikan kesihatan dan Guru Panduan telah diarah supaya sentiasa mengawasi

dan mengambil berat supaya kejadian menyalahgunakan dadah tidak berlaku di sekolah-sekolah dan juga memandangkan kekurangan kakitangan kesihatan Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengadakan pemeriksaan doktor ke atas murid-murid sekolah sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya didapati ada murid-murid yang disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah mereka dengan serta-merta dikehendaki menjalani pemeriksaan doktor untuk rawatan seterusnya.

MINYAK DIESEL/TANAH— KEKURANGAN

7. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa negara kita sentiasa mengalami kerap kali kekurangan minyak disel dan minyak tanah hingga menyebabkan kesusahan kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan awam dan rakyat keseluruhannya, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil, sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang baru, untuk mencari penyelesaian jangka panjang kepada masalah itu, bagi menentukan bahawa bekalan minyak disel dan minyak tanah adalah mencukupi untuk kegunaan rakyat Malaysia pada bila-bila masa.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah menjawab soalan yang maksudnya hampir-hampir sama semasa saya menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru pada 23-3-1978.

PESTABUDAYA—NEW STRAITS TIMES

8. Tuan Latip bin Haji Dris (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) samada beliau bersetuju bahawa tujuan utama Pestabudaya yang ditaja oleh *New Straits Times* itu adalah untuk memperkenalkan serta meninggikan lagi nilai-nilai kebudayaan negara yang berbilang bangsa, di samping memupuk muhibbah antara kaum;

- (b) apakah kerjasama atau dorongan yang telah diberi oleh Kementerianya kepada penaja itu; dan
- (c) samada pihak RTM telah merancang hendak merakamkan segala persembahan-persembahannya itu, dan seterusnya menyiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia. Jika ya, bila dan jika tidak, kenapa.

Senator Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya setuju jika ia memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Kebudayaan Kebangsaan.
- (b) Kementerian Penerangan tidak terlibat dengan pertunjukan-pertunjukan tersebut, tetapi kadang-kala pihak Kementerian Penerangan diminta memberi pertolongan oleh pihak penganjur seperti mengadakan juruacara.
- (c) Perkara ini tidak dapat dipertimbangkan oleh kerana RTM sendiri mengalami kekurangan masa untuk menyiarkan rancangan-rancangannya.

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN KURANG DISCIPLINE AND MOTIVATION

9. Tengku Noor Aishah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar terdapat kurangnya discipline and motivation pegawai-pegawai Kerajaan dalam menjalankan tugasnya seperti yang pernah diucapkan oleh Ketua Setiausaha Negara dalam satu Seminar yang dianjurkan oleh (INTAN); samada Kerajaan akan memanggil Chief Secretary dan Secretaries-General untuk mencari jalan bagaimana Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dapat mengatasi kelemahan di Kementerian masing-masing dengan Ketua-ketua Jabatan di bawah tanggungjawabnya supaya semua dasar Kerajaan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan cekap dan sekiranya terdapat Ketua-ketua Kementerian/Jabatan dan pegawai-pegawai yang lemah, lembab dan tak cekap hanya menunggu untuk pencen, dan gaji bulanan serta datang ke pejabat pukul 9.00-9.30 pagi yang menunjukkan contoh dan tauladan yang tidak baik, samada mereka akan diminta mengundurkan diri dari perkhidmatan Kerajaan supaya tidak menjadi batu penghalang kelincinan jentera Kerajaan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mewujudkan satu perkhidmatan awam yang betul-betul cekap dan berdedikasi serta mempunyai mutu yang tinggi. Untuk mencapai maksud ini Kerajaan sentiasa mengadakan latihan-latihan dan seminar-seminar untuk pegawai-pegawai awamnya dengan bertujuan meninggikan lagi discipline dan motivation di kalangan mereka.

Bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang didapati lemah, lembab dan tidak cekap dalam menjalankan tugas-tugas harian mereka akan diberi peluang yang cukup untuk memperbaiki prestasi kerja-kerjanya sebelum tindakan tatatertib diambil terhadap mereka. Hukuman dan tindakan tatatertib yang dikenakan dibuat secara berperingkat-peringkat dan juga berdasarkan kepada seriusnya satu-satu kesalahan yang telah dilakukan. Jika perlu demi kepentingan awam, mereka boleh dibesarkan mengikut Perintah Am Bab "D" 44.

KEMARAU DI KEDAH

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertanian menyatakan apa jenis bantuan kewangan dan bantuan-bantuan lain yang telah diberikan kepada petani-petani yang menghadapi kemarau di negeri Kedah dan nyatakan apa jenis bantuan kewangan dan kebendaan yang akan diberikan kepada mereka dalam bulan-bulan akan datang bilamana keadaan kemarau akan bertambah buruk.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan khas sebanyak \$6.3 juta diadakan bagi mengadakan peluang-peluang pekerjaan sementara dalam projek-projek kecil seperti mencuci parit/taliair dan memperbaiki jalan-jalan ladang, dan dalam projek-projek ternakan ayam secara berkelompok dalam kawasan MADA.

Lain-lain bantuan dalam kawasan MADA itu termasuklah mengurangkan cukai taliair bagi tahun 1978, mengadakan projek-projek tanaman jangka pendek untuk perdagangan dan memberikan pinjaman khas kepada Persatuan-persatuan Peladang dan Syarikat-syarikat Kerjasama.

Bank Pertanian Malaysia telah melonggarkan syarat pembayaran balik pinjaman Kredit Jangka Pendek Pengeluaran Padi musim kedua tahun 1977.

Kementerian Pertanian akan memperhebatkan Rancangan Bantuan Input Pertanian di kawasan yang terlibat, terutama di kawasan luar MADA, dengan bantuan matabenda seperti benih, baja dan lain-lain yang akan diberi kepada petani-petani yang berkenaan untuk tanaman padi yang akan datang. Bantuan tanaman jangka pendek juga akan diberikan.

Koperasi Peladang di Negeri Kedah, luar kawasan MADA, di antara lain, telah mengeluarkan pinjaman kredit baja sebanyak \$418,177 dalam tahun 1977 dan akan mengeluarkan sebanyak \$1 juta lagi dalam tahun ini. Pinjaman ini akan dilonggarkan tempoh pembayaran baliknya sehingga tahun 1979. Lain-lain projek Lembaga Pertubuhan Peladang termasuklah menggalakkan tanaman singkat dan memasarkan hasil pertanian.

Jabatan Parit dan Taliair akan mengadakan pekerjaan kepada petani-petani terlibat melalui projek-projek kecil seperti mencuci taliair/parit, memperbaiki jalan-jalan ladang dan membina parit-parit kecil mengikut jadual tertentu.

KINTA ELECTRIC DISTRIBUTORS

11. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa masih terdapat bekalan letrik yang dikuasai oleh Kinta Electric Distributors belum diserahkan lagi ke bawah pentadbiran Lembaga Letrik Negara; jika sedar:

- (a) bilakah Lembaga Letrik Negara akan mengambilalih semua pentadbiran Kinta Electric Distributors; dan
- (b) bilakah Lembaga Letrik Negara, Taiping akan mengambilalih semua pentadbiran Kinta Electric Distributors di dalam Kawasan Pilihanraya Parliamen Matang.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar seperti Ahli Yang Berhormat telah maklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telahpun mengambilalih Syarikat Perak Haidro termasuk anak-anak syarikatnya iaitu Syarikat

Pengeluaran Elektrik Kinta (KED). Buat masa ini adalah menjadi tujuan Kerajaan supaya kedua-dua syarikat ini dijalankan berasingan dari Lembaga Letrik Negara, ini ialah kerana sebelum Perak Haidro dan KED dapat disatukan dengan Lembaga Letrik Negara, banyak masalah-masalah seperti penyerapan kakitangan kedua-dua syarikat tersebut hendaklah diatasi terlebih dahulu. Buat sementara ini Kerajaan belum lagi menetapkan bilakah kedua-dua syarikat ini akan disatukan dengan Lembaga Letrik Negara. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk menentukan bahawa operasi Perak Haidro dan KED dapat diselaraskan dengan operasi L.L.N. iaitu untuk menjamin bahawa bekalan tenaga letrik yang cukup dapat dibekalkan kepada semua pengguna-pengguna di negeri ini samada dalam kawasan L.L.N. ataupun Perak Haidro dan KED.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa KED menjadi satu badan yang telahpun diambilalih oleh Kerajaan tetapi ada juga satu lembaga persendirian. Yang kedua, syarikat ini tidak pulangkan balik untung dan harta yang ada di dalam syarikat itu, sebab itu penduduk-penduduk dalam negeri Perak dan negeri-negeri yang di utara tidak dapat bekalan letrik. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah sebabnya Kerajaan tidak mengambilalih KED sekarang ini?

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi Kerajaan Pusat telahpun mengambil-alih syarikat itu. Tetapi boleh jadi separuh permohonan-permohonan daripada kampung-kampung ataupun kawasan Yang Berhormat katakan tadi itu belum lagi dapat diberikan bekalan kerana sesuatu sebab yang tertentu. Walau bagaimanapun, kalau ada kawasan yang belum dapat horimat hendakkan saya periksa mengapa belum diberi bekalan letrik, maka saya boleh periksa perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau ada kawasan yang belum dapat bekalan letrik boleh serahkan listnya. Ada tambahan lagi.

Tuan S. Samy Vellu: Ya. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri dalam

jawabannya menyatakan L.L.N. dan K.E.D. juga menjalankan tugas yang sama. Itu tidak berapa benar, sebab K.E.D. adalah sebuah syarikat yang tidak membahagikan semula keuntungannya yang ada dalam syarikat itu tetapi L.L.N. tidak semacam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi apa soalan tambahannya? Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan soalan tambahan itu merupakan suatu perdebatan.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan saya atas bekalan letrik daripada K.E.D., soalan ini daripada jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Menteri tadi yang mengatakan tugas L.L.N. dan K.E.D. serupa. Saya boleh katakan L.L.N. dan K.E.D. bukan menjalankan tugas yang sama dan serupa.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya itu apa?

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan ini ialah, adakah Yang Berhormat Menteri siasat atas tugas-tugas yang dijalankan oleh K.E.D. dan tentukan adakah tugas-tugas yang sama di antara L.L.N. dan K.E.D.?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab-sebab itu sudah disiasat, barulah dijawab oleh Menteri, tetapi tak apalah kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Sebagaimana yang saya terangkan awal tadi, kedua-dua ini adalah di bawah jagaan Kerajaan Pusat dengan dasar dan tugas kedua-dua Lembaga inipun sepatutnya adalah sama. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu ada nampak dasar di antara kedua-dua Lembaga itu tidak sama atau ada perselisihan dan kalau ada Ahli Yang Berhormat tidak puashati, maka saya adalah sangat berseorang hati kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat menunjukkan serta menyatakan mana satu dasar yang tidak sama, tetapi saya ingin menerangkan di sini bahawa kita baru saja mengambilalih K.E.D. itu. Boleh jadi memanglah masih ada lagi yang tidak begitu beres dan tidak begitu selaras, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat tahu, beritahu kepada kita mana satu dasar ataupun perbuatan K.E.D. yang tidak begitu memuaskan, bolehlah saya periksa kepada L.L.N.

PERSIDANGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN KOMANWEL

12. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24*
(2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa penuntut-penuntut di Australia mengadakan tunjuk perasaan yang bising dan mengutuk Kerajaan Malaysia mengadakan undang-undang yang bersifat menindas semasa beliau berada di Australia untuk Persidangan Pemimpin-pemimpin Kerajaan Komanwel; dan
- (b) nama penuntut-penuntut atau organisasi yang bertujuan menculik beliau semasa beliau berada di Australia untuk menghadiri Persidangan Pemimpin-pemimpin Negara Komanwel.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):
Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a), saya telah diberitahu bahawa satu tunjuk perasaan telah diadakan di luar Australian Government Centre di Sydney pada 13hb Februari, sewaktu saya berada di sana menghadiri Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Serantau. Tunjuk perasaan itu telah diadakan oleh lebih kurang empat puluh orang. Mengikut maklumat, tunjuk perasaan itu bertujuan untuk memberi sokongan kepada perjuangan komunis di Malaysia, dan untuk memburuk-burukkan imej Kerajaan Malaysia.

Saya juga telah diberitahu bahawa di antara mereka itu terdapat sebilangan kecil yang disyaki adalah penuntut-penuntut Malaysia. Mereka ini telah menyertai tunjuk perasaan itu kerana mengambil kesempatan. Tujuan kumpulan kecil ini ialah untuk menunjukkan kepada Kerajaan Australia bahawa Kerajaan Malaysia akan menganggap mereka sebagai musuh negara, apabila mereka pulang ke Malaysia, dan dengan demikian akan menjadi mangsa kepada undang-undang yang mereka sifatkan zalim. Sebenarnya, tindakan mereka itu adalah satu helah untuk mendapatkan belas kasihan Kerajaan Australia supaya membenarkan mereka tinggal menetap di Australia. Mereka mendakwa sekiranya mereka pulang ke Malaysia sudah tentu mereka akan dikenakan hukuman di bawah undang-undang yang mereka sifatkan zalim itu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang mengetahui bahawa ada sebilangan kecil pelajar-pelajar Malaysia di Australia

yang bersikap pro-kominis, anti-Malaysia dan anti-Kerajaan Malaysia. Pihak kita memang telah menyangka yang mereka itu akan mengambil peluang untuk melakukan sesuatu yang boleh mencemarkan imej Malaysia, semasa lawatan saya ke Australia itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir adalah mustahak bagi rakyat Malaysia, khususnya ibubapa penuntut-penuntut Malaysia yang sedang berada di Australia itu, mengetahui kedudukan yang sebenarnya. Oleh itu, izinkanlah saya memberikan butir-butir lanjut mengenai tunjuk perasaan penuntut-penuntut di Australia itu.

Mereka yang mengambil bahagian adalah pelajar-pelajar Australia termasuk dua belas orang yang memakai sarung kepala (hoods) dan dua orang yang dikenali sebagai penuntut-penuntut Malaysia.

Penunjuk-penunjuk perasaan itu membawa sependuk-sependuk yang mengutuk pemerintahan Encik Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura, dan pemerintahan saya di Malaysia.

Di samping mengadakan tunjuk perasaan tersebut, mereka telah juga menyebarkan risalah-risalah yang mengandungi seruan agar pertubuhan-pertubuhan penuntut luar negeri dan rakyat Australia membantah dan merancang tunjuk-tunjuk perasaan terhadap Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Kawasan Asia Pasifik di Sydney itu.

Isi kandungan risalah-risalah yang disebar-kan itu juga menuduh bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura telah melakukan jenayah dan tindakan tidak adil terhadap rakyat kedua-dua negara. Antara lain tuduhan-tuduhan itu adalah:

- (a) Akta Keselamatan Dalam Negeri telah dikuatkuasakan bercanggah dengan hasrat rakyat;
- (b) Pergerakan Kesatuan Sekerja dan pertubuhan kaum tani ditindas;
- (c) Orang-orang tahanan "politik" disiksa secara fizikal dan mental;
- (d) Penduduk-penduduk di kawasan sempadan Malaysia-Thai dibunuh dengan kejamnya; dan
- (e) Anggota-anggota polis dan anggota-anggota polis sulit (secret police) ditempatkan di merata tempat untuk menindas rakyat.

Daripada apa yang dinyatakan di atas, jelaslah bahawa tunjuk perasaan itu dianjurkan dan dikelolakan oleh Overseas Students Service dan Malaysian Union of Students in Australia.

Dua orang penuntut Malaysia yang telah dicamkan antara mereka yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan tersebut ialah T. M. B. Krishnan, bekas Pengarah Kebangsaan Overseas Student Service (1975/1976) dan Eddy Chen, seorang penuntut Institute Teknologi, Caulfield di Melbourne dan kini memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua Malaysian Union of Students in Australia. Adalah difahamkan bahawa T. M. B. Krishnan telah diberi izin menetap di Australia. Kegiatan kedua-dua mereka ini di Australia diketahui oleh pihak kita dan mereka telah juga melibatkan diri dalam tunjuk-tunjuk perasaan yang diadakan oleh pelajar-pelajar Malaysia di Australia semasa lawatan Allahyarham Tun Abdul Razak dalam bulan Oktober, 1975.

Pihak kita juga tahu bahawa sebahagian kecil pelajar-pelajar Malaysia di Australia telah menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan subversif dan ini sangat ternyata daripada isi kandungan beberapa penerbitan yang dikeluarkan oleh penuntut-penuntut di Australia seperti Berita MUSA—bukan Menteri Pelajaran kita, yang dikeluarkan oleh Malaysia Union of Students di Australia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (b), ia adalah sama maksudnya dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang telah saya jawab pada 22hb Mac. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan saya itu.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Oleh kerana kejadian ini telah meninggalkan kesan yang tidak baik kepada negara Malaysia, saya ingin mengetahui samada Kerajaan Malaysia bercadang untuk mendapatkan satu kata sepakat dengan Kerajaan Australia supaya Kerajaan Australia dapat menghantar kembali penuntut-penuntut Malaysia yang tidak dapat kebenaran menetap di sana supaya Kerajaan Malaysia dapat mengambil tindakan ke atas mereka itu.

Perdana Menteri: Cadangan seperti itu tidak dikemukakan pada pihak berkuasa Australia kerana kita mengetahui iaitu dasar

Australia ialah bebas berkenaan dengan fahaman-fahaman dan kita tidak bertujuan membangkitkan perkara ini. Itu terpujalah kepada pihak berkuasa di Australia menimbangkannya dan kita tidak sekali-kali hendak menuntut pihak berkuasa Australia membuat demikian. Kita cuma mengatakan, sebagaimana yang telah diterangkan pelajar-pelajar yang mengambil bahagian kegiatan seumpama ini di luar negeri, yang akan mengancam imej dan keselamatan negara kita bila kembali ke negara kita, baharulah kita mengambil tindakan ke atasnya.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya tiap-tiap kali apabila Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita melawat ke Australia kejadian ini berlaku dan terus berlaku. Sebab itu saya minta Yang Amat Berhormat apakah tindakan kita akan ambil ke atas penuntut-penuntut yang ada Sijil Kerakyatan Malaysia.

Perdana Menteri: Itu ialah bergantung kepada bila baliknya mereka ke tanahair kita.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya: Soalan tambahan. Saya percaya kebanyakan daripada penuntut-penuntut itu mempunyai sponsors sebelum mereka ini pergi ke seberang laut seperti ke Australia. Jadi, tidakkah ada satu-satu tindakan daripada Kerajaan ke atas sponsors itu supaya sponsors ini dapat memanggil balik penuntut-penuntut itu ke Malaysia untuk menghadapi tindakan?

Perdana Menteri: Saya tidak dapat menjawab dengan tepatnya oleh sebab sponsor-sponsor ini ialah sponsor bagi menjamin kemampuan penuntut-penuntut itu berada di Australia dari segi kewangan. Samada sponsor-sponsor itu bertanggungjawab ke atas politik penuntut-penuntut itu ialah satu soalan yang boleh didebatekan dari segi undang-undang dan dari segi perjanjian. Walaupun demikian, kami akan menyemak perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu samada satu demonstrasi oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri terhadap seorang Menteri atau pemimpin Kerajaan adalah melanggar undang-undang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah melanggar undang-undang negara Malaysia demonstrasi yang diadakan di luar negeri.

Perdana Menteri: Ahli Yang Berhormat baharu lulus undang-undang dan barangkali Ahli Yang Berhormat itu sedikit sebanyak mengetahui kedudukan undang-undang atas Perbuatan di luar negeri. Melainkan kita ada extra-territorial jurisdiction atau undang-undang kita memberikan kuasa itu, kebiasaannya kesalahan-kesalahan yang berlaku luar daripada jurisdiction kita itu, undang-undang kita tidak boleh mengambil tindakan apa-apa.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL

13. **Tuan Lee Boon Peng** minta Perdana Menteri menyatakan hasil-hasil sesi empat hari Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Serantau yang pertama yang diadakan di Sydney baru-baru ini, terutamanya atas penubuhan Tabung Bersama berhubung dengan barang-barang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sama maksudnya dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telahpun saya jawab pada 22hb Mac, yang lalu. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan saya itu.

PROJEK GAS ASLI CECAIR (LNG)

14. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri memberi garis kasar mengenai kedudukan Kerajaan terhadap projek Gas Asli Bintulu Liquefied (Bintulu Liquefied Natural Gas Project) di Sarawak:

- (a) keputusan yang dibuat oleh Shell untuk membawa anak syarikatnya, iaitu Shell International Petroleum Maatschappij (S.I.P.M.) selaku perunding untuk merangka dan membina projek L.N.G.;
- (b) harga yang dipinta oleh S.I.P.M. kerana penglibatannya di dalam projek PETRONAS-SHELL Mitsubishi di Bintulu;
- (c) samada Kerajaan telah diugut oleh Shell untuk mengundur diri. Kiranya benar, setakat manakah Kerajaan bersedia untuk menyerah kepada blackmail itu;

(d) samada Kerajaan akan mengedarkan satu lapuran bersabit dengan ugutan yang mengancam keamanan kepada kedaulatan negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (a), pemilihan Shell International Petroleum Maatschappij (S.I.P.M.) sebagai Perunding Projek (Project Consultant) bagi projek Gas Asli Cecair (L.N.G.) di Bintulu itu bukanlah keputusan shell sahaja. Pemilihan itu adalah di atas persetujuan tiga pihak yang terlibat di dalam projek usahasama iaitu Petronas, Mitsubishi dan Shell. Pemilihan S.I.P.M. itu adalah berdasarkan kepada beberapa faktor, di antaranya, kebolehan teknik, pengalaman dan kadar bayaran (consultancy fees).

Berkenaan dengan soalan (b), oleh kerana perjanjian dengan S.I.P.M. itu masih belum ditandatangani, saya tidak dapat mengumumkan kadar bayaran yang telah dipinta oleh S.I.P.M. ataupun kadar bayaran yang telah dipersetujukan. Walau bagaimanapun, bayaran perundingan (consultancy fees) yang telah dipersetujukan adalah selaras dengan kadar pasaran. Perjanjian yang saya nyatakan itu dijangka akan ditandatangani tidak lama lagi.

Mengenai soalan (c), Kerajaan tidak pernah menerima ugutan dari Syarikat Shell sebagaimana yang disangkakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Di dalam masa perundingan memang ada terdapat perselisihan faham dan pendapat di antara pihak-pihak yang berunding. Walau bagaimanapun, di akhir perundingan itu pihak Petronas, Shell dan Mitsubishi telah mencapai persetujuan mengenai dua perjanjian penting berhubung dengan Projek Gas Asli di Bintulu itu. Ini telah saya jelaskan ketika menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar pada 21hb Mac.

Berkenaan dengan soalan (d), oleh kerana tidak ada ugutan, maka soalan itu tidaklah timbul.

PEMAJU PERUMAHAN

15. **Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada satu jawatankuasa pemerhati "watching" yang diwakili oleh

pegawai-pegawai dari Kementerian beliau, Persatuan Pemaju Perumahan dan Persatuan Pengguna telah ditubuhkan untuk bertindak terhadap aduan-aduan yang dibuat oleh pembeli-pembeli atau tuanpunya-tuanpunya rumah mengenai rumah-rumah yang kurang baik mutunya didirikan oleh pemaju-pemaju perumahan, dan jika ya, nyatakan bilangan kes-kes yang telah ditunjukkan kepada jawatankuasa ini, dan berapa daripada kes-kes ini yang telah diselesaikan dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya belum lagi menubuhkan jawatankuasa tersebut.

Ingin saya memaklumkan bahawa apabila aduan-aduan daripada pembeli-pembeli diterima oleh Kementerian saya, ianya dirujuk kepada pemaju-pemaju perumahan berlesen yang berkenaan untuk penjelasan, pembedaan atau penyelesaian. Kerap kali pihak pemaju dan juga pihak pengadu diminta berunding dengan pegawai-pegawai di Kementerian supaya penyelesaian yang memuaskan dapat dicapai dengan segera. Pegawai-pegawai Pengawasan dan Penguatkuasa di Kementerian saya juga sentiasa membuat lawatan ke tapak perumahan yang berkenaan untuk menjalankan siasatan lanjut mengenai aduan-aduan yang diterima.

Kementerian saya menerima sebanyak lebih kurang 50 aduan sebulan. Aduan-aduan ini adalah berbagai jenis seperti aduan-aduan mengenai kecacatan atau pertukangan yang kurang baik, kelewatan penyerahan hakmilik, kelewatan penyerahan bangunan, kenaikan harga, wang tempahan, bayaran ansuran, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan dan lain-lain.

Kebanyakan aduan juga melibatkan lain-lain badan Kerajaan seperti pihak berkuasa-pihak berkuasa tempatan, pihak-pihak perancangan, pejabat-pejabat tanah dan sebagainya dan Kementerian saya adalah menjalankan tugas-tugas penyelarasan bagi menyelesaikan sebarang aduan yang berkenaan.

Seperti yang saya telah terangkan, kerap kali dalam Dewan ini, aduan-aduan mengenai perumahan melibatkan pada biasanya pertikaian-pertikaian antara pemaju dan pembeli di atas obligasi-obligasi kontrak,

yang pada akhirnya, harus diselesaikan di mahkamah. Sungguhpun demikian Kementerian boleh dan dapat memainkan peranan yang penting dengan menjalankan tugas-tugas perantaraan di antara pihak-pihak yang terlibat supaya sebarang pertikaian diselesaikan secara perundingan atau tolak ansur di antara dua belah pihak.

Saya suka memaklumkan bahawa kebanyakan aduan-aduan adalah dilayani oleh pemaju-pemaju perumahan dengan memuaskan. Tiap-tiap aduan, khasnya mengenai kecacatan adalah disusuli oleh Kementerian sehingga kerja-kerja pembaikan dan pembedaan disiapkan.

Selain daripada dari merujuk aduan-aduan yang diterima kepada pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan untuk tindakan mereka, Kementerian saya juga memainkan peranan yang positif secara menyelidik aduan-aduan tersebut bagi memutuskan samada pemaju-pemaju perumahan yang berkenaan menjalankan urusan-kemajuan perumahannya dengan cara yang bertanggungjawab ataupun samada sebarang peruntukan di bawah Akta/Kaedah-kaedah (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan telah dilanggar.

Buat sementara, saya fikir jentera atau organisasi yang ada sekarang di Kementerian saya adalah mencukupi bagi menyiasat dan menyelesaikan aduan-aduan yang diterima daripada pembeli-pembeli rumah. Saya suka menambahkan juga bahawa sebahagian besar daripada masa dan tenaga pihak pengawasan dan penguatkuasa adalah ditumpukan kepada pertimbangan dan penyelesaian aduan-aduan tersebut.

Tuan Farn Seong Than: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri memberitahu Dewan bahawa watch-dog Committee belum ditubuhkan oleh Kementerian beliau. Tetapi saya sudah baca di suratkhbar tempatan tujuh bulan yang lalu Menteri Perumahan mengatakan Watch-dog Committee itu akan ditubuhkan. Apa sebab delay hendak menubuhkan Watch-dog Committee ini?

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang dimasukkan dalam akhbar mengikut Peraturan Mesyuarat tidaklah wajib diterima samada benar atau tidaknya.

Tuan Farn Seong Than: Tetapi ini satu statement daripada Menteri yang menyatakan beliau akan menubuhkan satu Watch-dog Committee.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau baca Peraturan Mesyuarat 23 (1) (i), yang mana menerangkan "Apa-apa kepentingan juga samada benar atau tidak berita akhbar itu tidak boleh dipersoalkan".

Tuan Lee Boon Peng: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan tindakan-tindakan yang boleh diambil atau telah diambil terhadap aduan-aduan oleh pembeli rumah terhadap pemaju perumahan yang telah berhenti daripada menjalankan perniagaan atau telah masuk bankrapsi oleh sebab beberapa banyak pembeli telah membayar deposit tetapi sampai sekarang belum dapat balik deposit atas pembelian.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pemaju-pemaju perumahan yang bankrap dan lain-lainnya yang mengutip deposit, sehingga hari ini belum lagi ada aduan mengenai perkara itu di dalam Kementerian saya. Kalau ada kes-kes yang spesifik Yang Berhormat itu bolehlah berhubung dengan Kementerian saya.

BEKALAN LETRIK

16. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan di bawah Rancangan Malaysia yang manakah pembekalan letrik akan diadakan ke seluruh negara.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan bahawa sebuah Syarikat Perunding antarabangsa bersekutu dengan sebuah syarikat perunding tempatan telah dilantik oleh Lembaga Letrik Negara untuk menjalankan suatu Kajian Bekalan Letrik Luarbandar di Semenanjung Malaysia. Di antara syarat-syarat rujukan Kajian tersebut termasuklah menyediakan suatu pelan jangka panjang untuk kegunaan sebagai panduan bagi pembangunan bekalan letrik luarbandar yang baik, teratur dan lebih cepat. Sehingga kajian ini tamat dan laporan akhirnya diterima, iaitu dijangka pada penghujung bulan Ogos 1978 ini, keputusan tidaklah dapat dibuat tentang bila bekalan letrik dapat disampaikan ke semua penduduk luarbandar di Semenanjung.

Kajian seperti yang saya sebutkan di atas itu juga perlu dijalankan di Sabah dan Sarawak sebelum kita dapat mengetahui bilakah bekalan letrik dapat disampaikan kepada semua penduduk-penduduk di luar bandar di kedua-dua buah negeri tersebut.

KEBUDAYAAN/LAGU MALAYSIA DI KELAB MALAM

17. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan kemajuan yang telah dicapai setakat ini mengenai pertunjukan kebudayaan dan lagu-lagu Malaysia di kelab-kelab malam dan tempat-tempat hiburan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang telah dicapai dalam pertunjukan-pertunjukan kebudayaan dan lagu Malaysia di kelab-kelab malam telah mendatangkan sedikit sebanyak hasil yang baik tetapi dalam pada itu tidaklah dapat saya menyatakan di sini bahawa pertunjukan yang dibuat di kelab-kelab malam telah mencapai maksud yang ditujukan tetapi sebahagiannya telahpun dapat diatasi.

RUMAH MURAH

18. Tuan Haji Mohd. Taufeck bin O.K.K. Haji Asneh bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan:

- (a) berapa peratuskah pemberian rumah-rumah murah diperuntukkan kepada bekas-bekas perajurit dan polis; berapa peratuskah pemberian rumah-rumah murah kepada kakitangan Kerajaan yang bergaji rendah dan berapa peratuskah pemberian kepada setinggan-setinggan dan buruh-buruh kasar di sekitar sesuatu pembinaan rumah-rumah murah itu; dan
- (b) adakah pemberian-pemberian perumahan dari Rancangan Malaysia Pertama hingga Ketiga melibatkan masyarakat di atas khususnya di kawasan Wilayah Persekutuan dan amnya di seluruh negara dan adakah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini masyarakat yang terlibat di atas diberi perhatian yang sewajarnya atau ada cara-cara lain yang diatur oleh Kerajaan, kiranya ada, apakah cara-cara itu.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu telahpun dikemukakan dalam mesyuarat Parlimen keempat penggal ketiga yang lalu dan saya telahpun memberikan jawapannya dalam Dewan ini pada 18hb Julai, 1977.

Soalan Ahli Yang Berhormat dahulu dibahagikan kepada 5 bahagian dan kali ini dikurangkan kepada 2 bahagian pula, tetapi pada hakikatnya apa yang ditanya adalah sama sahaja. Dengan demikian saya kira soalan kali ini tidak perlu diberi apa-apa penerangan lagi selain daripada jawapan yang telahpun saya beri dahulu.

LADANG GETAH/KELAPA SAWIT KEPUNYAAN SWASTA

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan jumlah ekar ladang getah dan kelapa sawit yang dipunyai oleh swasta tidak termasuk Badan Berkanun mengikut pecahan berikut:

- (a) Bumiputra;
- (b) Bukan Bumiputra; dan
- (c) Asing.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Jabatan Perangkaan, takrif ladang atau estet itu ialah tanah bertanam yang lebih daripada 100 ekar. Jumlah ladang getah dan kelapa sawit yang dipunyai oleh swasta tidak termasuk badan berkanun mengikut pecahan berikut sehingga Disember 1977 sebagaimana dikehendaki oleh pesoal itu ialah:

<i>Getah</i>		<i>Kelapa Sawit</i>	
Bumiputra	... 13,874 ekar	51,704 ekar	
Bukan Bumiputra	709,184 ekar	478,290 ekar	
Bangsa Asing	... 727,140 ekar	560,915 ekar	

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini boleh senang dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu kepada rakyat kelak kalau berucap kepada orang ramai dan juga boleh menimbulkan perasaan iri hati di antara bumiputra dan bukan bumiputra kerana kalau dipandangkan iaitu kebun getah orang Melayu ada cuma 13,000 ekar dan bangsa lain dekat 1½ million ekar. Demikian juga kelapa sawit. Dengan sebab itulah dasar Kerajaan kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk memberi bumiputra sekurang-kurangnya

30% daripada kekayaan dalam negeri ini melancarkan dengan cara lain, misalnya dalam FELDA yang telah dibuka pada hari ini 1 million ekar yang mana. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang balik Yang Berhormat!

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Satu million ekar, yang mana mengandungi 90% lebih orang-orang Melayu dan juga dalam FELCRA 100,000 ekar dan juga misalnya dalam Tabung Haji 20,000 ekar dan juga pekebun kecil orang Melayu ada 587,000 ekar. Ini bermakna ramai juga bumiputra yang mempunyai kebun sekarang, hampir-hampir dekat 2 juta ekar. Kalau dipandang kepada angka-angka yang diberi itu yang disoal itu, kerana takrif ladang atau estet itu cuma 100 ekar ke atas memanglah orang Melayu tidak banyak, tetapi kalau masuk orang Melayu ada juga ladang melalui FELDA; 1 million ekar.

Keterangan inilah yang hendak saya terangkan, jangan kelak dalam pilihanraya dikeliru-kelirukan kenyataan saya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa bumiputra dapat dijaminakan memiliki ladang, tidak termasuk yang diistilahkan ladang iaitu dihimpunkan pemilikan bumiputra yang beberapa ekar maka dicampurkan menjadi ribu ekar. Soalan tambahan saya ialah campuran yang sama yang dimiliki oleh orang yang bukan bumiputra ertinya daripada jumlah yang kecil-kecil yang tidak diistilahkan ladang. Saya berterima kasih atas perangkaan mengenai bumiputra, sekarang saya mahu yang bukan bumiputra.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Yang kecil-kecil: orang Melayu 587,905.4 ekar maknanya 47.3%. China 40.1%-548,000 ekar. India 8.7%-118,000 ekar. Itu adalah pekebun-pekebun kecil yang dicampurkan. Yang bukan Melayu ialah 548,000 ekar.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Daripada jumlah yang bumiputra dan bukan bumiputra, adakah ini termasuk yang dimiliki lama sebelum diadakan FELDA dan dicampur sama dengan yang baru dibuat iaitu yang dilaksanakan oleh FELDA?

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Ini tidak termasuk yang dibuka di bawah FELDA; ini yang lama. Dan FELDA terus membuka tiap-tiap tahun 100,000 ekar dan saya cuba lebih daripada itu pula untuk bumiputra.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Daripada jumlah yang dibangunkan oleh FELDA yang 100,000 ekar pada tiap-tiap tahun itu, berapa ratus ekarkah yang diberi kepada orang yang bukan bumiputra?

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Saya tidak tahu peratusnya dan bilangannya jauh kecil daripada orang bumiputra.

BANK BERLESEN DI SARAWAK

20. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah bank berlesen yang telah diluluskan menjalankan perniagaannya di negeri Sarawak sepanjang tahun 1976 dan 1977. Dari kelulusan tersebut, berapa banyakkah bank berlesen yang dimiliki oleh pihak Bumiputra.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1976 dan 1977 hanya satu lesen bank baru sahaja diluluskan bagi negeri Sarawak iaitu pada 22hb Disember, 1976. Dengan kelulusan tersebut jumlah bank berlesen yang beribu pejabat di Sarawak ialah 6 buah yang mana satu daripadanya dimiliki 100% oleh Bumiputra dan 3 bagi dimiliki oleh bumiputra sebanyak 54% untuk satunya; 30.57% untuk yang satu lagi dan 12.2% untuk yang ketiga.

Peratus penyertaan bumiputra dalam 2 buah bank yang lain adalah kurang daripada 10%. Selain daripada itu, terdapat 6 buah bank yang beribu pejabat di Semenanjung Malaysia tetapi mempunyai cawangan di Sarawak yang mana sebuah dimiliki sepenuhnya (wholly owned) oleh Kerajaan dan sebuah lagi Kerajaan mempunyai ekuiti 50%. Empat buah bank yang lain adalah bank-bank yang beribu pejabat di luar negeri.

JALAN-JALAN LUAR BANDAR

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa jalan-jalan luar bandar sehingga sekarang masih dalam keadaan bertanah merah dan becak-becak

dan ini mendukacitakan penduduk-penduduk luarbandar, pada hal jalan-jalan di bandar-bandar dan di kawasan-kawasan majlis tempatan dibubuh tar. Jika sedar, apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi keadaan ini.

Menteri Tak Berpoffolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyedari terdapat setengah-setengah jalan luarbandar yang belum diturapkan dengan tar. Dalam hubungan ini Kerajaan telahpun membuat keputusan supaya 25% daripada peruntukan tahunan untuk jalan-jalan luarbandar di semua negeri dikhaskan untuk kerja-kerja pembaikan dan penaikan taraf (upgrading). Sementara 75% digunakan untuk pembinaan jalan-jalan luarbandar yang baru. Untuk melicinkan projek-projek "upgrading" jalan-jalan tanah merah kepada jalan-jalan tar, kerja-kerja tersebut sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan ialah memperuntukkan "program mempercepatkan pembinaan jalan-jalan luarbandar" yang berjumlah \$477 juta bagi tujuan pembinaan jalan-jalan baru, menyiapkan dan memperbaiki jalan-jalan luarbandar dan yang sedia ada termasuk kerja-kerja membubuh tar. Jumlah \$477 juta itu merupakan tambahan sebanyak \$370 juta kepada peruntukan awal sebanyak \$107 juta bagi Semenanjung Malaysia dan sebanyak \$10 juta bagi tiap-tiap Negeri Sabah dan Sarawak yang sebahagiannya telah digunakan oleh Kerajaan-kerajaan negeri sejak pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa untuk melaksanakan membaiki jalan luarbandar progresnya adalah terlampau lambat jika dibandingkan dengan usaha untuk memajukan tempat-tempat yang lain? Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masalah untuk menaikkan taraf jalan-jalan di luarbandar ini adalah masalah yang rumit kerana jalan-jalan di luarbandar kebanyakannya adalah terdiri daripada jalan-jalan yang kecil yang tidak cukup syarat yang dikehendaki oleh J.K.R. Bolehkah Yang Berhormat Menteri membuat kajian

supaya syarat-syarat ini dilonggarkan pada jalan-jalan yang telah lama yang berselerak di negara kita ini supaya di upgrading itu dengan lebih segera dan lebih cepat?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju ada kawasan-kawasan luar bandar itu di mana urusan-urusan upgrading jalan-jalan luar bandar itu nampaknya adalah lebih lambat jika dibandingkan dengan jalan-jalanraya yang di dalam bandar-bandar. Ini telah dimaksudkan dan diakibatkan oleh keutamaan-keutamaan yang telah berhasil daripada kajian yang teliti dan mendalam oleh Jabatan-jabatan Perancang di Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya katakan di sini berkenaan dengan keutamaan yang saya maksudkan itu. Sebenarnya, ada tiga jenis projek yang ada berkaitan iaitu projek A untuk menyiapkan dan memperbaiki jalan-jalan yang separuh siap akan tetapi yang belum siap lagi (completion of hanging roads) dan juga projek B itu yang membina jalan-jalan luar bandar yang baru iaitu dibuat mula-mula dengan tanah merah dan projek C iaitu upgrading dan memperbaiki jalan-jalan yang sedia ada itu dengan menjadikan jalan-jalan tanah merah itu sebagai jalan-jalan tar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan samada rancangan supaya syarat-syarat yang sedia ada itu dilonggarkan supaya pembinaan-pembinaan jalan-jalan luar bandar itu dipercepatkan lagi, saya suka mencatatkan cadangan itu supaya dikemukakan dan dimajukan kepada rakan saya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya untuk pertimbangan.

Datuk Mohamad Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menanya Yang Berhormat Menteri samada dapat diberi keutamaan kepada jalan-jalan di Seberang Perai memandangkan khasnya kepada kedudukan di mana seluruh Seberang Perai itu sudah dijadikan kawasan Majlis Perbandaran.

Dalam kawasan saya sendiri seperti Kepala Batas itu misalnya banyak lagi jalan-jalan tanah merah dan tiap-tiap tahun diberi tanah bertambun-tambun dan datang hujan disapu, habis. Dan sudah banyak kali menerusi Jawatankuasa Tindakan Daerah ada permohonan supaya jalan-jalan ini ditar-

Kalau sekiranya kawasan seperti Seberang Perai ini sudah disifatkan sebagai patut dimasukkan dalam Pentadbiran Kerajaan Tempatan sebagai kawasan Majlis Perbandaran seelok-eloknya keutamaan diberi supaya jalan-jalan itu setaraf juga dengan gelaran kawasan perbandarannya.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya suka merakamkan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya perhatian diambil atasnya.

Berkenaan dengan kemungkinan melaksanakan cadangan itu saya suka menyatakan di sini, sebenarnya seperti yang telah saya nyatakan tadi peruntukan adalah bertambah untuk memperbaiki jalan-jalan luar bandar itu hingga ke jumlah \$477 juta dan sebahagian daripada peruntukan tambahan itu belum digunakan untuk projek-projek yang baharu dan saya percayalah dalam Seberang Perai, Kerajaan Negeri yang berkenaan bolehlah membuat bidnya pada masa yang sesuai supaya cadangan-cadangan itu dapat dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 37 adalah diberi di bawah ini).

PERUNTUKAN KEMAJUAN PERKAMPUNGAN

22. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Haji Abdullah bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan:

(a) berapa banyak wang telah diberi bagi tahun 1977 untuk kemajuan perkampungan bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan adakah Kerajaan mendapat tahu bahawa kampung-kampung traditional di Sabah yang lebih dhaif kedudukannya dari kampung traditional di Semenanjung Malaysia tidak mendapat perhatian Kerajaan Pusat dan adakah buat masa hadapan ini digalakkan Menteri-menteri dari Pusat melawat perkampungan traditional di Sabah supaya mereka juga dapat menikmati bantuan perkampungan ini; dan

(b) bagaimana criteria bantuan kemajuan perkampungan ini diberi supaya bantuan ini dapat diselaraskan pembahagiannya ke semua negeri yang ada di Malaysia.

Menteri Perumahan dan Kemajuan Per-kampungan (Dato' Michael Chen Wing Sum):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 1977 sejumlah \$4,290,494 telah diluluskan untuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Belum ada peruntukan yang diluluskan untuk negeri Sabah.

Saya sedar bahawa ada kampung-kampung di negeri Sabah yang kurang maju yang sama juga keadaannya dengan kampung-kampung di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Kementerian saya masih belum meluluskan sebarang peruntukan kepada negeri Sabah oleh kerana sebelum tahun 1977 aktiviti Kementerian saya hanya terhad kepada kampung-kampung di Semenanjung Malaysia sahaja. Dengan perluasan aktiviti-aktiviti dan bidang tugas Kementerian saya sekarang ini yang juga meliputi kampung-kampung traditional di persekitaran kampung-kampung baru maka Kementerian saya akan cuba memberi peruntukan untuk projek-projek kecil mengikut keutamaan sekiranya ada permohonan pada masa-masa hadapan.

Menteri-menteri dari Kerajaan Pusat adalah sentiasa digalakan untuk melawat kampung-kampung traditional di Sabah dan Kementerian saya sentiasa bersedia untuk menerima cadangan mengenai bantuan-bantuan untuk projek-projek kecil yang difikirkan perlu disalurkan ke kampung-kampung tersebut.

- (b) Criteria bantuan yang diberikan adalah berdasarkan kepada peringkat kemajuan sesuatu kampung itu dan juga berasaskan kepada permintaan pemimpin-pemimpin kampung berkenaan. Saya sendiri juga sentiasa melawat kampung-kampung untuk mengkaji dan melihat dengan lebih dekat keadaan kehidupan, pembangunan dan sebagainya kampung-kampung dan memberi peruntukan untuk projek-projek kecil mengikut keutamaan atau "felt needs" penduduk-penduduk kampung yang dilawati.

PERHUBUNGAN MALAYSIA-UNITED ARAB EMIRATES

23. **Datuk Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sejak tahun 1975 Malaysia telah membuat perhubungan yang erat dengan Emiratis Arab Bersatu dan selama tiga tahun ini, adakah Malaysia telah membuat sebarang hubungan ekonomi dengan negara tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Perhubungan Malaysia—U.A.E. memanglah mengandungi kepentingan ekonomik seperti yang dicerminkan oleh dan berbangkit daripada Perjanjian Ekonomik dan Kerjasama Teknikal di antara Malaysia dan U.A.E. Dalam hubungan ekonomik ini termasuklah perdagangan, yang daripada Januari hingga September berjumlah M\$40 juta, dan kerjasama kewangan. Usaha sedang dibuat oleh kedua belah pihak untuk mengembangkan lagi perhubungan ekonomik ini dengan melingkungi pula bidang pelaburan dan kerjasama teknikal.

DISIPLIN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

24. **Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa sikap dan disiplin setengah-setengah pegawai Kerajaan sekarang sangat mendukacitakan walaupun beberapa arahan telah dibuat oleh Y.A.B. sendiri. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh beliau dan adakah beliau akan meminta orang ramai menggunakan sepenuhnya Biro Pengaduan Awam yang sekarang ini nyata kurang berkesan (effective) untuk menyiasat aduan orang ramai sebagai pembayar cukai yang berhak mendapat perkhidmatan yang memuaskan dalam apa bentuk perkhidmatan yang bersabit dengan orang ramai, terutama dari Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan, Pejabat Tanah, Jabatan Kerja Raya dan Talikom. Jika tidak, mengapa.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Kerajaan memang sedar ada sebilangan kecil pegawai-pegawai Kerajaan yang kurang rajin dan berdedikasi dalam menyelenggarakan tugas-tugas mereka. Mereka inilah yang memburukkan nama baik perkhidmatan awam

khasnya dan Kerajaan amnya dengan memberikan khidmat yang kurang memuaskan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun saya puashati bahawa bilangan pegawai yang bersikap begitu adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan bilangan pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan yang berjumlah hampir setengah juta orang. Oleh yang demikian adalah tidak patut bagi kita menganggap bahawa disiplin dan kecekapan perkhidmatan Kerajaan sudah terjejas kerana sikap beberapa orang pegawai ini.

Langkah-langkah lain pun telah dan sedang diambil untuk memastikan supaya kecekapan perkhidmatan awam akan bertambah baik dari masa kesemasa. Antara langkah-langkah itu termasuklah:

- (a) penubuhan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia yang bertanggungjawab bagi menyelidik dan memodenkan sistem Pengurusan dalam Jabatan-jabatan Kerajaan dan merancang supaya perkhidmatan awam akan mempunyai tenaga pegawai yang cukup;
- (b) mengkaji serta memperbaiki lagi peraturan-peraturan disiplin dalam Perintah-perintah Am supaya tindakan tatatertib terhadap seseorang pegawai yang tidak cekap atau melanggar peraturan akan dapat diambil dengan lebih berkesan; dan
- (c) penubuhan satu Jawatankuasa Tetap bagi Pengaduan Awam yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara supaya Biro Pengaduan Awam akan dapat bergerak dengan lebih berkesan lagi.

Berkenaan dengan samada saya akan meminta orang ramai menggunakan sepenuhnya Biro Pengaduan Awam yang sekarang ini dikatakan kurang berkesan, pada amnya Biro Pengaduan Awam telah menjalankan tugasnya dengan baik dan memuaskan. Dalam tahun 1977 sebanyak 2,888 aduan telah diterima dan 2,221 daripadanya telah diproses. 1,225 daripada aduan-aduan yang diproses itu telah diselesaikan menjelang akhir tahun 1977. Sebanyak 266 pucuk surat penghargaan dari pengadu-pengadu yang puashati atas tindakan Biro itu telahpun diterima dalam tahun 1977. Ini dengan sendirinya membuktikan akan kekesan Biro itu. Laporan daripada Biro sentiasa dikeluarkan dari masa kesemasa untuk makluman Jumaah Menteri.

Perkara memperbaiki perkhidmatan awam khususnya di Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan, Pejabat Tanah, Jabatan Kerjaya dan Talikom itu, adalah sesuatu yang sedia mendapat perhatian berat dari Kerajaan. Satu Jawatankuasa Kemajuan Pentadbiran Negara telah ditubuhkan dan Jawatankuasa ini sudah pun membuat berbagai-bagai syor untuk melicinkan lagi perkhidmatan awam bukan sahaja di Jabatan yang disebut itu tetapi juga di Jabatan dan Kementerian-kementerian lain. Syor-syor ini sedang ditimbang untuk pelaksanaan.

PENYIASATAN DIPLOMAT MALAYSIA

25. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah keputusan penyiasatan terhadap Pegawai-pegawai diplomat kita yang berkhidmat dengan Pejabat Suruhanjaya di India yang terlibat dengan perbuatan penyeludupan dan juga sekiranya tindakan yang sewajarnya telahpun diambil terhadap Pegawai-pegawai yang berkenaan.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Jawapan berkenaan dengan soal ini telah saya berikan pada 24hb Mac, 1978.

PELARIAN VIETNAM

26. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang pelarian Vietnam yang meminta perlindungan di Malaysia sehingga hari ini;
- (b) berapa di antara mereka telah diberi perlindungan; dan
- (c) samada beliau sedar bahawa Majlis Keselamatan Negeri Trengganu telah memberi arahan dan amaran kepada nelayan-nelayan tempatan untuk mengusir bot-bot orang-orang pelarian dan apa tindakan akan diambil jika mereka memberi bantuan makanan dan sebagainya kepada pelarian-pelarian tersebut dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jawapan bagi pertanyaan (a) dan (b) telah

saya berikan di Dewan ini pada 22hb Mac lalu. Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan sekali lagi bahawa sehingga hari ini belum ada lagi sebarang permohonan dari orang-orang Pelarian Vietnam untuk mendapat perlindungan "asylum" di negara ini.

(c) Ya, saya sedar bahawa Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Trengganu telah memberi arahan kepada nelayan-nelayan tempatan supaya tidak memberi apa-apa pertolongan atau bantuan kepada bot-bot pelarian yang ditemui baik pun di perairan Malaysia ataupun di perairan antarabangsa. Mereka juga dikehendaki mengarah bot-bot berkenaan keluar kerana mereka telah disyitiharkan sebagai pendatang-pendatang haram (illegal immigrants). Nelayan-nelayan yang didapati membantu atau membawa masuk orang-orang pelarian Vietnam ke pantai Malaysia akan dianggap sebagai ber-subahat dan tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 56 (b) Akta Imigresen 1956/63 akan diambil terhadap mereka.

KAD PENGENALAN MERAH

27. Datuk Albert Mah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pemegang kad pengenalan merah di Malaysia;
- (b) adakah beliau sedar bahawa terdapat banyak dari pemegang-pemegang kad pengenalan ini adalah layak mendapatkan kewarganegaraan Malaysia dan telahpun memohon untuknya, tetapi oleh kerana kelambatan mendapatkan kelulusan dari Kementerian berkenaan, mereka-mereka ini telah mengalami kerumitan di dalam mencari kerja; dan
- (c) bolehkah beliau memberitahu bilakah tindakan segera akan diambil untuk meluluskan permohonan mereka supaya mereka senang mendapatkan pekerjaan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Jumlah pemegang Kad Pengenalan merah di Malaysia pada masa sekarang ialah 244,144 orang.
- (b) Kementerian ini sedar bahawa di antara bilangan tersebut di atas hanya terdapat 0.8% saja mereka yang memohon Kewarganegaraan. Sebagaimana yang sering diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa soal

meluluskan kewarganegaraan adalah suatu perkara yang memerlukan kajian yang mendalam dan pertimbangan yang halus dan teliti. Kelambatan yang berlaku bukanlah sengaja dibuat-buat oleh Kementerian ini. Kementerian ini terpaksa menghalusi setiap permohonan, dokumen-dokumen dan mengkaji latarbelakang pemohon-pemohon secara terperinci serta sentiasa berhati-hati agar Sijil-sijil Kewarganegaraan yang dikeluarkan itu benar-benar sampai ke tangan mereka yang berhak mendapatkannya. Kementerian ini berpendirian demikian adalah semata-mata untuk kepentingan dan keselamatan negara.

Sukacita Kementerian ini memaklumkan bahawa soal kesenangan mendapatkan pekerjaan bukanlah suatu asas dalam menimbangkan permohonan kewarganegaraan. Asas yang diambil dikira dalam memberi keputusan sebagaimana yang sering dinyatakan adalah tertakluk kepada kelayakan Perlembagaan, taraf penduduk tetap serta kepentingan dan keselamatan negara.

- (c) Jawapan kepada soalan (c) sudah pun dijawab dalam soalan (b).

JALAN-JALAN DI BANDARAYA— PENYELARASAN

28. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa samada Kerajaan sedar jalan-jalan di Bandaraya Kuala Lumpur bukan sahaja sudah terlalu kecil (sekurang-kurangnya diadakan 3 lanes) tetapi masalah menggali untuk memasang paip, ducts and lights adalah menjadi-jadi disebabkan short-sighted planning, samada satu coordinating effort dapat dilaksanakan dengan kerjasama Dewan Bandaraya, RIMV, Polis, Syarikat-syarikat bas, L.L.N. dan Talikom dan samada kerja korek-mengorek jalan dapat dibuat pada waktu malam untuk mengurangkan kesesakan lalulintas yang mendesak sekarang ini.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Saya sedar jalan-jalan di Bandaraya Kuala Lumpur telah menjadi sesak dan kerja-kerja gali-menggali untuk memasang

paip-paip, ducts dan dawai-dawai letrik mengganggu lalulintas. Bagi menyelaraskan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh agensi-agensi seperti Bandaraya, RIMV, Polis, L.L.N., Talikom dan sebagainya, Bandaraya memang ada Pasukan Petugas tetapi oleh kerana keadaan-keadaan yang tidak dapat dielakkan seperti paip air yang pecah, dawai talikom yang putus atau dawai letrik diganti atau disambung, maka kerja gali-menggali dan korek-mengorek jalan tidak dapat diselaraskan antara agensi-agensi berkenaan. Apabila satu jalan baru dibina di mana kerja-kerja bagi semua agensi-agensi tersebut telah diselaraskan dengan sempurnanya, kerja-kerja itu tidak dapat dilakukan oleh kerana kadang-kadang bekalan seperti dawai bagi L.L.N. atau Talikom lambat sampai, dan ini menyebabkan usaha-usaha penyelarasan itu terjejas. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum jalan-jalan dalam Bandaraya Kuala Lumpur kebanyakannya adalah jalan lama yang dirancang dan dibina lebih daripada 80 tahun dahulu dan di zaman itu kenderaan-kenderaan adalah kurang dan dengan itu jalan-jalanraya itu adalah kecil. Walaupun demikian, usaha-usaha untuk mengurangkan kesesakan lalulintas akibat kerja-kerja korek-mengorek ini sentiasa diberi perhatian. Ada satu rancangan jangka panjang bagi "Traffic Dispersal Scheme" yang mana kerja-kerja untuk membina "middle ring road", "outer ring road" dan "highway" dalam kawasan wilayah sedang dilaksanakan dan menelan belanja beratus-ratus juta ringgit dan apabila rancangan ini siap kelak, maka kesesakan lalulintas dalam Bandaraya Kuala Lumpur akan berkurang.

Di mana-mana boleh, Dewan Bandaraya telah menjalankan kerja-kerja korek-mengorek jalan pada waktu malam untuk mengurangkan kesesakan lalulintas. Tetapi sesuatu projek tidak dapat disiapkan dalam satu malam dan dikehendaki dijalankan pada siang hari.

RANCANGAN PERUMAHAN DI SABAH

29. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan:

(a) bilakah beliau dapat melawat Sabah bagi memberi galakan kepada rancangan-rancangan perumahan di sana;

(b) berapakah banyak wang telah diberi atau dikeluarkan kepada rakyat daripada Wang Pusingan Perumahan Rakyat yang diumumkan oleh Allah Yarham Perdana Menteri yang lalu dan bagaimanakah cara-cara memohon pinjaman ini; dan

(c) berapa banyakkah wang telah diberi bagi negeri Sabah untuk kemajuan perkampungan, kiranya ada, di manakah wang itu telah diberi, kiranya tidak, mengapa.

Dato' Michael Chen Wing Sum:

(a) Jika keadaan mengizinkan saya akan melawat Sabah untuk meninjau dengan sendiri kemajuan pelaksanaan rancangan-rancangan perumahan di negeri tersebut.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya sentiasa mengambil berat tentang pelaksanaan rancangan-rancangan perumahan di semua negeri di Malaysia. Untuk Negeri Sabah khususnya sehingga 28hb Februari, 1978 Kementerian saya telah meluluskan pinjaman sebanyak \$12,291,000 untuk membina 1,147 unit rumah di bawah rancangan perumahan awam kos rendah.

(b) Mengenai Sekim Pinjaman Perumahan untuk Golongan Berpendapatan Rendah dimaklumkan sehingga tarikh 28hb Februari, 1978 jumlah wang yang ditanggung adalah \$375,500. Dari jumlah itu wang yang telah dibayar dan dalam proses bayaran adalah \$22,625.

Cara memohon pinjaman dari Sekim ini ialah dengan memohon ke Kementerian dengan menggunakan borang permohonan yang disediakan khas untuk sekim ini. Walau bagaimanapun patut juga saya jelaskan di sini bahawa pada masa ini, permohonan yang akan diproses hanyalah dari kawasan yang tertentu sahaja. Ini disebabkan oleh kekurangan kakitangan Kementerian saya untuk mengendalikan Sekim ini ke seluruh negara dengan serentak. Pelaksanaan Sekim ini boleh diluaskan

lagi apabila kakitangan yang lebih diperolehi dan juga apabila Kerajaan-kerajaan Negeri dapat membantu Kementerian saya dalam perkara ini.

- (c) Kementerian saya masih belum lagi meluluskan peruntukan untuk projek-projek kecil kepada Negeri Sabah kerana sebelum pertukaran nama Kementerian saya, aktiviti serta bidang tugas Kementerian saya terhad kepada kemajuan kampung-kampung baru sahaja. Hanya pada awal tahun 1977 aktiviti Kementerian saya dapat diperluaskan dengan meliputi kampung-kampung tradisional yang di persekitaran kampung-kampung baru. Pemberian peruntukan kepada Negeri Sabah akan dipertimbangkan pada tahun ini sekiranya ada permintaan dari pemimpin-pemimpin tempatan untuk mendapatkan projek-projek kecil di kampung masing-masing. Walau bagaimanapun kelulusan hanya diberikan berasaskan kepada "felt-needs" penduduk sesuatu kampung itu.

IJAZAH PERUBATAN—PENILAIAN

30. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan asas yang digunakan untuk "evaluation" ijazah-ijazah dibuat selalu untuk menambahkan senarai sekolah-sekolah perubatan yang diiktirafkan demi kepentingan pelajar-pelajar yang tidak berjaya mendapat tempat di kolej-kolej perubatan tempatan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Jadual Kedua dalam Akta Perubatan 1971 (yang mengandungi senarai kolej-kolej perubatan yang diiktiraf) dipinda dari masa kesemasa untuk menambah kepada senarai itu. Di sini Kementerian Kesihatan bertindak atas nasihat Majlis Perubatan Malaysia berkaitan dengan sesuai atau tidaknya ijazah perubatan kolej-kolej luar negeri diiktirafkan. Pada masa yang lampau, rombongan bersama Majlis Perubatan Malaysia/Jabatan Perkhidmatan Awam telah melawat beberapa institusi pelajaran tinggi, termasuk kolej perubatan di luar negeri, untuk membuat penilaian tempatan.

KEMATIAN DALBIR SINGH—PENYIASATAN

31. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang kematian seorang deserter tentera, Dalbir Singh, dari Pasukan 4 Jurutera, Taiping, di Hospital Besar Melaka pada 13hb Februari, 1978, yang dikatakan telah meninggal dunia "setelah jatuh dari tangga di Bilik Pengawal Tentera" di kem Sungai Udang, Melaka;
- (b) samada beliau sedar ibu mendiang Dalbir Singh, Puan Jasmail Kaur, mendapati badan anaknya itu telah dipukul dengan teruknya serta juga berbincul khasnya di bahagian dada dan lututnya, dengan terdapatnya luka yang besar di bawah telinga kirinya dan darah pula bergumpal di seluruh badannya;
- (c) samada beliau sedar Dalbir Singh dicukur botak oleh pihak tentera sebelum beliau meninggal dunia dan bulu matanya pun telah dicukur kesemua ini merupakan kesalahan yang amat berat terhadap kepercayaan dan ugama sikh;
- (d) samada beliau sedar Dalbir Singh disiksa secara fizikal dengan teruk;
- (e) nyatakan samada siasatan ke dalam kematian Dalbir Singh telah siap, jika ya, nyatakan hasil siasatan tersebut; dan
- (f) nyatakan langkah-langkah Kerajaan telah akan mengambil untuk menghentikan perkara pukulan bengis serta kekerasan fizikal yang digunakan oleh anggota-anggota pasukan keselamatan jika sekiranya pasukan keselamatan hendak terus menikmati penghormatan serta keyakinan rakyat.

Menteri Pertahanan (Datuk Hussein Onn):

Saya sedar akan kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan sehingga ini satu Lembaga Penyiasatan yang ditubuhkan oleh Division Ketiga, Terendak pada 6hb Mac, 1978 sedang memproses laporan penyiasatan kes ini untuk mendapatkan kedudukan yang sebenarnya mengenai kematian Spr. Dalbir Singh.

Sehingga Lembaga tersebut mengemukakan hasil penyiasatannya, saya tidaklah dapat mengesahkan atau menafikan kenyataan-kenyataan di dalam soalan-soalan Ahli Yang Berhormat yang selanjutnya.

RAPAT UMUM PILIHANRAYA DI KELANTAN

32. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah rapat-rapat umum untuk pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan tidak dibenarkan, sedangkan dari segi keselamatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri telah memberi jaminan tak akan berlaku perkara yang tidak diingini, dan keselamatan adalah terkawal.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Setelah 95 hari Undang-undang Darurat (1977) dikuatkuasakan di Kelantan, Kerajaan Pusat berpuas hati bahawa keadaan suasana politik dan pentadbiran di Kelantan sudah pulih yang membolehkan Kerajaan Pusat pada 12hb Februari, 1978 menyerahkan balik pemerintahan negeri Kelantan kepada rakyat Kelantan iaitu balik kepada demokrasi berparlimen.

Pada 16hb Februari, 1978 telah diumumkan pilihanraya untuk Dewan Undangan Negeri Kelantan akan diadakan pada 11hb Mac, 1978. Jawatankuasa Keselamatan Negeri Kelantan dalam mesyuaratnya pada 22hb Februari 1978 mengambil keputusan tidak membenarkan rapat umum diadakan kerana rapat-rapat umum itu melibatkan orang ramai, maka tidaklah dapat dinafikan kemungkinan berbangkit sesuatu keadaan yang tidak diingini yang boleh merosakkan kedudukan ketenteraman awam.

Walau bagaimanapun ceramah-ceramah di dalam bangunan, kempen dari rumah ke rumah serta pemasangan sepanduk-sepanduk dan poster-poster adalah dibenarkan.

UNDANG-UNDANG KEDIAMAN TERHAD

33. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Undang-undang menyatakan oleh kerana pertahanan orang di bawah undang-undang "Kediaman Terhad" dan "Ordinan Mencegah Jenayah" yang dituduh sukar atau kadang kala tidak mendapat pembelaan peguam adakah Kerajaan akan meminda undang-undang untuk memastikan adanya peguam mewakili yang dituduh dan meneliti tuduhan-tuduhan yang dihadapkan kepadanya.

Menteri Undang-undang (Datuk Sri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Bagi seseorang yang ditangkap mengikut kuasa-kuasa yang diberi oleh undang-undang "Kediaman Terhad" dan "Ordinan Mencegah Jenayah", ia adalah diberitahu dan diberi salinan mengenai tuduhan-tuduhan yang dikenakan terhadapnya. Di samping itu alasan-alasan mengenai perkara ini juga diberitahu kepada orang tersebut dan satu salinan yang menyatakan alasan-alasan tersebut juga diberi kepadanya. Orang yang berkenaan diberi hak untuk membantah tuduhan-tuduhan dan menafikan alasan-alasan yang telah diserahkan kepadanya itu. Ia juga mempunyai hak untuk mendapatkan perkhidmatan peguam bagi meneliti tuduhan-tuduhan dan alasan-alasan tangkapan itu serta membelanya di suatu penyiasatan yang diadakan mengenai perkara ini. Hak bagi orang seumpama ini adalah dijamin oleh Perkara 5 Perlembagaan Malaysia dan hak ini tidaklah terhapus oleh mana-mana undang-undang yang dibuat di negara ini. Oleh yang demikian tidaklah benar bahawa mereka yang ditangkap dan ditahan di bawah undang-undang "Kediaman Terhad" dan "Ordinan Mencegah Jenayah" tidak diberi peluang untuk mendapatkan perkhidmatan peguam untuk membela dirinya. Soalan mengadakan satu undang-undang atau meminda undang-undang tidak timbul oleh kerana peruntukan yang terkandung di dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan mengenai hal ini adalah mencukupi.

SEKIM SOCSO

34. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) samada Kerajaan akan memansuhkan SOCSO;
- (b) samada beliau sedar bahawa mangsa-mangsa dan pekerja-pekerja tidak begitu gembira dengan sekim SOCSO; dan
- (c) samada Kerajaan akan membentuk sebuah Jawatankuasa Di Raja untuk menyiasat aduan-aduan tentang perjalanan Sekim SOCSO.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):

- (a) Tidak. Kerajaan tidak bercadang memansuhkan Sekim SOCSO ini, tetapi

sebaliknya akan meluaskan bidang kegiatannya, supaya benar-benar dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan, demi menjaga kepentingan dan masa depan pekerja-pekerja dan keluarga-keluarga mereka.

Sekim SOCSO atau PERKESO telah ditubuhkan oleh Akta Parlimen pada Tahun 1969 "bagi mengadakan peruntukan mengenai faedah-faedah tertentu bagi pekerja-pekerja sekiranya ilat dan mendapat bencana kerja termasuk penyakit-penyakit khidmat dan bagi membuat peruntukan mengenai beberapa perkara yang lain yang berkaitan dengannya". Selaras dengan tujuan tersebut PERKESO telah, sejak ditubuhkan pada tahun 1971 mendaftarkan lebih daripada 933,000 pekerja di 25,362 tempat kerja, yang terdapat di 33 kawasan di seluruh tanahair, sehingga akhir tahun lepas. Dalam tempoh yang sama lebih dari \$9.6 juta, termasuk \$3 juta dalam tahun 1977, telah dikeluarkan dari tabungunya untuk tujuan membayar faedah kepada pekerja-pekerja. Sehingga akhir tahun lepas 1,925 pekerja dan 1,151 orang tanggungan sedang menerima pendapatan bulanan dari PERKESO yang berjumlah di antara \$15 hingga \$270. Bayaran ini akan dibuat *seumur hidup* pekerja-pekerja itu. Bagi orang-orang tanggungan mereka pula, bayaran akan dibuat kepada si isteri sehinggalah ianya bersuami semula dan bagi anak-anak sehingga mereka meningkat usia 14 tahun atau 16 tahun jika bersekolah. Kepada pekerja-pekerja ini dan orang-orang tanggungan mereka dan kepada mereka yang akan memasuki kumpulan ini pada masa hadapan pula, PERKESO sahajalah yang merupai harapan yang tunggal kepada mereka. Bayaran-bayaran yang dibuat itu adalah merupai pendapatan gantian kepada kebanyakan daripada mereka; kepada yang lain pula ianya adalah merupai tambahan yang berguna kepada pendapatan mereka oleh kerana tidak semua pekerja yang mendapat kemalangan itu tidak dapat bekerja lagi dan terus menerima pendapatan tetap. Pihak Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menunaikan kewajipan terhadap pekerja-pekerja dan keluarga-keluarga mereka yang

mendapat kemalangan dengan meneruskan pembayaran faedah-faedah. Oleh itu kerana Kerajaan *tidak* sama sekali bercadang hendak memansuhkan PERKESO.

- (b) Ya, saya sedar tentang adanya sekumpulan kecil pekerja yang tidak berasa senang hati dengan sekim-sekim PERKESO. Ini adalah disebabkan mereka tidak sedar bahawa PERKESO, pada masa ini, hanya mentadbirkan dua sekim Keselamatan Sosial sahaja iaitu Sekim Bencana Kerja dan Sekim Ilat. Oleh itu Pertubuhan ini bercadang hendak menambah sekim-sekim lain tidak lama lagi. Cadangan-cadangan untuk menaikkan lagi kadar faedah kepada sekim-sekim yang ada dari 5% minima kepada 500% dan untuk mengadakan satu had minima yang lebih tinggi untuk faedah-faedah sekarang sedang dikaji oleh Kementerian saya sekarang. Kami harap juga bahawa sekim PERKESO akan meliputi di merata tanahair sebelum akhir 1980.
- (c) Tidak perlu bagi Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk menyiasat aduan-aduan tentang perjalanan Sekim PERKESO. Sebenarnya, satu kajian yang lengkap telah dijalankan dengan bantuan dari 3 orang Pakar-pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa baharu-baharu ini tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh Pertubuhan itu dan untuk memperluaskan scope rancangan PERKESO. Perakuan-perakuan daripada kajian ini sedang dikaji dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Kementerian saya berharap akan dapat melaksanakan semua perakuan-perakuan itu selewat-lewatnya sebelum tamat Rancangan Malaysia Ketiga.

LETRIK KE KAMPUNG-KAMPUNG

35. Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar:

- (a) salah satu daripada kelambatan memasukkan api-api letrik ke kampung-kampung ialah kekurangan tiang-tiang,

alat-alatan dan kekurangan Pegawai dan Kakitangan, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini; dan

- (b) bahawa di setengah-setengah kawasan (Kampung Raja, Sungai Petani), tiang-tiang api letrik telah didirikan lebih dari 5 tahun hinggalah tiang-tiang itu rosak tetapi wayar-wayar api letrik tidak juga dipasang, jika ya, apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

- (a) Jawapan kepada soalan yang sama telahpun saya berikan dalam Dewan yang mulia ini pada 24-3-78 ketika menjawab pertanyaan Ahli Y.B. dari Kuala Selangor. Saya tidak bercadang hendak memberikan maklumat-maklumat tambahan.
- (b) Dimaklumkan bahawa pihak Lembaga Letrik Negara telah pergi menyiasat ke kawasan yang disebutkan oleh Ahli Y.B. itu iaitu Kg. Raja, Sungei Petani dan keadaan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Y.B. itu tidak dijumpai.

PERATURAN DISIPLIN SEKOLAH

36. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar atau tidak Kementerian ini akan mengkaji semula peraturan-peraturan yang ada sekarang supaya semua guru akan dibenarkan merotan murid. Jika ya, bukankah ini bermakna prinsip membentuk keperibadian (character) seorang melalui cara "reasoning, persuasion dan good example" telah diabaikan. Bukankah ini bermakna mengakui bahawa pihak guru dan cara pengajaran moden telah gagal.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Kementerian Pelajaran telah menerima beberapa syor dari pihak-pihak berkenaan supaya Peraturan-peraturan Disiplin Sekolah diubahsuakan.

KEWARGANEGARAAN KEPADA LELAKI ASING

37. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa wanita-wanita asing yang

berkahwin dengan laki-laki Malaysia adalah berkelayakan memohon kewarganegaraan negara ini sedangkan laki-laki asing yang berkahwin dengan wanita-wanita Malaysia tidaklah berkelayakan memohon kewarganegaraan Malaysia. Bolehkah Menteri menjelaskan perbezaan yang tidak sesuai ini dan adakah beliau akan mengambil tindakan supaya membetulkannya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Lazimnya seseorang isteri itu adalah tanggungjawab si suami. Berdasarkan prinsip inilah maka di kebanyakan negara si isteri diberi hak menjadi warganegara negara si suami. Begitulah juga di Malaysia ini kita amalkan prinsip yang sama sepertimana yang jelas termaktub dalam Perlembagaan kita Perkara 15 (1). Di bawah Perkara ini wanita asing ataupun wanita tempatan yang berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia adalah berhak didaftarkan sebagai Warganegara Malaysia. Bagaimanapun seorang lelaki asing yang telah berkahwin dengan wanita warganegara Malaysia adalah layak memohon untuk menjadi Warganegara di bawah Perkara 19 (1) Perlembagaan, sekiranya ia memenuhi syarat-syarat yang diperlukan.

Memandangkan prinsip ini adalah sesuai bagi negara kita dan diamalkan juga oleh kebanyakan negara lain maka pindaan tidak perlu dibuat ke atas peruntukan Perlembagaan yang berkenaan.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti nya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun

mempersalahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat" (24hb Mac, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini ialah hari kelima Majlis ini membahaskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Dan 22 orang Ahli Yang Berhormat sudah bercakap daripada 104 orang ahli yang boleh mengambil bahagian bercakap di dalam perbahasan ini selain daripada Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan juga Timbalan Speaker.

Oleh sebab banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya hendak bercakap dan saya sudah berjanji tidak akan membataskan masa asalkan ucapan itu berisi mengikut apa perkara yang dibahaskan. Saya bercadang supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh bercakap sehingga pada hari Jumaat 31hb Mac, 1978 ini melainkan tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Kalau tidak ada, barulah saya minta Yang Berhormat Menteri pula menjawab.

Pada masa Dewan ditangguhkan pada hari Jumaat yang lalu Yang Berhormat dari Kangar telah bercakap selama 53 minit dan Ahli Yang Berhormat itu nampaknya hendak menyambung lagi. Saya harap boleh menyambung dan tumpukan kepada perbahasan ini dengan isi-isi dan perkara-perkara yang dibangkitkan supaya memberi manfaat di Dewan ini.

Sekarang saya persilakan Ahli Yang Berhormat itu menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada 24hb Mac, 1978 yang lepas saya berhenti berkenaan dengan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sama-sama maklum kemarau telah menjadi-jadi pada tahun ini, boleh dikatakan seluruh Malaysia tetapi tidak ada kemarau yang paling dahsyat sekali yang menimpa melainkan Kedah dan Perlis.

Bersyukurlah kita kepada Tuhan yang mana Kerajaan kita telah mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh dengan membuat perjanjian sebagaimana saya katakan pada 24hb Mac, 1978 yang lepas yang memberi, kalau tidak silap saya \$6.2 juta kepada kawasan-kawasan meliputi MADA di negeri Kedah dan Perlis.

Tetapi saya berasa sedih sekali kerana kawasan MADA ini boleh dikatakan ada perairannya yang cukup walaupun mereka tidak boleh buat dua kali tepat sebagaimana yang ditentukan tetapi dengan sebab adanya air mereka ini dapat lebih, kalau tidak dua kali pun sekali mendapatkan padi yang baik. Saya sendiri saksi dengan mata saya sendiri. Tetapi dengan kawasan-kawasan yang tidak ada kawasan MADA khususnya di Perlis iaitu di kawasan saya amatlah sedih. Boleh dikatakan tidak dapat langsung padi pada tahun ini.

Kalau di kawasan MADA boleh dibuat dua kali, kalau tidak boleh buat dua kali pun, sekali pun dapat padi yang memuaskan, kawasan yang tidak ada MADA tidak boleh langsung. Tiba-tiba peruntukan keistimewaan pula diberi kepada MADA, tetapi kepada yang bukan MADA tidak diberi. Ini saya fikir patutlah dikaji dengan se dalam-dalamnya. Saya haraplah diberi bantuan segera khususnya kepada kawasan-kawasan yang belum ada MADA.

Di sini saya mengesyorkan juga oleh kerana pada pendapat saya tanah di Perlis tidak ada perbezaan di antara selatan dengan utara. Kalau ada perbezaannya pun yang bukit-bukaunya terlampau sedikit.

Dengan sebab itu, saya berharap Kementerian yang berkenaan menyambung atau mengadakan MADA khas kepada Perlis Utara kalau tidak 100% pun sampai 25% ke Perlis Utara. Dengan lebih tepat saya cadangkan Kerajaan patut mengadakan Perairan MADA ataupun sebagaimana Kerajaan buat Mini Bas, Kerajaan mengadakan pula Mini MUDA di kawasan Perlis Utara.

Inilah harapan saya dan saya fikir sesuai sangat dan saya minta supaya dikaji kerana banyak tanah-tanah yang sesuai patut dibuat begitu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapat tahu di kawasan Perlis berkenaan dengan Pejabat Pertanian akan ditarik balik berkenaan dengan di kawasan MADA iaitu enam orang pegawai Pertanian di Perlis Selatan.

Tetapi Perlis Selatan ini pun, ada juga hasil pertanian seperti mempelam dan berbagai-bagai lagi yang sesuai untuk ditanam. Jadi kalaulah pegawai-pegawai ini ditarik tentulah tidak menasabah kerana tanaman yang sesuai hendaklah dapat nasihat daripada pegawai-pegawai yang berkenaan.

Dengan sebab itu saya berharap tarikan itu patutlah dikaji dan harapan saya kalau boleh hendaklah dikekalkan pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemberian traktor, saya juga ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Pertanian melalui Persatuan Peladang dan sebagainya dan saya berharap biarlah dibuat follow-up dan dikaji semula. Janganlah setelah diberi tidak ditengok apa hasilnya samada baik ataupun buruk.

Kalau boleh diadakan satu syarat supaya Persatuan Peladang ataupun pihak yang menerima traktor itu hendaklah mengambil upah yang tertentu kepada ahlinya dan janganlah begitu mahal supaya traktor yang diberi itu boleh mendapat keuntungan biarlah berpanjangan jangan sampai traktor itu jahanam, pemberian bantuan terpaksa diminta dan sebagainya. Biarlah mendapat keuntungan kepada pihak yang menerima traktor tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan taliair sebagaimana yang kita tahu ia adalah satu syarat yang besar untuk pertanian khususnya padi yang mana taliair ini tidak begitu mencukupi. Tetapi yang sedihnya kadang-kadang ampangan untuk menaikkan air ke bendang-bendang yang berkenaan tidak sesuai. Saya harap sangat kepada pegawai-pegawai atau jurutera-jurutera taliair patutlah juga mendapat nasihat daripada pak-pak tani kerana perkara ini telah selalu saya cakap dan selalu disuarakan oleh rakyat. Baru-baru ini dalam kawasan saya sendiri pihak Jabatan Parit dan Taliair akan mengadakan ampangan ataupun belat pada satu tempat, tetapi bagi pendapat pak tani dan orang kampung yang berkenaan mereka sudah tahu walaupun mereka tidak ada ke-

lulusan kejuruteraan di segi taliair, tetapi mereka sudah turun-temurun mengetahui buat kata pepatah: alah bisa tegal biasa. Mereka sudah tahu tempat mana yang patut dibuat ampangan dan tempat mana yang tidak patut, dengan sebab itu banyak ampangan yang dibuat hari ini dengan harga berpuluh ribu, kadang-kadang berbelas-belas ribu ringgit, ampangan tinggal ampangan, hajat yang dihajati tidak sampai samada di pihak taliair dan juga pak tani. Jadi, saya merayu kepada pihak jurutera taliair di negeri mana sekalipun khususnya di negeri Perlis biarlah mengkaji dahulu dan ambillah pendapat daripada pak tani yang berkenaan sebelum dibuat satu-satu rancangan. Walaupun mereka ini bukan orang yang berkelulusan, tetapi pengalaman juga kita kehendaki dalam satu-satu bidang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan Bank Pertanian. Saya mendapat tahu Bank Pertanian ini telah beri peruntukan atau pinjaman kepada orang yang hendak membuat bendang dua kali setahun, tetapi bagi orang yang membuat bendang sekali setahun tidak mendapat peruntukan kredit daripada Bank Pertanian. Saya berharap perkara ini juga patut dikaji semula dan bagi pihak orang yang membuat bendang mereka juga akan mendapat faedah, dan mereka juga berharap sangat pertolongan daripada Kerajaan. Walaupun mereka buat bendang dua kali setahun tetapi perbelanjaan selepas ditolak dan dicampur, agak saya tidak banyak mendapat keuntungan. Jadi kalau dibuat sekali perbelanjaan tidak begitu banyak dan hasil yang diperolehi lebih kurang sama kalau hendak dibandingkan dengan orang yang membuat bendang dua kali, dan kita hendaklah membuat syarat-syarat yang tertentu supaya menghadkan orang yang tidak membuat bendang dua kali tidak dapat pinjaman. Perkara ini patut juga dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap berkenaan dengan koperasi. Koperasi ini adalah perkara yang sangat baik pada hari ini, tetapi saya berpendapat patutlah ditambah pegawai-pegawai dan diberi kursus-kursus berkenaan koperasi yang terdapat di seluruh negara kita termasuk juga negeri Perlis. Kita tahu selain daripada kewangan, maka hendaklah ada kejujuran pentadbiranlah yang baik untuk menjayakan satu-satu rancangan. Dengan sebab itu, saya berharaplah Kementerian yang berkenaan mengambil berat di atas perkara ini.

Mengenai MAJUIKAN, saya mengucapkan terima kasih kerana Kerajaan telah mengambil daya usaha bersungguh-sungguh memberi pukut tunda. Saya masih ingat lagi semasa Allahyarham Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad, kalau tidak silap saya pada 3hb Disember, 1977 pada hari Sabtu beliau telah membahagikan banyak pukut-pukat terutama kepada nelayan-nelayan di Perlis khususnya di Kuala Perlis. Bagi pihak rakyat Perlis kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Allahyarham dan berdoa kepada Tuhan agar mencururi rahmat ke atas rohnya di atas pemberian beliau itu. Tetapi yang saya ingin katakan di sini di antara bidang pertanian, nelayan atau bercucuk tanam, kaum nelayanlah yang bekerja paling teruk di laut. Kalau dibandingkan pendapatan pak tani juga teruk, tetapi hasil yang banyak diperolehi ialah peniaga-peniaga atau orang-orang tengah. Kalaulah kita sanggup memberi peruntukan berjuta-juta ringgit kepada nelayan-nelayan ataupun kepada pak tani, saya berharap di segi pemasaran patutlah kita menguasainya. Di segi pemasaran sebagaimana yang kita tahu sangat payah, tetapi saya berharaplah kepada Kerajaan supaya sanggup memberi peruntukan berjuta ringgit di segi bantuan lain, di segi pemasaran hendaklah kita pegang dan kita tolong jika untuk memajukan kaum nelayan dan dapat menjamin nasib kaum nelayan yang bekerja teruk, bergadai nyawa, pergi ke laut kadang-kadang dikejar oleh lanun, kadang-kadang ditembak oleh kapal lain. Habuan yang didapatinya tidak begitu banyak, tetapi kerjanya teruk, sedangkan orang yang mengendalikan pemasaran seperti orang tengah dan sebagainya yang memperoleh keuntungan. Orang tengah ini kerjanya tidak begitu teruk. Walaupun mereka mengeluarkan modal dan mencari wang tetapi biarlah setimpal kerana kita fikir manusia yang begitu teruk bergadai nyawa untuk mendapat hasil dan sebagainya dengan kerana mereka jugalah kita mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bercakap mengenai taliair, saya juga hendak bercakap mengenai KEMAS. Saya mengucapkan terima kasih kepada Allahyarham Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad dan disambung oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hari ini iaitu Menteri yang muda, yang aktif dan cergas, kita harap rancangan ini dapat berjalan dengan baik

seperti di masa yang lepas dan kalau boleh dilebihkan lagi. Saya dapati terutamanya di negara Perlis kadang-kadang menjadi kelam-kabut kepada guru-guru dan penyelia-penyelia KEMAS yang mana sekarang ini gajinya telahpun dinaikkan. Perkara yang kelam-kabut ialah mengenai soal pembayaran gaji kerana pegawai yang menandatangani cek itu cuma seorang. Jika ditakdirkan pegawai yang berkenaan bercuti dan saya mendapat tahu di negeri saya sendiri di Perlis pegawai yang bertugas mengenai urusan kerjanya terpaksa meninggalkan negeri Perlis selama 15 hari, maka selama itulah kalau ada wang yang hendak dibayar kepada penyelia ataupun guru tidak dapat dikeluarkan kerana cek yang berkenaan tidak dapat ditandatangani melainkan oleh orang yang berkenaan. Dengan sebab itu, saya berharap biarlah ditambah lagi pegawai-pegawai yang menandatangani cek selain daripada pegawai yang seorang itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tempat penyembelihan, saya berpendapat selain diadakan di Petaling Jaya patut juga diadakan tempat penyembelihan di negeri utara samada di Kedah ataupun di Perlis kerana kita mendapat tahu hari ini biarlah kita bercakap terus-terang kerbau lembu yang dapat masuk kebanyakan ialah daripada negeri utara yang dihantar dengan lori, keretapi dan sebagainya. Saya fikir mengikut zaman sains dan teknologi hari ini patutlah kita adakan tempat penyembelihan ini di utara samada di negeri Kedah ataupun di Perlis, perbelanjaannya tidaklah begitu banyak, daripada kita mengimpot daging-daging yang bercukai ke sini. Kita hanya menyediakan tempat yang cukup seperti peti sejuk dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya rasa lebih selamat dan lebih menjimatkan wang daripada apa yang kita jalankan pada hari ini. Saya mencadangkan kepada Kerajaan patutlah mengadakan tempat penyembelihan yang khas di negeri Perlis.

Akhir sekali, saya juga suka hendak bercakap mengenai bantuan kerbau lembu. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan kerana memberi banyak peruntukan lembu-lembu kepada pak-pak tani termasuk di negeri Perlis. Borang permohonan dikeluarkan terlampau banyak tetapi tidak semuanya dapat; kita hendaklah mengkaji supaya perkara ini mendatangkan satu kebaikan. Saya harap kalau boleh dikaji pengeluaran borang itu supaya

jangan terlampau banyak dan yang menjadi masalahnya ialah kepada wakil rakyat apabila hendak diberi sokongan kadang-kadang tidak berpatutan.

Yang kedua, saya harap kalau boleh biarlah lembu yang hendak diberi itu bersesuaian dengan iklim Malaysia, janganlah kita berikan lembu itu tempatnya tidak sesuai dan hendaklah ada follow-up samada lembu yang kita beri itu gemok, beranak atau tidak ataupun apabila ditinggalkan terus mati.

Saya ingin memaklumkan kepada Jabatan yang berkenaan ada lembu-lembu yang diberi mati terus kerana makanan tidak sesuai diberi kepada lembu yang berkenaan. Saya harap kajilah dahulu apakah makanan yang hendak diberi kepada lembu ini dan beri baka yang baik dan bersesuaian dengan keadaan Malaysia khasnya dengan keadaan tempat. Kalau boleh ditambahkan peruntukan yang berkenaan, begitu juga anak-anak ayam yang diberi dengan banyaknya. Saya mengucapkan terima kasih tetapi ayam itu ayam jenis moden yang tidak memakan sebarang makanan, ayam yang memakan dedak, kalau makan padi dia tidak hidup. Kadang-kadang kalau kena pada makanannya ayam yang dalam had umur 1½ bulan beratnya sudah naik sampai 4 kati. Tetapi kalau tidak kena pada makanannya, ia mati. Jadi kalaulah Kerajaan sanggup memberi anak-anak ayam biarlah makanannya yang bersesuaian walaupun tidak banyak yang kita kehendaki tetapi hendaklah kita mencapai matlamatnya. Jangan beri anak ayam seperti saya katakan tadi, dan mengikut kata setengah pak tani akhirnya ayam itu walaupun tidak mati tetapi ia kurus tidak seperti ayam. Ini pelik sangat. Saya berharap Kementerian yang berkenaan buat kajian atas perkara ini. Tentang pemberian ayam ini saya ucapkan terima kasih dan saya harap biarlah beri banyak tetapi kalau kita sanggup beri ayam, sanggupkanlah juga beri makan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini anak ayam untuk isi atau untuk telur, dia ada dua jenis.

Tuan Shaari bin Jusoh: Kebanyakan ayam untuk daging.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk isi—daging!

Tuan Shaari bin Jusoh: Untuk daging. Saya beralih pula kepada Kementerian lain . . .

Tuan Yang di-Pertua: Kata akhir tadi!

Tuan Shaari bin Jusoh: Akhir bagi Kementerian tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Teruskan!

Tuan Shaari bin Jusoh: Berkenaan Kementerian Penerangan saya ucapkan terima kasih yang mana tadi dijawab oleh Menteri. Saya berharap Kementerian Penerangan sebagaimana dalam soalan saya biarlah dibanyakan sedikit peruntukan tayangan-tayangan mengenai filem Malaysia dan sebagainya. Saya tengok hari ini kereta-kereta penerangan macam mana di masa yang lepas tidak ada wal hal ada juga penduduk-penduduk yang berhajat sangat supaya penerangan ini kalau setakat kita buat TV kadang-kadang orang tidak suka dengar, mereka berharap sangat kereta penerangan ini dibanyakan macam mana di masa-masa yang lepas. Dalam gambar TV itupun saya harap kalau boleh kita tidak hendak lucu tetapi biarlah lucu membawa kebaikan, sambil kita senda-gurau di situ membawa kebaikan. Kalau boleh banyakkannya dengan Bahasa Malaysia kerana kadang-kadang terdapat sungutan-sungutan. Kalau kita tengok rancangan-rancangan di TV seolah-olah macam bukan hak rakyat Malaysia, yang ada pun bagi rakyat Malaysia kita kalau tidak silap saya dalam rancangan TV—¼ sahaja. Kerap kali banyak rancangan-rancangan daripada orang lain dan cerita-cerita macam saya kata tadi biarlah membawa satu cerita yang menafaat dan kebaikan. Janganlah macam kita tengok satu cerita "Cowboy" budak-budak yang baik hendak jadi "Cowboy" sepertimana yang ditengok dalam TV. Biarlah kita cari daya usaha, baik pun filem-filem luar yang membawa kebaikan dari segi moral dan sebagainya. Itu saya harap sangat.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ada perusahaan-perusahaan filem yang dibuat ini, saya ingat dalam perbincangan ini saya sentuh juga. Saya berharap patut Kementerian yang berkenaan atau Kementerian Perdagangan dan Perindustrian beri dorongan sekuat-kuatnya kepada perusahaan filem tersebut kerana kita berharap dengan filem-filem ini mendapat keuntungan kepada pengusaha-pengusaha filem kita. Yang kedua mendapat faedah kerana bila kita beri dorongan kita bolehlah menasihati kepada pengeluar-pengeluar filem ini supaya mencari satu gambar yang membawa kebaikan kepada rakyat

Malaysia dan bersesuaian dengan rakyat Malaysia. Filem ini kita tahu yang menjadi halangan besar kepada filem-filem keluaran tempatan ialah filem-filem daripada luar negeri, kalau tidak salah saya daripada negara jiran, baik daripada Hongkong ataupun Indonesia.

Saya berharap bagi pihak Kementerian, baik Kementerian Penerangan ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tolonglah beri dorongan dan bantuan kepada perusahaan-perusahaan filem tempatan untuk mendapat kemajuan dan kita tahu tiap-tiap yang mendapat kemajuan itu terpaksa mereka ini dengan mendapat pertolongan modal dan sebagainya daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan. Kita harap sangat yang mana filem-filem Melayu pada tahun lima puluhan dahulu mendapat tempat yang baik maka kita berharap seboleh-bolehnya pada masa ini juga supaya perkara ini mendapat kebaikan di masa lepas tetapi kita percaya kerana mengikut keadaan zaman kalaulah wang tidak cukup untuk mendirikan pawagam dan sebagainya maka tentulah tidak dapat diusahakan oleh penerbit-penerbit filem tempatan. Saya berharap dengan daya usaha Kerajaan beri kerjasama bantuan yang penuh mengikut syarat-syarat yang tertentu maka dengan itu bolehlah juga kita menasihati supaya mengeluarkan filem yang bersesuaian dengan keadaan penduduk kita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang telah mengadakan banyak kursus-kursus tetapi saya berharap kalau boleh membanyakkan lagi kursus-kursus yang membawa mendapat mata pencarian kepada pengkursus-pengkursus yang berkenaan selain daripada kursus-kursus keseronokan. Saya percaya ada kursus-kursus lain tetapi biarlah kursus itu yang tiap-tiap datangnya masa kursus dia dapat membawa kebaikan, walaupun tidak kepada orang lain bahkan kepada dirinya sendiri, seboleh-bolehnya mengikut keadaan sains dan teknologi hari ini. Kalaulah kita kata kita hendak membesarkan, macam mana kita yakin banyak perusahaan-perusahaan bumiputra dari segi membaiki enjin dan sebagainya kita amat kurang, maka kita hantarliah pengkursus-pengkursus yang berkenaan sehingga cukup dan kalau boleh biarlah orang yang betul-betul pakar dan mahir.

Jangan dia sendiri tahu tulis di papan hitam, kalau kita sendiri hendak suruh dia buat, dia kata: aku pun tak tahu, aku setakat tahu bercakap, kalau aku sendiri hendak buat pun aku tidak tahu. Biarlah walaupun orang itu tidak ada kelulusan yang tinggi tetapi biar kursus dengan bersyarah dan teknikal sekali. Jangan bersyarah sahaja, tetapi bila hendak suruh dia buat, dia kata: aku pun tak tahu, setakat bercakap boleh, hendak buat aku tak tahu. Kita cari orang yang begitu supaya dia yakin kerana kita tahu dari segi inilah yang mendapat keuntungan banyak kepada perusahaan-perusahaan ini, baik perusahaan besar ataupun perusahaan kecil.

Saya bercakap sedikit walaupun sudah dicakap oleh saudara saya dari Permatang Pauh tetapi saya juga sokong tentang kursus-kursus yang dibawanya. Saya tengok hari ini di Perlis satu persatuan yang dianjurkan bersama, kalau tidak silap saya oleh Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah berkenaan dengan "Nasrul-Haq". Saya tak tahu di negeri-negeri lain tetapi saya di negeri Perlis sebagai seorang hamba Allah yang ingin kepada kebaikan dan benci kepada kejahatan, saya bersyukur sejak adanya satu Persatuan Nasrul-haq di Perlis saya tengok keadaan penduduk khususnya pemuda-pemuda boleh dikatakan bertambah baik kerana saya dapati mengikut kata seorang kawan saya yang masuk Nasrul-haq, salah satu syarat pertama hendak masuk Nasrul-haq, tinggalkan benda yang jahat kena buat benda yang baik, sembahyang tidak boleh tinggal sehari semalam lima waktu, minum arak tidak boleh, main judi tidak boleh. Saya kata kalau macam ini macam mana Tuhan suruh begitulah kita buat, beginilah dia kata hendak jadi Nasrul-haq, kalau tidak, tidak boleh.

Dengan ini saya berpendapat amatlah baik pertubuhan yang macam ini. Saya sendiri tidak ada peluang hendak masuk kerana masa saya suntuk. Walau macam mana sekalipun, izinkanlah saya kata di sini, satu hari oleh sebab satu hamba Allah, saya tidak mahu sebut namanya, dia cuba saya—menurun katanya, saya pun menurun dengan cara belajar Nasrul-haq, cuma diajar tak ada cara lain dengan satu ayat Tuhan tetapi tidak patut saya sebutkan di sini, saya tidak ada ingat sana, tidak ada ingat takliq, jin sana, jin sini, cuma semata-mata saya yakin kepada ayat Tuhan dia kata tadi, di samping saya yakin kepada Allah yang satu, rupanya

sebenarnya. Dia tumbuk dada saya, dia tendang dada saya tetapi tumbukan itu tidak sampai, kadang-kadang saya pun naik takjub dan hairan. Dengan sebab itu, saya berharap kepada pihak-pihak yang berkenaan, baik pun Kementerian berkenaan agama dan sebagainya saya tidak mahu sentuh, fasal bab agama pihak ugamalah yang pandai, tetapi saya berharap biarlah kita tengok kepada motif dan tujuan. Janganlah kita tengok kalau benda itu banyak yang baik tetapi sedikit yang salah saya tidak mahu bangkang, kalau dari segi iktikad, kalau salah agama saya tidak pandai dari segi agama tetapi biarlah kalau benda itu salah kita buang yang salah, kita tinggal yang . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat, perkara yang seumpama ini tidak payah dipanjangkan lagi. Perkara yang masih di dalam pertikaian tidak payah dipanjangkan dalam Dewan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong dan saya harap buat kajian yang baik. Kita tengok benda yang baik menjadi panduan khasnya untuk pemuda-pemudi kita di seluruh negara kerana itu juga yang disuruh dan dikehendaki oleh agama kita Islam, menahan yang jahat dan menyuruh kepada kebaikan. Kalau ada satu pakatan yang macam itu saya harap patutlah kita beri sokongan, yang salah itu kita kaji.

Yang keempat, saya bercakap dalam segi sukan. Saya berharap biarlah selain daripada kita adakan berbagai-bagai jenis sukan, selain daripada hendak sihatkan badan, perpaduan, aturan yang kita hendak tetapi saya dapati hari ini kadang-kadang sukan ini bukan sahaja setakat mendapat sihat badan, ada juga kacau-bilau berlaku. Saya dapat tahu baru-baru ini kalau tidak silap saya di Kuala Trengganu, dibakar bas orang daripada Negri Sembilan—pelik sangat cerita ini. Saya tidak marah kepada orang bakar bas dan saya tidak marah kepada mana sekalipun, tetapi saya yakin tiap-tiap satu hukuman yang menjadi pengadilnya ada. Kalau dalam permainan bola sepak, pengadil bola sepak itulah tempat keputusan muktamad.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan sebab itu, saya merayu kepada pengadil-pengadil, baik pengadil apa sekalipun, jalankanlah hukuman mengikut

keadilan yang sepenuh-penuhnya kerana keputusan ini walaupun pihak yang mendengar bersama itu tidak boleh membuat desakan, tetapi akan menunjukkan perasaan dan sebagainya sepertimana yang kita baca dalam suratkhobar di Kuala Trengganu baru-baru ini. Dengan sebab itulah saya merayu kepada pengadil-pengadil khasnya pengadil bola sepak yang saya bercakap dalam segi sukan ini kerana saya tahu tentulah kita tidak dapat hendak memuaskan hati segenap pihak, maklumlah manusia beribu-ribu, tentulah tidak sama, tetapi biarlah kita jalankan seadil-adil setakat yang kita boleh, jangan orang semua nampak benda itu salah kita tidak beri salah dan orang semua nampak benda itu tak salah, kita sendiri yang beri salah. Itulah punca pergaduhan yang selalu bangkit, bukan sahaja di Kuala Trengganu, bahkan di mana-mana negeri sekalipun perkara ini berlaku. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Persatuan-persatuan Pengadil Bola Sepak, selain daripada tuan-tuan ada hak membuat keputusan, buatlah satu-satu keputusan yang bijaksana kerana keputusan tuan-tuan akan membawa akibat baik ataupun tidak baik, kalau salah tuan-tuan buat pengadilannya maka keputusan tuan-tuan itu akan diambil berat oleh pihak penuntun dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap pula berkenaan dengan Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya mengucapkan terima kasih dengan adanya Y.P.P. di Perlis ini boleh dikatakan bertambah baik, tetapi saya berharap juga supaya pelancarannya bertambah baik lagi, seboleh-bolehnya di segi kesopanan dan sebagainya. Yang saya dukacita kita dapat mengadakan Yunit Pencegahan Penyeludupan (Y.P.P.) di seluruh negeri khasnya di Perlis, tetapi yang saya dukacita tempat mereka duduk itu, saya biasa bertanya dalam Dewan dan biasa buat tetapi bukan setakat pegawai, orang bawahannya. Bahkan pegawainya, misalnya yang ada dan dia bertugas di Padang Besar tempatnya tidak begitu selesa, air dan sebagainya tidak ada. Kalau kita sanggup mengadakan pasukan yang seperti ini, maka saya berharaplah tempat duduk yang baik untuk pegawai-pegawainya ataupun ahli-ahlinya yang lain patutlah kita sanggup mengadakan juga.

Yang kedua, saya berharap di segi keselamatan. Baru-baru ini saya tengok pencuri motosikal mula menjadi-jadi di Perlis. Ada orang yang berpendapat kerana hendak

dibuat pagar sempadan di antara Malaysia dengan Thai yang mana tempatnya di utara Malaysia termasuk Perlis menjadi sempadannya diambil buruh-buruh daripada Siam dan sebagainya. Boleh jadi buruh-buruh ini kata pihak yang berkenaan kita tidak kaji baik ataupun buruk, maka dengan sebab mereka itulah salah satu sebab yang membawa kepada kecurian yang banyak sangat mula berlaku balik di Perlis. Saya berharap supaya perkara ini dibuat kajian yang mendalam, jangan kita hendak membuat kebaikan sahaja tetapi di segi keselamatan kita tidak kaji, maka akibatnya rakyat khususnya rakyat negeri Perlis yang menjadi sempadan menjadi mangsa yang terlampau banyak itu. Saya berharap supaya perkara ini patut diambil kajian oleh Kementerian yang berkenaan yang saya suka memaklumkan dalam Dewan ini terlampau menjadi-jadi di negeri saya sendiri iaitu Perlis berkenaan kecurian motosikal dan sebagainya.

Juga saya berpendapat di segi makanan yang dibawa masuk, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri patutlah menyiasat perkara ini. Kalau tidak hari-hari pun, sekali sekala, kerana kita takut kadang-kadang di samping membawa masuk beras, seperti yang berlaku di Padang Besar—bukan setakat beras, kalau beras itu kita tahu banyaknya beras, kita dapat jaga, apatah lagi semasa tidak ada beras di samping dibawa masuk beras tetapi kita takut di samping dibawa masuk beras, kacang dan sebagainya maka termasuk juga benda-benda yang cukup bahaya kepada negara dan rakyat seluruhnya seperti senjata haram dan sebagainya. Dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan membuat, kalau pun tidak selalu, adakan pemeriksaan mengejut supaya benda-benda ini tidak akan berlaku.

Saya berharap juga berkenaan dengan Perlis sebuah negeri yang kecil dan semua orang tahu ini adalah kenyataan. Tetapi walaupun kecil atau besar dia adalah sebuah negeri yang beraja, macam mana raja di negeri-negeri lain. Saya berpendapat sudah sampai masa dan ketikanya Ketua Polis Perlis itu patutlah diadakan khas, janganlah seperti hari ini diadakan Ketua Polis Kedah/Perlis. Saya bukannya mengatakan Ketua Polis itu tidak baik, saya tidak sentuh tentang batang tubuhnya, tetapi saya hendak, biarlah Perlis juga mengadakan seorang Ketua Polis khas di negeri Perlis supaya satu-

satu perkara yang bersangkutan boleh diselesaikan di Perlis, selain daripada hendak diselesaikan di Kuala Lumpur kerana tiap-tiap manusia itu berkehendakan satu kuasa baginya, walaupun dengan cara kecil. Misalnya sekolah rendah yang ada enam bilek darjah berkehendakan seorang guru besar yang berkuasa penuh, kalau ada apa-apa berlaku dia akan berhubung terus dengan Kementerian Pelajaran. Tidak patut diberi guru sekolah menengah pula menjadi guru besar di sekolah rendah. Biarlah sekolah rendah, cara sekolah rendah, gajinya kecil, pangkat kecil, tetapi dia guru besar yang bertanggungjawab kepada murid dan gurunya. Begitu Ketua Polis Perlis. Saya tidak hendak gaji atau pangkat yang setanding dengan Ketua Polis Selangor, Ketua Polis Perak dan sebagainya, tetapi kuasa yang saya sebut tadi, seperti saya kata guru besar. Guru besar tetap guru besar walaupun gajinya kecil tetapi tugasnya besar, bertanggungjawab atas segala guru dan murid di sekolah itu—itu maksudnya saya. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan sudah sampai masanya patutlah Perlis itu diasingkan. Bukan saya tidak mahu kepada Kedah, seperti yang saya sebutkan tadi tetapi sebagai tabiat manusia dan boleh dibuat perhubungan terus dan pelancaran yang lebih baik lagi agak saya patut diasingkan.

Begitu juga Ketua RELA. Perlis ini tidak tahulah nasibnya apa hendak jadi. Walaupun ada orang berkata, seperti Kubang Pasu besarnya, tetapi Negeri tetap Negeri dan saya berharap Ketua RELA ini pun patut diasingkan daripada Kedah, jangan pakai Ketua RELA Kedah/Perlis. Hujahnya bolehlah saya kata sebagaimana tadi juga dan saya berharap kalau boleh RELA ini patut ditambah banyak lagi dengan pegawai-pegawainya kerana RELA ini kalau kita tengok, kalau pandai menyusunnya, menjadi mata telinga kepada Kerajaan tetapi biarlah kita beri sagu hati mengikut kadarnya agak berpatutan, janganlah di segi lain kita beri sagu hati tetapi kepada RELA dan sebagainya kita tidak beri.

Begitu juga polis patutlah kita beri keistimewaan kepada pegawai-pegawai polis kerana inilah orang-orangnya yang akan bekerja membawa keselamatan kepada negara termasuklah kita sebagai rakyat dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada soal tanah. Saya berharap kepada

Kementerian Tanah dan Galian membuat beberapa kajian semula berkenaan dengan tanah. Saya dapat tahu cukai-cukai estet terlampau murah kerana kita telah buat perjanjian. Tetapi kalau mengikut perjanjian, Malaysia hari inipun tidak boleh merdeka. Dahulu Inggeris menjajah, tetapi saya ingat tidak ada satu perjanjian yang tidak boleh kita ubah. Kalau Perlembagaan kita boleh ubah dengan syarat-syarat yang tertentu, saya fikir mustahil perkara tanah ini kita tidak boleh ubah. Saya dapat tahu bagaimana saya katakan tadi cukai-cukai estet ini terlampau murah kalau hendak dibandingkan dengan cukai-cukai tanah di luar bandar. Maka saya merayu dan berharap kepada Kementerian yang berkenaan, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri yang selalu menggubal undang-undang, guballah Undang-undang Tanah Estet ini, naikkan cukai macam mana cukai tanah yang lain dan kalau boleh lebihkan lagi kerana mereka dapat hasil yang banyak. Janganlah kita kata tidak boleh diubah undang-undang dan sebagainya, saya ingat yang tidak boleh diubah undang-undang ialah kitab Tuhan, itu tidak boleh diubah, kerana diturunkan mengikut ayat Tuhan, tetapi undang-undang ini kita boleh ubah dan selalu kita ubah undang-undang dalam Dewan ini. Jadi, kalau undang-undang lain kita boleh ubah, pelek sangat Undang-undang Tanah kita tidak boleh ubah. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan ubahkan Undang-undang Tanah yang maksud saya menaikkan cukai estet dan seboleh-bolehnya cukai tanah di luar bandar itu, kalau tidak diturunkan pun, janganlah dinaikkan. Itulah harapan saya.

Begitu juga FELDA. Saya berharap FELDA ini kalau boleh dibanyakkan lagi mengikut negeri yang berkenaan yang ada tanah—kalau saya hendak kata banyakkannya di Perlis, Perlis ini sebuah negeri yang tidak begitu banyak tanah, tetapi biarlah pendapatan itu diambil daripada mana negeri sekalipun dan mengikut keadilan. Kadang-kadang sampai empat tahun tidak dapat, tetapi orang yang baru meminta dapat. Kalau kita hendak kaji syarat-syaratnya patut kita dapat.

Yang kedua, penempatan FELDA ini patut dibuat kajian dengan adil. Misalnya saya katakan Rancangan FELDA di Perlis iaitu tanaman tebu. Banyak orang-orang yang berkenaan telah diambil tanahnya.

Walaupun tanah mereka itu tidak bergerak kerana gerannya lambat dapat, tetapi mereka telah mengusahakan tanah yang berkenaan. Saya berharap, walaupun ada syarat dalam FELDA, kalau tidak silap saya umur sampai 35 tahun dan anak sekian, tetapi kalau ada yang bersangkutan dengan tanah yang saya katakan tadi, walaupun kadar umurnya 40 tahun, berilah keistimewaan patut dapat kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau setakat umur 40 tahun itu boleh dikatakan masih kuat lagi, tidak berbeza sangat dengan umur 35 tahun. Kalaulah tanah sudah kena diambil, apatah lagi berjiran pula dengan tempatnya, berilah keistimewaan kepadanya. Saya bukan kata FELDA di Perlis sahaja tetapi di mana sekalipun. Di Perlis saya katakan begitu kerana saya tahu apa yang telah terjadi.

Begitu juga saya berharap kalau boleh kita awasilah pegawai-pegawai yang berkenaan kerana kita tahu negara kita hari ini bebas berpolitik, tetapi kita tak hendak dalam satu-satu jabatan mana sekalipun, baik FELDA taksu kepada satu-satu parti yang kadang-kadang dia tak mahu bekerja dengan bersemangat kerana kehendak hatinya tak begitu sesuai. Kita harap kalau masa bekerja jangan taksu kepada parti-parti mana, baik UMNO atau PAS dan sebagainya kerana, kalau dibawa soal parti, saya ingat akibatnya rakyat akan susah. Dengan sebab itu, saya berharaplah dibuat pengkajian baik di FELDA dan sebagainya.

Saya hendak bercakap hal tanah. Saya tahu masalah tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Menteri Tanah dan Galian kuasanya menyelaras dan selalu memanggil Pesuruhjaya Tanah dan Galian Negeri datang ke Kuala Lumpur buat penyelarasan dan sebagainya. Kalaulah dia boleh panggil sifatnya sebagai Menteri Tanah dan Galian, saya berharap beliau menyelaraskan dan mencari jalan supaya tanah-tanah yang masih begitu terbengkalai tak dapat geran dapat dibayar wang pertaruhan sampai kadang-kadang 5 tahun tak selesai, kadang-kadang tak dapat terus. Saya mintalah jasa baik Menteri Tanah dan Galian yang baru yang kita percaya berkebolehan walaupun beliau tak muda macam Menteri Pertanian, tetapi seorang yang berpengalaman segenap segi. Tanah bertimbun-timbun tak selesai yang membawa pergaduhan antara jiran dengan jiran, begitu juga di antara keluarga

bergaduh kerana tanah dan kadang-kadang, kerana tanah pada syarak dan adat betul-betul tak adil, maka saya berharap Kementerian berkenaan dapat tolong menyelesaikan di atas perkara yang ditimbulkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya. Saya ucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerjaraya yang telah mengadakan banyak jalan termasuk di negeri Perlis, baik jalan tar atau tidak, tetapi walau macam manapun saya berharap Kerajaan dapat membanyakkan lagi jalanraya kerana pada pendapat saya jalanraya bukan saja membawa keuntungan kepada rakyat bahkan membawa keuntungan kepada Kerajaan. Saya berpendapat segala rancangan yang kita buat dalam negara kita hari ini termasuk jalanraya bukan merugikan tetapi membawa keuntungan yang cukup banyak. Saya contohkan sebagaimana saya biasa bercakap dalam Dewan ini kerana jalan yang banyaklah banyak orang membeli motokar dan Kerajaan dapat berbagai cukai seperti cukai motokar, cukai minyak dan sebagainya. Tetapi kalau tak ada jalan, orang tak begitu selera hendak membeli motokar, motosikal dan sebagainya. Saya berpendapat kalau Kerajaan terpaksa hendak berhutang lagi kalau tak cukup wang yang ada dalam negara kita untuk menambahkan rancangan jalan dan sebagainya, baik bagi rancangan jalan besar dan kecil, berhutanglah asalkan jalan diadakan, kerana itu untuk jangka panjang. Baiklah kita banyakkkan jalanraya. Begitu juga pegawai-pegawai yang berkenaan. Apa yang sedih, Tuan Yang di-Pertua, ada rancangan peruntukan tetapi tarnya tidak ada. Saya pun tak tahu tar itu ke mana kadang-kadang sampai berbulan-bulan tak ada tar, dibubuh batu kecil, jalan banyak berdebu. Saya berharaplah Kementerian berkenaan ikhtiarkan seberapa boleh mempercepatkan lagi membuat jalan dengan bertar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan teksi, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian berkenaan yang telah memberi banyak permit teksi dan saya suka menjelaskan di sini berilah lagi permit teksi kepada orang yang berhak yang mendapatnya, iaitu kepada pemandu-pemandu yang telah ada ceperas ataupun yang telah ada lesen berpuluh tahun. Kalau dia tak ada teksi sekalipun itulah kerjanya memandu kereta, kalau

dia tak ada permit pun itulah kerjanya tetapi bezanya samada sewa, pajak ataupun haknya sendiri. Tetapi kalau dia diberi oleh Kementerian berkenaan, maka dia dapatlah membeli teksi kerana tak begitu banyak pendahuluan yang sepatutnya dibayar. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian berkenaan khususnya saya tujukan kepada Menteri berkenaan yang telah beri keistimewaan saya katakan tadi. Saya berharap perkara ini dilanjutkan lagi dengan memberi lesen kepada orang tertentu yang sepatutnya mendapat, jangan macam saya biasa kata diberi kepada orang kenamaan sampai lima enam buah teksi sedangkan orang yang patut dapat tak dapat. Tuhan marah kepada kita kalau kita berkuasa kerana tak ikut keadilan. Bukan saya kata Menteri itu, tetapi Kementerian mana sekalipun. Saya berharap benda-benda yang lepas yang biasa dapat kepada orang kenamaan seperti di Kuala Lumpur saya biasa naik teksi, saya tanya teksi siapa Encik bawa? Dia ceritakan: kepunyaan orang kenamaan itu dan ini, tetapi saya ini tak tahu lah apa nasib saya—berpuluh kali saya minta lesen, berpuluh tahun saya kerja tetapi yang dapat lesen orang kenamaan juga. Saya berharap kepada Kementerian berkenaan supaya mengambil berat di atas perkara yang saya katakan tadi.

Berkenaan soal letrik saya berharap sangat masalah letrik ini patut disegerakan secepat yang boleh khususnya di negeri Perlis yang kecil kerana yang susah anggapan manusia, kalau negeri besar macam Pahang saya tak katakan tak payah diberi, tetapi negeri yang kecil seperti Perlis amatlah susah kerana di antara satu tempat dengan satu tempat amat berdekatan. Ada setengah kampung dapat letrik setengah kampung tak dapat. Jadi nampak cahaya api kata orang. Saya contohkan macam bulan puasa, manusia ini kalau dia puasa pukul 6.00 pagi sampai pukul 4.00 dia tak heran, tapi di antara boleh makan dengan tak boleh makan, bila tengok hidangan dia tak percaya, kadang-kadang bertanya jam dua tiga kali. Begitu lah letrik, kalau tak ada langsung tak apa, tetapi bila di kampung itu ada, di kampung ini tak ada, itu pelik sangat bagi mereka. Apatah lagi kadang-kadang dijadikan macam nombor 1, 2, 3-6, 7, 8 tertinggal 4, 5. Jadi maksud saya dibubuh kampung A dan kampung C, kampung B tertinggal. Ada setengah tempat di tengah yang tidak ada api letrik tetapi kiri kanannya ada api letrik.

Itulah menjadi problem Wakil Rakyat, baik Negeri ataupun Parlimen, pening kepala. Kalau tak ada langsung tak apa, tetapi jangan ada di setengah-setengah tempat sahaja. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kementerian berkenaan dipercepatkan seberapa cepat yang boleh dan kepada tempat-tempat yang saya maksudkan tadi mesti dipercepatkan, jangan ada perbezaan iaitu kampung di kiri kanan ada, tetapi ditengahnya tak ada, ataupun seumpama kita bilang angka 1, 2, 3-6, 7, 8 tetapi 4, 5 tinggal begitu sahaja. Kalau kita buat daripada utara ke selatan, janganlah kita tinggalkan di tengahnya kosong. Kalau penduduk itu tak berkehendakkan itu soal lain—tetapi penduduk itu berkehendakkan letrik. Dengan sebab itu, saya merayu dan saya berharap kepada Kementerian berkenaan dan saya dapat tahu juga ada rancangan task force dengan serta merta, maka jalankan rancangan itu dengan serta merta, carilah peruntukan asalkan bekalan letrik di kampung itu dapat dibuat khasnya di Perlis yang kecil yang saya ingat tak begitu banyak lagi kawasan yang masih tertinggal tanpa letrik dan disegerakan seberapa cepat yang boleh.

Menyentuh Kementerian Pertahanan, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian berkenaan yang telah membawa keselamatan dengan banyak, tetapi saya berharap biarlah perkara yang saya tegur di sini sekadar yang saya tahu. Pertama tentang pembelian senjata biarlah dikaji sedalam-dalamnya sebelum dibeli. Saya bukan pakar senjata tetapi angin bertiup kita dengar, berita di England kita dengar, berita dalam Malaysia pun tentulah kita dengar, tambahan pula dari jiran negara kita. Jadi buatlah pengkajian sedalam-dalamnya sebelum diberi apa senjata yang sesuai dan patut dikaji sebenarnya dan tender itu pula jangan ambil satu tempat, biarlah kita fikir yang mana lebih murah asalkan benda itu barang baik. Kedua senjata itu kita kaji yang mana senjata lebih moden. Saya dengar ada setengah orang katakan di antara meriam dengan peluru berpandu itu lebih baik peluru berpandu kerana peluru berpandu penjaganya tak begitu banyak tetapi hasilnya banyak dan harganya tak begitu tinggi kalau hendak dibandingkan dengan meriam yang harganya begitu mahal, penjaganya banyak orang dibandingkan dengan peluru berpandu itu. Peluru berpandu itu lebih istimewa lagi. Silalah tanya kepada pakar-pakar berkenaan,

kerana itulah yang biasa kita dengar. Saya berharap dibuat kajian dengan teliti di atas perkara yang saya sebutkan.

Kedua, saya ini bukan warak sangat, tetapi benda yang diharamkan oleh Tuhan tak boleh dihalalkan walau kepada askar, walau kepada pembesar dan walau kepada orang kecil; yang haram tetap haram tak dikecualikan askar atau Yang Berhormat, tak sebut petani. Apabila dikatakan arak itu haram, haram di semua tempat, kecuali kalau tak silap saya kalau tak minum arak itu jadi mati, tetapi kita tak mahu buat kecuali. Arak itu haram.

Jadi tidak payahlah dibuat istimewa kepada Mess atau mana-mana harga murah umpamanya tidaklah patut sangat. Saya fikir tak payah pakai harga murah, pakai tidak ada sahaja. Kita cuba ajar kepada benda lain, kita boleh ajar. Ini tabiat Mat Saleh di masa yang lepas, jangan kita amalkan lagi. Saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya jangan diadakan lagi minuman-minuman keras di mana sekali pun kecuali kalau dibuat dengan tidak izin Kerajaan, mereka buat dengan curi, itu tidak payah kita buat. Tetapi jangan pula dengan izin Kerajaan atau Kementerian. Itulah harapan saya mengenai masalah minuman yang saya sebutkan tadi.

Satu perkara lagi, disebabkan negeri Perlis sebuah negeri sempadan, selalu saya sebutkan, katanya kadang-kadang hendak dibuat, pihak pembesar negeri Perlis—pihak berkuasa biasa sebutkan satu batalion askar akan diadakan di Perlis. Tidak tahulah saya bila hendak dibuat tetapi saya ingat, Perlis itu kecil, saya tidak nafikan tetapi saya biasa sebutkan dalam Dewan ini kecil atau besar pun pintu masuk kita kena jaga, kalau kita tidak jaga, sudah tentu tidak selamat. Dalam Dewan yang besar ini pun kita ada pintu kiri dan kanan, pintu ini tempat matlamat kita. Kalau pintu itu kita tidak jaga, masuk tidak mengikut pintu, dalam pintu ada ranja, kita semua tidak selamat, jadi pintu masuk kenalah juga walaupun kecil atau besar. Malaysia ini pintu masuknya ialah dari utara termasuklah sempadan negeri Perlis. Dengan sebab itu saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan supaya diadakan seberapa cepat yang boleh satu batalion askar di Perlis dan juga kalau boleh Tentera Wataniah dibanyakkan, atau diadakan satu pasukan khas dan diberikan keistimewaan kepada mereka ini elau yang berpatutan.

Setahu saya di masa lepas elaun dibayar sebanyak \$7.90 sehari daripada tahun 1963 ataupun 1965 sampai tahun 1978 setakat itu juga elaun Tentera Wataniah ini dibayar. Kalau dari segi lain kita boleh buat penilaian atas keadaan harga, keadaan musim ataupun turun-naik maka kepada Tentera Wataniah ini pun saya berharap di samping ditambah pegawai yang berkenaan, patutlah dibuat kajian balik kepada elaun harian yang selalu kita beri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan Perusahaan Awam. Pertama, saya minta oleh sebab UDA ini selain daripada membuat rancangan dalam bandar hendaklah dibanyakkan pula di luar bandar dengan kerjasama UDA. Tetapi buatlah bangunan yang sesuai. Saya tengok, kadang-kadang MARA buat bangunan kecil sangat, UDA pula buat bangunan sampai sewanya sebulan \$300 jadi yang satu terlampau tinggi dan yang satu lagi terlampau rendah, penduduk luar bandar ini mana hendak cari duit. Dengan sebab itu saya berharap banyakkannya di luar bandar dan sesuaikanlah mengikut keadaan tempat dan sebagainya, itu harapan saya. Di bandar saya tak kata tidak payah dibuat kerana UDA kerjanya membuat projek di bandar tetapi yang mustahak di dalam bandar ini kalau ada tanah mana company pun akan bina bangunan tetapi tempat-tempat di kampung payah, orang tidak mahu buat. Di pekan kita buat kerana ramai manusia dan banyak tempat beli-belah maka orang akan pergi ke tempat itu. Saya berharap rancangan di luar bandar juga diambil berat oleh Menteri yang berkenaan berkenaan dengan UDA selain daripada bandar.

Saya bercakap pula berkenaan dengan L.P.N. Selalu disuarakan berkenaan dengan harga padi walaupun hari ini padi tidak ada kerana kemarau tetapi insya Allah tahun hadapan air akan ada begitu juga padi. Jadi, dengan sebab itu desakan, bisikan daripada petani-petani ini berharap sangat dengan keadaan kos mendapatkan bendang, mendapatkan padi dalam bendang, baja, trektor dan sebagainya terlampau mahal maka harga padi yang setakat lama itu tidak begitu sesuai. Dengan sebab itu sebagaimana dikatakan oleh saudara saya Ahli dari Jerai saya bersetuju sangat, Kerajaan menimbangankan dengan secepat-cepatnya menaikkan harga padi ini sekurang-kurangnya \$35 sepikul, itu saya harap, memandangkan

keadaan kos baja, traktor, menanam padi dan sebagainya terlampau tinggi. Kalau dengan harga padi setakat lama, tidaklah begitu berpatutan. Saya harap dinaikkan dan saya berharap juga kalau kadar naiknya tidak berfaedah potongan itu biarlah bertimbang rasa. Ini kadang-kadang pembeli-pembeli padi baik siapa pun, saya tidak mahu sebutkan, harga padinya kadang-kadang dia beli lebih daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan tetapi dia potong yang bukan-bukan. Kalau padi itu basah, patut dia potong, kadang-kadang tidak basah pun dia kata basah. Inilah yang menjadi mangsa kepada petani. Seperti saya katakan tadi yang menjadi mangsanya ialah nelayan, kalau bendang pula ialah petani. Dan saya berharap kita naikkan harga padi, janganlah dipotong yang tidak menasabah. Kalau betul-betul basah, itu terpulanglah, kerana kita tidak mahu beli padi basah, kita beli padi kering. Tetapi yang kering itu dipotong dibuat alasan dan sebagainya, tidak bererti harga tinggi kalau dipotong dengan berbagai cara.

Yang ketiga, saya bercakap juga berkenaan dengan MIDF. Saya tidak berapa pandai dalam perkara ini, ini saya dengar. MIDF ini satu badan juga hendak menolong rakyat tetapi yang sedihnya, saya dapat tahu MIDF mendapat keuntungan kebanyakan daripada orang-orang yang tertentu ataupun termasuklah syarikat-syarikat joint venture dengan luar negeri, pada hal peruntukan Kerajaan terlampau banyak kalau tidak silap saya \$32,682,000 saham daripada Kerajaan, daripada Kementerian Kewangan sebanyak \$26,666,000, daripada Bank Negara \$6 juta. Modal yang telah dibenarkan \$150 juta, yang telah dibayar \$79 juta. Jadi, pinjaman yang berkenaan dengan faedah \$98 juta dan yang tidak berfaedah \$30 juta. Pinjaman dan saham \$169 juta. Saham daripada bank yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan—Bank Bumiputra \$300,000, Malayan Banking \$930,000 berjumlah \$10 juta kalau tidak silap saya. Jumlah wang \$179 juta, jumlah pinjaman kepada bumiputra setakat 31hb Mac, 1976 \$79 juta untuk \$210 projek berbanding dengan semua pinjaman berjumlah \$553 juta iaitu 1,547 projek dari segi jumlah projek 22% yang boleh kepada bumiputra sedangkan sahamnya banyak daripada Kerajaan, tetapi untuk bumiputra terlampau sedikit.

Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan kalau boleh mengadakan taklimat di samping mengambil tindakan apa-apa yang patut untuk menolong bumiputra. Jumlah \$179 juta wang hasil daripada Kerajaan iaitu kesimpulan di sini saya katakan, saya sendiri dapat tahu daripada seorang kawan saya hendak meminjam wang daripada MIDF ini amatlah susah, kadang-kadang kalau tidak berjumpa dengan Menteri, tambahan pula orang itu tidak berpangkat langsung tidak boleh dapat. Dia buat syarat-syarat yang cukup susah. Kita tahu, yang menerima permohonan itu ialah golongan rendah yang kebanyakannya bumiputra. Yang membuat projek perniagaan ialah yang bukan bumiputra. Kemudian yang akan meluluskan itu ialah orang besar-besar. Ini kebanyakannya dan terus terang saya katakan bahawa Pengerusi itu bumiputra tetapi yang tengah itu bukan, dan yang menguasai penuh ialah yang tengah mereka tidak akan membuat kelulusan, dan akan beri hitam putih kepada Lembaga Pengarah. Kalau mereka beri hitam putih kepada Lembaga Pengarah mengatakan tidak baik walaupun benda itu baik maka Lembaga Pengarah kena kata juga tak baik sebab orang tengah itu kata tidak baik. Yang terima tadi buat laporan. Ini yang sedihnya. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan buatlah satu taklimat minta kenyataan sebenar, kalaulah macam hamba Allah wakil dari Kangar tetapi jangan dinyatakan, ini sulit bagi saya, lebih kurang saya tahu di mana datang puncunya pihak berkuasa yang lebih mendapat maklumat kalau dikehendaki. Ini amatlah sedih kalau kita hendak bandingkan. Dapat kepada Bumiputra macam saya katakan tadi 210 projek sahaja setakat 31hb Mac, 1976 berjumlah \$79 juta manakala yang lain dapat 1,547 projek berbanding dengan \$550 juta. Sedih, Tuan Yang di-Pertua, sedangkan saham kita bukan setakat MIDF sahaja tetapi lebih daripada itu sepertimana saya katakan tadi. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan tolong kaji perkara ini sedalam-dalamnya supaya mendatangkan kebaikan kepada rakyat Malaysia terutama bumiputra yang ingin berniaga tetapi oleh kerana banyak sangat syarat-syaratnya kalau tidak sabar kadang-kadang dia lari balik dengan tidak payah mendapat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada Kementerian Kesihatan. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang ber-

kenaan yang telah membuat banyak pusat-pusat bidan, rumah-rumah sakit dan sebagainya. Tetapi saya berharap kalau kita membuat banyak rumah bidan, banyak pusat kesihatan, banyak hospital dan sebagainya maka hendaklah pegawai dan kakitangan yang menjalankan tugas di tempat itu mencukupi. Saya contohkan periksa mata di Perlis, kalau tidak silap saya seminggu sekali. Doktor tidak cukup. Saya percaya doktor kita tidak cukup tetapi saya harap pihak Kerajaan jalankan ikhtiar. Negeri mana sekalipun kalau tidak cukup doktor kita ikhtiar, jangan ada pejabat itu indah, kerusinya cantik, bila kita tanya hendak periksa mata dia kata tiap-tiap hari Rabu, selain daripada Rabu tiada periksa mata. Kalau tidak tiap-tiap hari pun biar seminggu tiga kali jangan seminggu sekali. Ini saya harap sangat, itu saya contohkan kalau periksa mata. Begitu juga ubat, kadang-kadang tempat ubat cukup cantik tetapi ubat tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap selain daripada ubat istimewa dan sebagainya saya berpendapat salah satu ubat yang mujarab yang patut kita tolong rakyat ialah budi bahasa. Sebab itu saya selalu menyatakan di mana-mana saya pergi dan kadang-kadang orang suka pergi kepada tempat kesihatan luar walaupun terpaksa mengeluarkan wang selain daripada pemeriksaan, budi bahasa doktor dan budi bahasa pemberi-pemberi ubat itu amat baik. Saya harap kepada kakitangan hospital di mana-mana negeri sekali pun hendaklah selain daripada kita membagi ubat layanan yang istimewa patutlah kita beri seperti budi bahasa yang baik, kadang-kadang ada juga yang kena tengking tetapi kalau macam Tuan Yang di-Pertua dan saya sendiri pun kecil-kecil orang kata Member of Parliament dirainya juga tetapi yang kita sedih pak tani biasa, manusia yang tidak bergaji daripada orang kampung, orang ini kadang-kadang ditengking dan sebagainya. Oleh itu saya berharaplah kepada Kementerian Kesihatan selain daripada kita beri ubat dan sebagainya maka budi bahasa yang baik itu patut kita beri keistimewaan khasnya kepada semua rakyat, janganlah kita beri keistimewaan itu kepada orang yang dapat Kelas Reserved, Kelas I istimewa kerana bilik dan segala-galanya baik istimewa pula, kepada manusia yang duduk Kelas 3 sudahlah katilnya tidak begitu elok, makan pun terpaksa pergi ambil sendiri, kadang-kadang

perkataan kakitangan kesatpun timbul. Ini saya merayu dan berharap sangat kepada Menteri yang berkenaan selain daripada kelulusan asas yang ada hendaklah budi bahasa ini dititikberatkan terutama kepada orang-orang sakit kerana selain daripada ubat budi bahasa adalah salah satu daripada ubat yang membawa kepada menjadi baik. Salah satu ubat walaupun baik sekalipun kalau budi bahasa ataupun cara melayan, diplomasi tiada langsung, saikoloji tiada langsung kadang-kadang orang yang sakit sedikit pun harus dia menjadi teruk. Tetapi kalau pandai dari segi saikoloji cara budi bahasa selain daripada ubat maka dia akan bertambah baik lagi.

Bercakap saya juga di segi perumahan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan yang mengadakan banyak perumahan tetapi saya harap dibuat kajian jangan semata-mata diberi kepada pemaju-pemaju perumahan kajilah juga kepada tempat dan kepada peserta-peserta tadi baharulah seimbang dengan kehendak Kerajaan. Jangan diberi sahaja syarat sesiapa sahaja yang jadi pemaju perumahan dia dirikan rumah, dia boleh jual, kita tidak kaji masa depan negara kita. Kadang-kadang syarat kita untuk hendak beri keistimewaan yang sama kepada bumiputra yang kita tahu kurang modal tetapi dia cerdik, dia tidak beri tetapi mula-mula dia sewa kepada orang-orang yang berkenaan, lama-lama bertukar alih, pandai cara dia, bertindak syarat kerajaan yang dikehendaki itu tidak dapat juga tetapi hajat pemaju perumahan yang hendakkan keuntungan sahaja yang dapat. Dengan sebab itu saya harap kepada Kementerian Perumahan ini membuat kajian juga kepada pemaju-pemaju perumahan yang telah mendirikan rumah janganlah terlampau lama dan kadang-kadang kalau terlampau lama itu kita tidak sedih tetapi dia menaikkan sendiri harga-harga rumah. Sesudah dibayarnya separuh harga jadi akhirnya tidak boleh langsung. Saya berharap Menteri yang berkenaan menitikberatkan atas perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, maka berakhirlah ucapan saya dalam Kementerian yang berkenaan. Saya berharap Menteri yang berkenaan menitikberatkan atas perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, maka berakhirlah ucapan saya dalam Kementerian yang berkenaan.

Saya dapat tahu Kerajaan telah menubuhkan satu Jabatan K.P.R. Kalau tidak silap saya melalui perpaduan negara kelas-kelas K.P.R. hari ini telah berjalan dengan giat, tetapi ada murid-murid yang kecil ada murid-murid yang besar. Saya berharap kalau boleh diperbanyakkan sedikit murid yang dewasa dan elaan kepada penyelia-penyelia dan guru-guru patut dikaji semula. Kalau di jabatan lain kita boleh buat kajian semula maka jabatan ini juga saya berpendapat patutlah kita kaji semula biar se-timpal dengan keadaan pegawai-pegawai di pejabat lain. Maka saya berharap sebolebolehnya ditambah lagi penyelia-penyelia yang berkenaan termasuklah Perlis dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya juga berkenaan dengan kebajikan. Walaupun kita buat berbagai peruntukan dan kebaikan kalau di segi kebajikan kita tidak ambil berat maka perkara ini saya berpendapat tentulah tidak patut sangat kepada kita. Maka dengan sebab itu saya berharap di segi kebajikan ini patut Kerajaan menambahkan lagi wang peruntukan khasnya kepada negeri kami Perlis, kadang-kadang tiba masa ribut. Walaupun masa ini masa kemarau tetapi sekali sekala ada juga ribut datang di Perlis. Maka bila hendak dapat wang peruntukan itu terlampau lambat kerana peruntukan di Perlis, Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu wang tiada, maka mahu tidak mahu berharap juga kepada Kerajaan Pusat. Maka dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan berilah peruntukan yang istimewa terutamanya negeri Perlis, bukanlah saya harap kerana Perlis itu negeri saya sebab Perlis itu salah satu daripada negeri dalam Malaysia yang kekurangan wang, bagi peruntukan yang lebih sedikit janganlah apabila rumah sudah terbalik berbulan, baharulah hendak dapat peruntukan, walaupun lulus dan diperiksa oleh pegawai yang berkenaan tetapi wangnya tiada. Maka dengan sebab itu, di segi kebajikan, patutlah Menteri yang berkenaan mengambil perhatian.

Begitu juga saya harap apabila kita tengok benda-benda yang berselerak di pekan-pekan samada di Kuala Lumpur atau di mana-mana, hendaklah diperbetulkan. Bila kita bertanya Menteri yang berkenaan, dia kata sudah ambil tindakan. Tetapi saya yakin kalau sudah diambil tindakan betul-betul

orang ini tidak bergelimpangan di merata-rata ceruk. Kadang-kadang kita menjadi serba-salah kita tengah makan di kedai dalam Kuala Lumpur, datanglah seorang hamba Allah meminta sedekah. Kita tidak beri sebagai manusia, kita tidak sampai hati. Bila kita hendak beri sebagaimana kata Menteri, kita menggalakkan orang-orang ini meminta sedekah. Saya ingat serba salah, dengan sebab itu saya berharap Kementerian yang berkenaan mengadakan pemeriksaan oleh pegawai-pegawainya di Kuala Lumpur, jikalau didapati orang berkenaan ada ambillah dan bawa pergi ke Pejabat Kebajikan untuk diberi bantuan. Kalau ada buat salah juga baharulah diambil tindakan. Ini baharulah boleh kita kata pekan kita baik, di Kuala Lumpur atau di mana-manapun terhapus daripada apa yang saya sebutkan tadi. Kalau hendak harap kita jangan beri sebagaimana disebutkan oleh Menteri satu ketika dalam Dewan ini dahulu budi bahasa kita orang Melayu tidak sampai hati. Tetapi kalau beri menggalakkan. Ini serba salah. Tetapi saya berpendapat tidak ada langsung pegawai daripada Jabatan Kebajikan memeriksa di pekan-pekan di mana-mana saya sebutkan tadi. Maka dengan sebab itu supaya menunaikan kehendak Tuhan lebih baik kita buat rancangan pembangunan, rancangan ugama dan rancangan kebajikanpun kita buat, moga-moga kita harap Tuhan akan menyertai kita di samping kita memerintah di negara kita ini.

4.39 ptg.

Tuan Tan Cheng Bee (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Usul Ucapan Terima Kasih kepada Baginda Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi menyampaikan Titah Ucapan di Parlimen pada 20hb Mac, 1978.

Kita tertarik hati mengetahui bahawa Kerajaan telah membahagikan peruntukan yang terbesar kepada Kementerian Pelajaran supaya dapat memberi kemudahan-kemudahan pelajaran bagi murid-murid sekolah yang sedang meningkat. Sungguhpun banyak telah dibuat, saya rasa banyak lagi boleh dibuat khasnya bagi sekolah-sekolah China di kampung-kampung baharu. Sebilangan besar sekolah-sekolah China di Kampung-kampung baharu masih lagi menggunakan bangunan-bangunan lama yang telah dibina tanpa pelan dan pengawasan

apabila orang-orang China dipindahkan semasa darurat sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan. Sungguhpun bangunan-bangunan tersebut itu diperbaiki dari semasa ke semasa bila diperlukan, pembentukan kayu masih lama dan usang, jauh dari memuaskan. Sempailah masa Jabatan Pelajaran memperuntukkan bangunan-bangunan baru bagi semua sekolah di kampung-kampung baru agar penduduk-penduduk merasai bahawa mereka tiada diketepikan.

Banyak di antara pelajar-pelajar China dan India yang tiada diterima masuk ke universiti-universiti atau lain-lain institusi pengajian tinggi sebab kemasukan ke universiti-universiti dan institusi-institusi tersebut diasaskan kepada quota bukan kepada kelulusan. Nampaknya peluang-peluang bagi pengajian tinggi pelajar-pelajar adalah gelap kecuali Kerajaan sedia untuk mengkaji dan menyemak semula cara pemilihan calon-calon ke universiti-universiti serta lain-lain institusi-institusi pelajaran tinggi di negara kita. Oleh sebab layanan yang tiada adil maka timbullah rasa tidak puas hati di kalangan orang-orang China dan India di atas soal pelajaran bagi anak-anak mereka.

Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan bahawa sampailah masa untuk memberi perhatian yang lebih kepada kampung-kampung baru ini. Saya berasa bahawa orang-orang di kampung-kampung baru mempunyai hak untuk menuntut jalan-jalan yang baik, parit dan taliair, bekalan elektrik yang sempurna dan bekalan air selain daripada semua kemudahan-kemudahan yang didapati di bandar yang moden. Mereka telah lama diketepikan dan sungguhpun Kementerian ini ditubuhkan beberapa tahun yang lalu, peruntukan baginya di tahun-tahun awal tiadalah banyak dan akibatnya Kementerian ini tiada dapat membuat banyak. Sekarang peruntukan telahpun bertambah memuaskan bagi kampung-kampung baru. Kementerian ini harus cuba membentuk sebuah Jawatankuasa untuk mengkaji dan mengetahui kehendak dan keperluan kampung-kampung ini.

Hampir di semua kampung didapati jalan-jalan dalam keadaan yang tiada sempurna. Parit-parit runtuh dan berlubang-lubang. Bekalan elektrik tiada memuaskan ataupun kurang tenaga dan bekalan air pun

kurang memuaskan. Banyak kawasan-kawasan dibanjiri semasa musim hujan dan pada musim kemarau didapati berhabuk. Kemudahan-kemudahan rekreasi sangat kurang di kampung-kampung baru bagi pemuda-pemudi yang ingin menggunakan tenaga muda dalam sesuatu yang sihat dan berguna.

Bolehkah kita salahkan mereka jika mereka terperangkap dalam kesundalan, menjadi mangsa dadah, menjual dadah, agensi anasir-anasir jahat ataupun ahli-ahli kongsi gelap dan gangsters? Saya sendiri tiada menyalahkan mereka; saya menyalahkan Kerajaan kerana ketepikan mereka dan menjadikan orang-orang di kampung-kampung baru merasai diri mereka telah dera mengikut dengan pemindahan mereka.

Di sebuah kampung yang dipanggil kampung baru di mana penduduk-penduduk telah dipindahkan lebih kurang 6 tahun dahulu bagi kemajuan jalan di Simpang Ampat atau simpang berhampiran Prai, tidak ada jalan-jalan atau parit-parit sungguhpun banyak bangunan-bangunan telah didirikan di kampung ini. Parit-parit di jalan besar berhampiran kampung itu telah ditumbuhi dengan semak-samun dan air mengalir di kampung bila musim hujan turun. Permintaan telah dibuat berkali-kali dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah Bukit Mertajam dan hanya baru-baru ini diberitahu bahawa wang sebanyak \$80,000 telah diperuntukkan bagi sebuah jalan di kampung ini, tetapi sehingga hari ini belum ada apa-apa dibuat. Inikah pemberian bagi kerjasama dengan Kerajaan untuk membekalkan pelaksanaan projek-projek pembangunan?

Sekarang saya ingin menyentuh tentang Lembaga Letrik Negara. Terdapat beberapa buah kampung di Bukit Mertajam di mana bekalan letrik tiada memuaskan dan penduduk-penduduk tidak dapat membaca dengan lampu-lampu sehingga pukul 10.00 malam. Kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut radio dan TV tiadalah berguna sebab mereka tiada dapat menikmati samada TV atau radio pada waktu-waktu malam kecuali sampai pukul 11.00 malam kerana kuasa letrik sangat lemah. "Black-out" atau keadaan gelap sering berlaku di bandar ini kerana kerosakan letrik.

Di setengah-setengah projek letrik bagi kawasan luar bandar yang telah diluluskan

di bawah Rancangan Malaysia Kedua masih belum dilaksanakan kerana kekurangan pekerja. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bukan sahaja menyelesaikan masalah-masalah tersebut bahkan menyelenggarakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kerana penduduk-penduduk di kawasan luar bandar dan di kampung-kampung sedang menunjukkan tanda-tanda bahawa mereka tiada sabar lagi.

Menyentuh tentang Kementerian Kesihatan, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga kepada J.K.R. di atas berita yang baik saya telah mendengar. Selepas menunggu beberapa tahun kami akan mendapat sebuah janakuasa (generator) di Bukit Mertajam Hospital serta Rumah Sakit Pulau Pinang secepat mungkin Wad baru 4 tingkat dan tambahan kepada Wad Bersalin Rumah Sakit Bukit Mertajam telahpun diluluskan dan kami berharap J.K.R. akan menegerakan kedua-dua projek tersebut itu secepat mungkin kerana dikehendaki dengan segera, lagi pula ketiadaan seorang surgeon. Kami merayu kerana tiada seorang pun surgeon di Bukit Mertajam Hospital. Adalah satu masalah yang serius yang patut diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan dengan secepat mungkin kerana kita tiada dapat menyelamatkan jiwa atau nyawa jika kita terpaksa menghantar semua kes-kes surgical daripada Bukit Mertajam ke Pulau Pinang, satu perjalanan yang mengambil masa lebih daripada satu jam dengan ambulan.

Perletakan jawatan oleh doktor-doktor di negeri Pulau Pinang adalah satu perkara yang membimbangkan orang ramai. Saya diberitahu oleh doktor-doktor di hospital adalah bertugas lebih (overwork) kerana bilangan pesakit telah bertambah banyak di samping itu kekurangan doktor-doktor untuk menjalankan tugas yang bertambah itu.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri berkenaan hendaklah memberi perhatian sendiri di dalam masalah ini.

4.50 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama menyokong usul menjunjung kasih yang dikemukakan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang dilafazkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja amat terang dan mengandungi semua aspek berkenaan dengan kehidupan negara kami. Sebagai rakyat negara ini kami menyokong dasar dan usaha Kerajaan ke arah mengurangkan jurang perbezaan antara miskin dan kaya untuk mencapai perpaduan negara ini.

Dalam pada ini rakyat dengan cara tegas dan terang telah dapat memahami baik dan menyokong dasar-dasar Kerajaan. Akan tetapi, kita juga berharap sebenar-benarnya bahawa di dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan yang nyata dan telahpun diumumkan Kementerian-kementerian dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan dapat juga menyekat semangat dan hasrat yang terkandung di sebalik dasar-dasar ini.

Janganlah sekali-kali membiarkan amalan birokrasi atau red tape untuk melambatkan kelicinan perjalanan Kerajaan. Jauhkan dan singkirkan segala salah tafsiran yang tidak diingini terhadap dasar-dasar Kerajaan yang bermaksud baik. Kalau dibenarkan membiak ini sudah tentu akan menimbulkan perasaan keciwa dan tidak puas hati di kalangan rakyat.

Saya ingin beri satu contoh putus asa yang dirasakan oleh rakyat miskin iaitu pembinaan rumah murah misalnya cadangan Kerajaan untuk membina 100 buah rumah murah akan mempelawa 10,000 orang ramai untuk memohon. Ini bermakna tiap-tiap rumah yang dibahagikan untuk seorang seramai 99 orang akan putus harapan.

Orang ramai tidak akan faham dasar pembinaan rumah murah memakan masa dan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Mereka cuma menuduh Kerajaan yang tidak adil dalam pembahagian rumah-rumah murah. Mereka juga menyalahkan yang mereka tidak terpilih adalah kerana terdapat di kalangan pihak yang berkuasa sikap pilih kasih dan nepotisme yang telah menjalar secara berleluasa. Semua prasangka ini hendaklah dijauhkan.

Saya cadangkan bahawa Kerajaan menjalankan satu kaji-tinjau sebelum pembinaan rumah murah dimulakan supaya bilangan rumah akan mencukupi untuk orang ramai di sesuatu kawasan.

Adalah tidak guna sekiranya Kerajaan membina hanya 100 buah rumah murah di sesuatu kawasan di mana orang ramai me-

merlukan 1,000 buah dan rakyat merasa lebih keciwa dan tidak berpuas hati. Saya berharap Kementerian yang berkenaan akan menganjurkan dailog-dailog yang bermakna dan menguntungkan dengan tiap-tiap Kerajaan Negeri supaya dapat mengujudkan satu dasar perumahan yang lebih wajar dan sesuai.

Kita pernah juga mendengar ada rancangan-rancangan kilat perumahan (crash programme) yang diujudkan oleh Kementerian berkenaan tetapi setakat ini belum kelihatan apa yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga faham Kerajaan akan menguatkuasakan secara intensif bekalan air dan api di kawasan-kawasan luar bandar. Musim kemarau baru-baru ini telah mengeringkan air di semua perigi di sebahagian kawasan saya, dan J.K.R. terpaksa menghantar air kepada kawasan itu.

Di kampung Lenggeng di kawasan saya penduduk-penduduk tidak dapat bekalan air paip, mereka hanya mendapat air minum dari perigi ataupun sungai dan pada musim kemarau sekarang kami boleh merasa kerumitan yang mereka alami untuk mendapatkan air minum. Kerajaan telah berjanji akan membekalkan air minum dari Bukit Pantai tetapi rancangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan wang.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan peperiksaan S.T.P. pada tahun 1976/1977 telah menunjukkan kelulusan yang begitu buruk dan kurang memuaskan. Kami percaya Kementerian Pelajaran akan menjalankan satu siasatan tentang sistem pengajaran dan mencari langkah-langkah untuk mengurangkan kegagalan dalam peperiksaan tersebut supaya murid-murid yang terkandas tidak akan menjadi satu masalah masyarakat kelak.

Apabila keputusan peperiksaan diumumkan tiap-tiap tahun tidak dapat tidak mengakibatkan pening kepala kepada penuntut-penuntut dan juga ibubapa-ibubapa. Sebab utama masalah ini timbul adalah disebabkan oleh sistem pelajaran yang terlalu tegang di mana penuntut-penuntut dibahagikan dan dicap lulus atau gagal mengikut keputusan peperiksaan. Sistem yang agak tegang dan ketat ini memerlukan seseorang penuntut itu mesti lulus di dalam beberapa mata pelajaran tertentu sebagai syarat lulus atau tidak dicap gagal.

Sistem pendidikan yang ada sekarang dianggap sebagai terlalu berorientasikan peperiksaan (examination-orientated). Perubahan di dalam sistem peperiksaan perlu dibuat dengan menitikberatkan kepada pencapaian tiap-tiap satu mata pelajaran tertentu sahaja di dalam peperiksaan. Cara ini akan menguntungkan penuntut yang agak lambat cerah (late developer) supaya mereka hanya menitikberatkan kepada beberapa mata pelajaran sahaja yang berkaitan dengan minat dan cita-cita dan career mereka di masa depan. Hanya mata pelajaran dan grade masing-masing yang akan dicatat di dalam sijil itu. Dengan ini penuntut-penuntut tidaklah lagi dicapkan samada lulus atau gagal.

Kami telah mendengar Titah Ucapan Di Raja di mana berbagai-bagai cara yang digunakan untuk memberi peluang yang lebih banyak bagi mendapatkan pelajaran.

Kami sedar bahawa lebih ramai murid-murid telah memohon untuk memasuki ke universiti tiap-tiap tahun yang lepas, tetapi lebih ramai murid telah tidak berjaya. Ramai dari mereka tidak boleh juga keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran, hanya lebih kurang 10% yang boleh berbuat demikian. Tambahan pula kebanyakan negeri luar tidak sanggup memberi peluang untuk murid-murid dari luar negeri. Jadi di mana mereka akan mencari satu tempat yang sesuai di dalam negeri ini. Adakah kita dapat membiarkan keadaan yang sebegini berterusan dan mewujudkan satu lapisan intelektual yang keciwa dan intelektual separa. Bolehkah Kerajaan mencari satu langkah untuk memberikan peluang yang lebih banyak bagi mereka mendapat pelajaran-pelajaran. Kami tidak boleh berkata bahawa Malaysia adalah sebuah negeri yang kecil dan tidak sanggup menerima ramai graduates yang akan mencari pekerjaan, sepertimana peribahasa ekonomi berkata: supply and demand. Jika sekiranya pemudapemudi di negara kita memerlukan pelajaran tinggi dan ibubapa-ibubapa menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran yang lebih tinggi maka kami mesti menubuhkan lebih banyak universiti.

Berkenaan pekerjaan, ini adalah tanggungjawab Kerajaan untuk memberi tempat kerja kepada mereka yang berkelulusan universiti ataupun mereka yang kandas dalam peperiksaan L.C.E. atau M.C.E. Kebanyakan negara

di dunia sekarang telah menubuhkan lebih banyak universiti dan ini adalah satu prinsip keperluan untuk rakyat bersama dan berusaha untuk menubuhkan sebuah universiti untuk murid-murid yang ingin mendapat pelajaran yang lebih tinggi, misalnya berbagai universiti telah ditubuhkan di Eropah pada abad 13 dan 14. Begitu juga Universiti Al-Azhar di Cairo telah ditubuhkan pada abad 10.

Keperluan untuk pelajaran tinggi adalah disebabkan oleh:

- (a) persediaan persekolahan percuma di sekolah-sekolah rendah.
- (b) meningkatnya ekonomi am negara.
- (c) cita-cita perseorangan dan kenaikan status sosial.
- (d) keperluan kakitangan-kakitangan yang mempunyai pelajaran-pelajaran tinggi oleh Kerajaan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkhidmatan darat dalam bidang perhubungan. Di Malaysia hari ini ramai pekerja-pekerja kaum wanita dan murid-murid menggunakan perkhidmatan bas pada tiap-tiap pagi, petang, bahkan juga pada waktu malam. Satu aduan yang selalu dapat didengar ialah kelebihan muatan bas pada waktu sebak, kekurangan perkhidmatan bas di kawasan kampung dan perumahan yang ditempatkan tiga atau empat batu jauh dari bandar. Sekiranya sebuah syarikat bas diminta untuk menambahkan perkhidmatan bas jawapannya ialah mereka tidak dapat berbuat demikian, kerana halangan pihak Jabatan Pengangkutan dan apabila Jabatan Pengangkutan disoal, jawabnya adalah tambahan perkhidmatan bas akan melanggar undang-undang melainkan syarikat bas yang berkenaan mematuhi beberapa syarat-syarat yang tertentu. Jadi perkhidmatan bas tidak dapat ditambahkan, orang ramai akan menjadi susah dan Kerajaan pula akan disalahkan. Saya berharap Menteri yang berkenaan dapat mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini dengan segera.

Beberapa hari dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan telah mengeja di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak yang berkenaan Kementerian akan mengkaji semula perjanjian udara sekarang yang telahpun dipersetujukan dengan Britain berkenaan dengan hak-hak mendarat bagi MAS DC-10. Malaysia adalah

dianggap sebagai pengangkutan rantau (regional carrier) dan tidak berhak mengendalikan jalan terus (trunk route) ke London. Ini adalah keadaan permulaan apabila perjanjian ditandatangani di antara Malaysia dengan United Kingdom. Kemudianya kita telah dibenarkan memilih penerbangan Boeing 707 ke London dengan kekerapan dua kali seminggu atau penerbangan dengan kapalterbang lebar badan seperti DC-10 atau Boeing 747 dengan kekerapan penerbangan tiap-tiap minggu. Oleh kerana besar dan lebarnya badan DC-10 ia mempunyai 252 tempat-tempat duduk berbanding dengan 146 tempat-tempat duduk yang ada pada Boeing 707. Dengan adanya dua perkhidmatan penerbangan DC-10 ke London setiap minggu seperti yang dipersetujui dengan United Kingdom maka didapati 1/3 dari jumlah penumpang-penumpang dibawa oleh MAS ke London itu terdiri dan berasal dari lalulintas "six freedom" di Australia. Seperti yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lalulintas "six freedom" bererti MAS hanya membawa penumpang-penumpang di antara Australia dengan Britain melalui Kuala Lumpur. Oleh kerana MAS juga mengendalikan perkhidmatan berulang-alik di antara Australia dengan Malaysia maka di bawah persetujuan dengan United Kingdom yang ada sekarang urus janji bekal (package deal) ini termasuk pembayaran MAS kepada British Airways 1/6 daripada jumlah pendapatan MAS yang terdiri daripada pengangkutan barang-barang dan penumpang-penumpang dari Australia ke London. Bayaran ini adalah \$4 juta tiap-tiap tahun, termasuk dalam perjanjian adalah kebenaran bagi British Airways terbang dari London ke Australia melalui Kuala Lumpur setiap minggu sekali lebih; juga kebenaran diberi kepada Cathay Pacific Airways sebuah syarikat British dari Hongkong untuk mengendalikan perkhidmatan muatan (cargo service) ke Kuala Lumpur dan juga membawa penumpang-penumpang dari Hongkong melalui Kuala Lumpur ke Bahrain.

Perjanjian udara sekarang ini telah menitikberatkan sebelah menguntungkan pihak Britain dan Hongkong. Maka di dalam rundingan ulang-kaji yang akan datang kita patut mengambil satu kedudukan yang tegas untuk menjaga kepentingan MAS. Sebagai satu alternative kalau pihak British tidak bersetuju, kita boleh mendapatkan persetujuan udara dengan German Barat bagi

hak mendarat di Frankfurt atau berunding dengan Perancis untuk mendarat di Paris. Penerbangan MAS boleh dibesarkan dan berkembang ke dunia penerbangan antara Benua. Seberapa boleh kita patut menambah kekerapan penerbangan MAS.

Sekianlah dan saya menyokong penuh usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.11 ptg.

Tuan Sibat Miyut anak Tagong (Ulu Rajang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, di samping itu saya ingin juga menyentuh satu-dua perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyatakan di sini berhubung dengan ternakan lembu di Sarawak. Jikalau saya tidak silap dari dua tahun yang lepas Kerajaan Pusat ada memberi bantuan kepada petani-petani yang menternak Sekim Pawah Lembu di Sarawak dan Sekim Pawah Lembu ini mendapat bantuan dari Kerajaan Negeri kepada rakyat disambut dengan sepenuhnya akan tetapi pada hari ini saya diberitahu oleh rakyat yang menerima bantuan seperti ini sudah dihapuskan. Oleh hal yang demikian, saya di sini ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan apakah sebab-sebab Kerajaan Pusat tidak ada lagi memberi pertolongan yang seperti ini kepada petani-petani yang terus berkehendak Sekim Pawah Lembu di Sarawak. Saya dapati di negeri Sarawak pada masa sekarang banyak ajensi-ajensi yang mengimpot daging lembu dari Semenanjung Malaysia ataupun dari Australia. Oleh yang demikian, saya ingin memohon supaya Kerajaan Pusat mengambil perhatian yang berat oleh kerana kekurangan daging di Sarawak semakin bertambah kurang. Sekim Pawah Lembu sangat diperlukan ditambah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua patut saya sebutkan di sini berkaitan dengan penanaman lada hitam di Sarawak. Pada masa sekarang tidak kurang dari 67% rakyat di Sarawak menjadi petani menanam padi dan tiada kurang dari 30% petani itu sekarang sudah berkehendak menanam lada hitam. Pada pendapat saya jika Kerajaan dapat menambah sekim lada hitam di Sarawak ini dapat memberi hasil yang besar

kepada negara. Oleh yang demikian, Kerajaan Pusat patutlah membesarkan dengan menambah sekim lada hitam di Sarawak sebagai satu jalan bagi menggalakkan rakyat lebih lagi menanam lada hitam. Kerajaan Pusat patutlah menimbangankan memberi subsidi seperti baja, tiang dan racun serangga kerana barang-barang ini sangat diperlukan oleh petani-petani.

Selain daripada itu saya juga ingin bercakap berkenaan dengan harga lada hitam pada hari ini. Harga lada hitam pada masa sekarang tidak ditentukan dan juga soal cukai patut Kerajaan pertimbangkan.

5.18 p/g.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, seperti kenyataan rasmi Kerajaan yang lain, Titah Di-Raja oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agung semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Sidang Keempat Parlimen Keempat mengandungi pada anggapan saya tidak ada apa yang baru tetapi hanya ulangan kejayaan Kerajaan, puji-pujian, ikrar dan janji kepada rakyat.

Titah Di-Raja yang dilafazkan dalam Dewan ini tidak sedikit pun memberi satu gambaran sebenarnya mengenai perkembangan politik di negara ini. Kalau ada pun, ia hanya berjaya sekali lagi memberi satu gambaran yang menakjub tentang kejayaan Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Memberi gambaran yang menggalakan adalah satu lekaan sahaja tetapi adakah kejayaan itu telah meresapi semua lapisan masyarakat dan memberi faedah kepada semua rakyat negara ini tanpa mengira bangsa, terutama mereka yang tidak berada dari semua kaum ialah satu perkara yang lain. Walaupun kita sekarang diambang merayakan 21 tahun kemerdekaan kita, tetapi memandangkan keadaan politik yang wujud sekarang nyatalah bahawa masalah-masalah asas terhadap membentuk negara bersatupadu belum lagi diatasi.

Apa yang saya anggap penting dalam Titah Di-Raja itu adalah apa yang dinyatakan, "Perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum adalah asas penting ke arah ketahanan negara".

Saya bersetuju penuh dengan Baginda tentang perkara itu tetapi soalnya sekarang ialah adakah kita telah mencapai perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum seperti yang kita ada sekarang.

Tuan Speaker, kita tidak perlu untuk mendapatkan political scientist untuk memberi satu jawapan. Yang sebenarnya kita masih jauh lagi daripada hakikat sebuah negara yang bersatupadu dan kuat. Kita masih lagi menghadapi banyak lagi masalah-masalah politik, pelajaran, ekonomi sosial dan lain-lainnya.

Kita masih belum lagi mencari satu rumusan yang kekal ke arah menyelesaikan masalah membentuk sebuah negara yang benar-benar bersatupadu berdasarkan pada prinsip kesaksamaan politik, keadilan sosial dan ekonomi. Meskipun kita telah menjangkau 21 tahun merdeka, apa yang kita lihat sekarang ialah berbagai kaum di negara ini semakin jauh terasing antara satu sama lain dan jurang perbezaan antara kaum berada dengan tidak berada semakin meluas. Polarisasi kaum semakin bertingkat dan credibility rakyat terhadap Kerajaan semakin kuat hakisannya.

Tuan Speaker, pada anggapan saya Kerajaan masih lagi belum berjaya mempengaruhi fikiran dan hati rakyat dalam memulihkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan dan dasar-dasarnya. Alasan-alasan mengapa perkara ini berlaku tidak sukar didapati. Ini semuanya berkisar bahawa rakyat merasa hampa terhadap dasar pilih kasih Kerajaan tentang politik, pelajaran, ekonomi dan peluang pekerjaan. Rakyat juga merasa hampa terhadap sikap dingin Kerajaan dan keengganan Kerajaan untuk mengambil berat dengan sebenarnya terhadap kesulitan hidup mereka. Dan kerana sebab-sebab inilah Kerajaan harusnya bertanggungjawab terhadap suasana keselamatan serta semakin meningkatnya ancaman pengganas kominis.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kominis akan menjadi satu tarikan kepada rakyat yang daif yang tidak dapat mencari alternative lain untuk mengubah sistem politik sekarang ini yang bersabit dengan korupsi, nepotisma, kepentingan diri sendiri dan pemerintahan otoritarian. Oleh kerana itu apakah jawapannya terhadap ancaman keselamatan ini? Jawabnya adalah menghapuskan kemiskinan, mengatasi polarisasi

kaum yang semakin buruk dan menghapuskan ketidakadilan dan ketidaksamaan dalam sistem politik dan ekonomi negara ini dengan tujuan memberi makna terhadap proses demokrasi berparlimen kepada rakyat khususnya rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sebabnya mengapa saya berulang kali menegaskan di dalam Dewan ini tentang perlunya mendirikan sebuah Instituti Perhubungan Kaum untuk menjalankan kajian terperinci dan mendalam terhadap masalah kaum dan membuat syor-syor penyelesaian jangka panjang dengan tujuan mencapai perpaduan negara dalam satu masyarakat, negara berbilang kaum.

Kita harus sedar, kita tidak akan mengatasi masalah kaum akibat diskriminasi kaum dengan mewujudkan Majlis Perhubungan Masyarakat dengan menganjurkan peraduan itu dan ini termasuk peraduan karangan Rukunegara ataupun dengan mencetak kelender perpaduan.

Tugas dan tanggungjawab menjalankan kajian mengenai masalah kaum memerlukan bukan setakat membentuk satu urusetia perpaduan negara. Yang perlu adalah sebuah Instituti Perhubungan Kaum untuk menjalankan kajian mendalam mengenai masalah kaum di negara ini.

Tuan Speaker, Kerajaan harus sedar dan memahami cabaran politik dan sosio-ekonomi yang dibangkitkan oleh kominis. Kita tidak harus masuk ke perangkap cabaran kominis dengan salah membaca bentuk cabaran kominis itu.

Kita dalam D.A.P. percaya bahawa rakyat Malaysia lebih suka hidup dalam sistem demokrasi yang tidak mempunyai perbezaan dalam kekayaan dan kemiskinan malah setiap individu boleh memajukan bakatnya dengan sepenuhnya. Mereka akan mempertahankan sistem demokrasi seperti itu. Tetapi bila sistem demokrasi itu pincang dan terdapat diskriminasi dalam berbagai segi agak sukarlah bagi kita hendak mengajak rakyat mempertahankan demokrasi yang penuh dengan gejala-gejala yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus sedar bahawa perpaduan negara hanya akan tercapai dengan mengatasi asas pembinaan negara dan memberi rakyat hak demokrasi serta kebebasan asasi. Itu yang mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Titah Baginda bahawa tahun 1978 adalah tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Seperti yang kita semua mengetahui dokumen Rancangan Malaysia Ketiga adalah dokumen bercita-cita, yang telah menimbulkan pengharapan tinggi di kalangan rakyat. Dalam hubungan ini adalah wajar bagi pihak pentadbiran untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan bahawa Rancangan Malaysia Ketiga mencapai objektif untuk memenuhi hasrat dan pengharapan rakyat.

Janganlah hendaknya Rancangan Malaysia Ketiga boleh menimbulkan kurang yakin di kalangan rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkali-kali berkata bahawa beliau bertanggungjawab untuk kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Kita berharap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan memberi kekecewaan kepada rakyat, tetapi akan memenuhi janji-janji yang dibuat bagi memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga dan kesedaran terhadap matlamat yang bertujuan untuk membawa kehidupan yang lebih baik dan bermakna kepada semua kaum.

Ini pada anggapan saya adalah satu cabaran kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga satu batu ujian kepada pentadbiran Kerajaan. Tidak lama dahulu saya telah berkata dan saya akan mengulangi lagi di sini bahawa Rancangan Malaysia Ketiga akan hanya menjadi dokumen yang lebih bermakna kiranya dapat dilihat kemajuan taraf hidup rakyat Malaysia dari berbagai bangsa, terutama mereka yang tidak berada.

Kita sekarang sedang melangkah masuk tahun ketiga Rancangan Malaysia Ketiga. Amatlah penting dipersoalkan atas dasar apa pekerjaan telah dibuat atau apa ground works telah dibuat untuk membuka jalan ke arah kejayaan implimentasi rancangan tersebut. Berapa peratuskah projek-projek itu telah mencapai kejayaan dan berapa peratuskah perlu dilaksanakan? Apakah masalah-masalah yang berbangkit selama ini? Ini adalah beberapa soalan yang penting yang mesti dijawab. Perkara ini harus dikaji semula di Parlimen.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat kami perlaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga memerlukan satu pentadbiran yang licin, berkesan, jujur dan tidak rasuah. Bagaimanapun, keperluan untuk melihat darjah kecakapan dan kesan yang tinggi dalam jentera Kerajaan dan integrity, bersih tidak rasuah, dedikasi dan jujur tidak sahaja ditekankan kepada kakitangan awam, tetapi terhadap semua pemimpin politik di kedua-dua peringkat kebangsaan dan juga negeri.

Selanjutnya, dan menjadi lebih penting berjaya atau gagalannya Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru akan bergantung samada Kerajaan mencapai kejayaan membangunkan satu bangsa berbilang kaum oleh kerana tanpa perpaduan bangsa dan rakyat, adalah tidak mungkin bagi kita mencapai pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Baginda telah menyatakan bahawa perlaksanaan Akta Penyelarasan Perusahaan (I.C.A.) telah tidak menyekat pembangunan perindustrian, tetapi adalah tidak dapat dinafikan bahawa usaha Kerajaan untuk menggalakan pelaburan tempatan dan dari negara-negara luar di Malaysia tidaklah mendatangkan ganjaran yang begitu menarik. Meski pun bahan utama kita seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit mengalami suasana yang memuaskan tetapi kadar pembentukan modal (rate of capital formation) di negara ini masih lagi berkurangan. Beberapa sebab mengapa ini berlaku dan salah satunya adalah kerana kebimbangan, kekhuatiran dan kecurigaan di kalangan sektor swasta akibat Akta tersebut dilaksanakan.

Kami menentang Akta itu bila ia dibentangkan dalam tahun 1975 kerana kami sedar bahawa Akta I.C.A. itu memberi kuasa yang terlalu banyak kepada Menteri yang berkenaan yang boleh menyalahgunakan kuasa itu atas alasan menjamin perkembangan industri yang sempurna dan teratur di negara ini. Apa yang kami katakan itu terbukti benar kerana sejak perlaksanaan Akta I.C.A. itu kebimbangan dan curiga terdapat di kalangan sektor swasta yang mengakibatkan pelaburan tempatan dan dari asing terjejas.

Kerajaan membuat pindaan terhadap Akta itu dalam bulan Mac 1977 setelah sedar terhadap kesilapannya. Pindaan itu bertujuan meyakinkan sektor swasta tentang pelaburan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apabila pindaan Akta itu dikemukakan kami mendapati bahawa pindaan itu tidak langsung pun menghilangkan keraguan dan kebimbangan para sektor swasta tentang kuasa yang banyak yang diberi kepada Menteri yang berkenaan.

Pindaan itu hanya menonjolkan seksyen baru kepada Akta yang asal iaitu seksyen 13, 14, 15, dan 16 dan semua seksyen itu meletakkan pada Menteri sebagai pemutus dan menentukan rayuan berhubung dengan pengeluaran lesen kepada pekilang-pekilang di bawah Akta tersebut. Dengan ini Menteri itu menjadi Hakim, juri dan pelaksana sama sekali. Oleh itu adalah menjadi harapan kami bahawa Akta itu hendaklah dipinda lagi untuk mengikis sebarang kebimbangan dan keraguan yang masih ada di kalangan sektor swasta terhadap Menteri yang bertanggungjawab.

Akta itu harus dipinda untuk mengemukakan perkara-perkara berikut dan di sini saya ada dua syor:

- (1) Pembentukan satu panel bebas yang dilantik oleh Ketua Hakim Negara sebagai badan rayuan yang muktamad terhadap penolakan permohonan lesen di bawah Akta ini.
- (2) Pembentukan Majlis Penasihat yang diwakili juga oleh Sektor Swasta untuk menasihatkan Menteri mengenai semua aspek pembangunan industri supaya wujud satu jentera perundingan rasmi di antara Kerajaan dengan sektor swasta.

Seciranya Akta itu tidak dipinda lagi, kita khuatir kebimbangan dan keraguan di sektor swasta tidak dapat dikikis dan usaha pelaburan tidak akan begitu berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Titah Baginda, Kerajaan sedang giat membina pekerja buruh yang terlatih dan berdisiplin dalam usaha memajukan industri. Saya bersetuju dengan perkara ini tetapi saya berasa kesal bahawa Kerajaan tidak sedikit pun mengambil berat terhadap eksploitasi pekerja-pekerja yang kebanyakannya tidak dapat gaji yang menasabah.

Masalah ini berbangkit kerana tidak ada undang-undang yang menentukan gaji minima untuk pekerja-pekerja di Malaysia hari ini. Akibat dari itu, syarikat-syarikat dan para majikan termasuk kompeni-kompeni asing mengambil kesempatan daripada "buruh murah" seperti yang dianggap oleh mereka dan membayar pekerja-pekerja mereka gaji yang paling rendah yang menjadikan mereka sukar hendak hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan membuat kenyataan secara am di sini. Saya boleh membuktikan kepada Kementerian yang berkenaan tentang tindakan menekan para pekerja kita ini.

Oleh kerana ini, saya rasa Kerajaan haruslah bukan sahaja memberi perhatian kepada perkara ini, tetapi patutlah mengadakan Undang-undang Gaji Minima di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu di negara kita ialah mengulang kaji semua undang-undang buruh yang sedia ada untuk mengetahui peruntukan-peruntukan yang anti-buruh. Walaupun Menteri yang bertanggungjawab telah beberapa kali bersuara hendak berbuat demikian, tetapi setakat ini tidak ada apa yang berlaku, Kerajaan dan khasnya Menteri yang berkenaan tidak harus membuat janji kosong tetapi sebaliknya bertindak untuk mengulang kaji undang-undang buruh yang ada sekarang.

Satu perkara lain yang saya ingin sentuh di sini ialah berkait dengan satu masalah sosio-ekonomi yang amat mustahak iaitu mengenai perumahan. Kerajaan telah menyatakan hasratnya untuk meningkatkan pembinaan rumah-rumah murah untuk menampung keperluan rakyat yang berpendapatan rendah. Tidak dapat dinafikan bahawa perumahan hari ini telah menjadi suatu masalah sosio-ekonomi yang terbesar sekali di negara ini. Tugas membina lebih banyak rumah untuk rakyat berpendapatan rendah masih lagi merupakan cabaran besar kepada Kerajaan. Masalah ini semakin merunsingkan terutamanya di Kuala Lumpur (kawasan saya) dan apa yang digambarkan sekarang adalah berlainan sekali.

Di Kuala Lumpur masalah kekurangan perumahan amatlah mendesak. Lebih 20,000 pemohon masih lagi menunggu untuk mendapatkan rumah murah dan ramai daripada mereka telah menunggu antara 4 hingga 5

tahun dan ada yang lain telah menunggu hingga 6-7 tahun tetapi sehingga hari ini mereka belum dapat tahu samada Kerajaan dapat memperuntukan rumah murah kepada mereka. Namun demikian peluang mereka untuk mendapatkan rumah itu amatlah tipis. Ini adalah kerana Kerajaan tidak berupaya membina lebih banyak rumah-rumah murah dengan kadar yang cepat dan juga disebabkan oleh sistem peruntukan yang tidak memuaskan setakat ini. Akibatnya ramai rakyat merasa hampa.

Untuk mengatasi ini Kerajaan harus bertindak tegas dan masanya telah sampai bagi Kerajaan membentuk satu Lembaga Kemajuan Perumahan untuk menggantikan Jabatan Perumahan di dalam Kementerian yang berkenaan supaya dapat menentukan segala dan kewangan serta lain-lain untuk membina rumah murah memenuhi keperluan rakyat khasnya rakyat-rakyat yang miskin. Lembaga ini boleh merancang dan mempercepatkan usaha pembinaan rumah-rumah di negara ini.

Di samping itu Kerajaan hendaklah menimbang dengan serious mengadakan satu undang-undang mengenai peruntukan perumahan awam terutama rumah murah bagi menjamin bahawa rumah-rumah itu akan hanya diberi kepada mereka yang benar-benar layak memohon rumah itu. Oleh kerana ketiadaan undang-undang itu terdapat banyak rungutan, terdapat banyak aduan bahawa rumah murah telah diberi kepada mereka yang tidak berhak dan layak. Saya sebagai Wakil Rakyat selalu menerima aduan seperti itu. Oleh kerana itu saya rasa Kerajaan harus dan perlu mengadakan satu undang-undang yang saya syorkan tadi untuk memastikan bahawa sistem peruntukan perumahan akan dijalankan dengan cara mereka yang layak, yang benar-benar layak boleh mendapat rumah itu.

Mengenai perumahan juga, saya juga ingin mengambil peluang ini menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil langkah-langkah yang awal dengan cepatnya membentuk satu Panel Perumahan untuk bertindak secara berkesan dan cepat mengenai aduan-aduan yang kerap kali terhadap pemaju-pemaju perumahan, seperti mutu rendah rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab dan juga ada timbul masalah yang lain.

Panel ini hendaklah mengandungi wakil-wakil daripada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan sendiri, Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan dan Persatuan-persatuan Pengguna dan mestilah ditubuhkan tanpa lengah-lengah lagi bagi kepentingan semua yang berkenaan. Sekiranya kita ada satu panel ini maka pada masa akan datang sekiranya timbul apa-apa masalah di antara pihak pemaju perumahan dengan pembeli-pembeli rumah itu maka semua masalah-masalah ini boleh dirujuk kepada panel itu dan selepas itu boleh membincang dan mencari satu penyelesaian yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah sentiasa menyeru sektor swasta membantunya dalam usaha membina rumah murah khususnya rumah-rumah murah. Adakah seruan Kerajaan ini telah ditepati oleh pihak sektor swasta dan sekiranya tidak mengapa perkara ini ada berlaku? Adakah Kerajaan berpuashati dengan sumbangan sektor swasta terhadap pembinaan rumah murah? Inilah soalan-soalan yang mustahak harus dijawab oleh Kerajaan, tetapi jawapannya telah nyata, Tuan Yang di-Pertua.

Tidak dapat dinafikan bahawa sektor swasta yang lebih mementingkan keuntungan telah tidak memberi sumbangan yang banyak ke arah pembinaan rumah-rumah murah. Oleh kerana itu, saya berpendapat Kerajaan hendaklah mengulang kaji perkara sumbangan sektor swasta dalam hubungan ini. Ulangkaji itu perlu untuk mengetahui apa-apa sebab sumbangan pihak swasta terhadap perkara ini tidak begitu memuaskan. Yang kedua, ulangkaji itu pun perlu untuk mengetahui kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh sektor swasta yang benar-benar bahawa mereka menghadapi masalah atau kesulitan-kesulitan dalam usaha mereka memberi sumbangan kepada pembina rumah dan kita harus tahu samada kesulitan-kesulitan yang disuarakan oleh mereka adalah berkaitan dengan Pejabat Tanah atau Pentadbiran Pejabat Tanah yang kurang cekap dan ada munculnya perkara sebagai red-tape dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan rumah murah awam telah semakin bertambah buruk akibat kenaikan sewa di tempat-tempat seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya,

Johor Bahru dan Kuantan. Ini mengakibatkan masalah sosial dan ekonomi yang lebih mendesak di kalangan rakyat berpendapatan rendah.

Hak pemilik-pemilik atau tuan-tuan punya rumah untuk menaikkan sewa tidak boleh dinafikan, tetapi kenaikan itu haruslah menasabah dan saksama, itu yang mustahak. Saya dalam menjalankan tugas saya sebagai Wakil Rakyat telah menerima aduan bahawa setengah-setengah pemilik-pemilik rumah dengan alasan inflasi telah menaikkan sewa rumah 100%, kerana rumah-rumah ini tidak tertakluk di bawah pengawalan sewa kerana rumah-rumah itu dibina selepas tahun 1948.

Beberapa ketika dahulu saya memahami bahawa Kerajaan telah membentuk satu Jawatankuasa Ulangkaji Pengawalan Sewa untuk mengulangkaji peruntukan-peruntukan dalam Akta Pengawalan Sewa Tahun 1966 dengan tujuan mengemaskinikan peruntukan-peruntukan itu. Lebih setahun telah berlalu dan jawatankuasa telahpun menamatkan kajiannya dan apa yang saya faham satu laporan telahpun disiapkan tetapi rakyat tidak langsung diberitahu tentang keputusannya.

Kerajaan hendaklah mengumumkan laporan jawatankuasa dengan secepat yang mungkin di samping mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk menyamakan atau menstabilkan (re-concile) kenaikan sewa demi kepentingan kedua belah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, atas perkara perumahan juga, Kerajaan hendaklah mempercepatkan penjualan flet-flet harga murah kepada penyewa-penyewa. Langkah ke arah itu hendaklah diambil segera untuk melaksanakan amalan memiliki rumah sendiri (house owning democracy) sebagaimana yang dilaung-laungkan oleh pihak Kerajaan. Tiada sebab mengapa perkara ini harus dilambatkan, kerana undang-undang mengenai perkara ini telah diluluskan di dalam Dewan ini tetapi sehingga hari ini perkara ini pun belum dilaksanakan. Saya rasa amat kesal atas hal ini. Saya harap Menteri yang berkenaan boleh memberi saya satu jawapan yang memuaskan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang lain yang saya ingin menyentuh di sini iaitu mengenai masalah pengangguran. Pengangguran masih lagi merupakan masalah utama yang besar di negara ini. Adalah di-

anggarkan terdapat 400,000 orang-orang yang masih menganggur. Ini merupakan 7.5% daripada jumlah tenaga pekerja di negara ini. Dengan kadar pengangguran yang begitu tinggi masalah ini perlulah diberes dengan segera dan secara sistematik. Kerajaan hendaklah mengutamakan usaha mengadakan peluang pekerjaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan dalam hubungan ini saya ingin mengesyorkan satu agensi khas perlu dibentuk untuk menyatukan usaha semua Kementerian-kementerian untuk mencari peluang-peluang pekerjaan bagi mereka yang menganggur.

Satu perkara yang lain yang saya ingin berucap sedikit iaitu mengenai masalah harga barangan keperluan. Tuan Yang di-Pertua, masalah yang terbesar yang dihadapi oleh para pengguna-pengguna di Malaysia hari ini terutama mereka yang berpendapatan rendah ialah kenaikan harga yang tidak seimbang ke atas barangan atau makanan-makanan pengguna-pengguna dan bahan-bahan yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang dari semasa ke semasa. Masaalah seumpama itu telah timbul sebelumnya dan akan timbul lagi pada masa yang akan datang.

Pada pandangan saya usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan setakat ini dalam menahan kenaikan harga yang tidak seimbang pada masa lepas itu terbukti tidak berkesan dan sebagai hasilnya para pengguna terus duduk di bawah telunjuk para pengu- luar. Saya menyeru Kerajaan supaya meng- kaji semula usahanya yang lepas dalam meng- endali dan menyelesaikan kenaikan harga yang tidak seimbang bagi barangan ke- perluan. Pada pandangan saya jentera yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang dalam menyelesaikan masalah kenaikan harga itu adalah jauh dari berkesan. Dalam menye- lesaikan kenaikan harga yang tidak seimbang dalam negara ini ia memerlukan bukan sahaja setakat mengadakan satu Majlis Perlindungan Pengguna-pengguna dalam Kementerian Per- dagangan dan Perindustrian sahaja, apa yang diperlukan sekali ialah satu tribunal pengadilan harga untuk menentang masalah harga barangan oleh para pengeluar-penge- luar yang tidak seimbang yang tidak sepatutnya.

Sungguhpun cadangan ini telah dibuat dalam Dewan ini pada masa yang lepas tetapi saya rasa amat kesal bahawa

cadangan ini tidak diterima oleh pihak Ke- rajaaan tetapi oleh kerana masalah ini ada- lah satu masalah yang begitu mustahak saya rasa ada erti bagi saya untuk mengulangi syor saya ini iaitu menubuhkan tribunal pengadilan harga di Dewan ini sekali lagi. Adalah pada pandangan saya bahawa bahagian pengguna di Kementerian Per- dagangan dan Perindustrian tidak memberi banyak pertolongan kepada pihak pengguna- pengguna. Bahagian ini sepatutnya dipindah- kan tanggungjawabnya untuk menentang kenaikan harga untuk faedah dan untuk ke- pentingan pihak pengguna-pengguna di Malaysia. Bahagian pengguna-pengguna yang ada sekarang di Kementerian Per- dagangan dan Perindustrian ini seharusnya dipertanggungjawabkan kepada satu jabatan khas Jabatan Hal Ehwal Pengguna yang diletakkan di bawah jajaan Yang Amat Ber- hormat Perdana Menteri sendiri. Adalah tidak bermakna untuk mengadakan satu bahagian untuk menjaga kepentingan pen- guna-pengguna oleh sebab setakat ini bahagian yang ada dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak boleh memberi apa-apa faedah kepada pihak pengguna-pengguna. Oleh yang demikian, saya rasa lebih baik sekiranya bahagian ini dibatalkan atau dimansuhkan dan tubuhkan satu Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah jajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Satu perkara lain yang saya ingin me- nyentuh ialah mengenai perkara alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, adalah dihirgahi bahawa di dalam Titah Ucapan Diraja Duli Yang Maha Mulia telah menyatakan betapa perlunya mencapai satu kualiti ke- hidupan dan taraf hidup yang tinggi dengan memberi pertimbangan Kerajaan kepada alam sekitar ekoloji dan masalah kekotoran yang lain. Tidak boleh diragukan bahawa semua rakyat ingin hidup dalam alam se- kitar, dalam environment yang bersih dan mempunyai kualiti kehidupan yang baik. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa halangan dalam mengujudkan alam sekitar atau environment yang bersih. Setengah dari- pada masalah ialah mengenai kurang pengawasan atau lack of supervision kepada pembalakan, kecetekan sungai-sungai kita akibat daripada pembersihan tanah, pem- binaan rumah dan perlombongan. Ke- cemaran sungai-sungai akibat daripada

pembuangan sampah saraf daripada kilang-kilang, hampas-hampas kimia dari kilang-kilang di estet-estet perindustrian, kekotoran udara disebabkan oleh pecah batu atau quarries kilang-kilang simen dan kilang-kilang kimia dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita belum lagi dapat mengatasi masalah itu dan banyak lagi masalah yang lain dan ini adalah merupakan satu cabaran kepada Kementerian yang berkenaan pada masa yang akan datang untuk menyelesaikan semua masalah tersebut pada masa akan datang. Apa yang diperlukan ialah satu dasar alam sekitar yang sejajar yang harus dilaksanakan oleh Kerajaan. Apa yang lebih mustahak ialah penyertaan, itulah yang sangat penting ialah penyertaan masyarakat, penyertaan orang ramai dalam menyelenggarakan polisi alam sekitar tersebut. Oleh itu, saya ingin menyesyorkan bahawa apa yang diperlukan ialah satu pelancaran secara rasmi kempen kesedaran alam sekitar untuk seluruh negara dan untuk segala masyarakat.

Dalam hubungan ini saya juga ingin melahirkan rasa kesal saya sedikit bahawa kajian mengenai kesan alam sekitar (environmental impact assessment) yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Ketiga sejauh ini belum dilaksanakan samada oleh orang ramai ataupun oleh pihak perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya ini tidak akan sempurna tanpa menyentuh sedikit tentang masalah yang mustahak dan satu element yang perlu dalam pembangunan negara kita ini. Perkara yang saya maksudkan itu ialah perkara pelajaran. Jika sekiranya orang ramai tidak berpelajaran, mereka sudah pasti tidak dapat menyumbangkan sesuatu kepada pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh secara mendalam dalam Dewan ini mengenai perhatian serius masyarakat Malaysia dalam mencari peluang pelajaran terutamanya terdapat pengurangan peluang yang drastik kepada pelajar-pelajar bukan Melayu di pelajaran peringkat tinggi. Saya tidaklah membangkang peruntukan peluang pelajaran kepada orang-orang Melayu, tetapi adalah satu kenyataan yang mana polisi penempatan pelajar-pelajar oleh Kerajaan di

pusat-pusat pengajian tinggi telah menimbulkan kegelisahan dan tidak puashati oleh sebahagian masyarakat di Malaysia. Ini adakah kerana pelajar-pelajar bukan Melayu dan penjaga-penjaga mereka merasakan bahawa penempatan atau peruntukan pelajar-pelajar di universiti-universiti Kerajaan telah tidak memenuhi janji-janji yang dibuatnya bahawa tidak ada seseorang pun dalam masyarakat Malaysia akan merasai rasa kehilangan atau diganggu haknya, pendapatan pekerjaan dan peluang mereka. Oleh itu dan atas dasar ini saya memberikan sokongan penuh kepada permohonan untuk menubuhkan sebuah universiti lagi iaitu Universiti Merdeka untuk memberi peluang kepada pencapaian pelajaran tinggi di negara ini. Apa yang perlu dititikberatkan di sini ialah penubuhan Universiti Merdeka adalah selaras dengan Artikel 152 Perlembagaan Malaysia yang membenarkan kegunaan bebas bahasa lain termasuk kegunaannya sebagai bahasa penghantar di semua peringkat pelajaran.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada beberapa masalah-masalah yang diwujudkan oleh sistem pelajaran kita ialah nasib dan masalah yang dihadapi oleh lebih kurang 4,000 orang guru-guru sementara Sekolah China di negara ini. Sungguhpun guru-guru ini berpengalaman, banyak di antara mereka telah mengajar sekurang-kurangnya sudah beberapa tahun dan telah menyumbang banyak kepada kemajuan pendidikan negara kita. Tetapi sehingga hari ini mereka tidak diberi tempat yang sepatutnya di dalam sistem pendidikan di negara kita. Mereka masih menghadapi dengan masalah latihan untuk menjadi guru yang berkelayakan, pekerjaan yang tidak tetap (job insecurity), gaji yang rendah dan mereka dieksploitasikan dengan berbagai perkara. Masalah yang dihadapi oleh 4,000 orang guru sementara Sekolah China di negeri ini ialah akibat daripada sistem pendidikan sekarang yang sangat tidak memuaskan. Memandangkan perkara yang di atas

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lee Lam Thye: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu jawab, dia ada peluang untuk menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini penjelasan berkenaan dengan apa?

Dato' Chan Siang Sun: Penjelasan oleh kerana bilangan guru sementara sepatutnya bukan 4,000—yang tidak dapat kelayakan itu lebih kurang 600 lebih sahaja.

Tuan Lee Lam Thye: Ini ialah satu opinion sahaja oleh sebab apa yang saya tahu sebab sebelum saya membuat ucapan mengenai hal ini, saya ada membuat satu siasatan dan siasatan itu ialah membawa angka bahawa ada lebih kurang 4,000. Tetapi saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri bersabar sedikit sebab dia ada peluang untuk menjawab. Saya hendak mengakhiri ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti bila peluang menjawab, Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah menjawab beberapa jam, seberapa lama.

Tuan Lee Lam Thye: Memandangkan perkara yang di atas saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya memberi perhatian yang serius terhadap masalah ini dan mencari suatu penyelesaian yang berjangka panjang yang muktamad kepada masalah ini. Pada pandangan kami Kerajaan sepatutnya mengadakan satu rancangan yang nyata, yang lurus bukan sahaja untuk menyediakan guru-guru sementara ini dengan keselamatan pekerjaan dengan memberi peluang-peluang yang banyak untuk dilatih sebagai guru-guru yang berkelayakan, tetapi juga mengatasi masalah-masalah yang lain yang dihadapi oleh mereka. Apa yang saya anggap sangat penting ialah bagi Kerajaan memberi perhatian kepada sistem pendidikan kita yang ada sekarang yang bertanggungjawab kepada wujudnya masalah yang ada sekarang ini.

Sekian dan diucapkan ribuan terima kasih.

6.06 ptg.

Tuan Buja bin Gumbilai (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Titah Ucapan Di Raja dan dalam Titah Ucapan Di Raja terkandung supaya rakyat mematuhi undang-undang dan prinsip Rukunegara bukan sahaja wajar tetapi memang sudah kena pada tempatnya. Titah tersebut dibuat semata-mata untuk mengingatkan rakyat Malaysia kerana ada anasir-anasir yang cuba melemahkan maruah dan imej negara dengan memperjudikan Perlembagaan dan undang-undang negara kita.

Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan sebarang anasir yang cuba mewarisi corak pemerintahan yang unique dan ideal ini adalah musuh negara yang tidak boleh diampun. Anasir-anasir (element) yang tidak diinginkan itu hanya bertujuan mengambil kesempatan menangguk di air yang keruh dan bertindak sebagai golongan pelemah atau anti-nasional. Sekiranya negara kita tunduk kepada golongan pelemah ini maka dunia bukan sahaja akan mertertawakan kita malahan sistem pemerintahan yang kita amalkan sekarang akan bertukar coraknya kepada sistem pemerintahan kuno dalam mana mereka yang gagah akan berkuasa sementara yang lemah akan ditindas.

Saya ingin menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebarang usaha ataupun langkah ke arah menjejaskan kedaulatan undang-undang, maka orang itu secara langsung ataupun tidak telah melanggar salah satu daripada 5 prinsip Rukunegara yang sudahpun diterima oleh segenap rakyat Malaysia sebagai satu asas dan kedaulatan yang tidak boleh dicabar. Anasir-anasir yang cuba mencabar kedaulatan undang-undang negara adalah merupakan kuman masyarakat yang tidak boleh dimaafkan. Sebarang usaha dan tindakan yang menjejaskan kewibawaan undang-undang dan Perlembagaan hanya akan mencemarkan imej dan maruah negara di mata dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, zaman kuno sudah tidak wujud lagi. Kita sekarang berada dalam era pembangunan kerana itu setiap langkah dan tindakan kita mesti diawasi. Kita seharusnya mencerminkan satu tindakan yang bukan sahaja positif tetapi juga efektif. Kita mesti mengelakkan sebarang tindakan yang sifat mencemarkan ataupun menjejaskan maruah negara dan moral bangsa Malaysia kita. Segala tindakan kita mestilah penuh teliti dan dikaji sempurna.

Malaysia sebagai sebuah negara membangun tidak akan dapat ujud bersendirian. Negara kita terpaksa memandang ke dunia luar dan menjaga nama baik Malaysia supaya tidak akan dicap sebagai sebuah negara yang tidak mempunyai the Rule of Law ataupun sebagai sebuah negara muda dan masih primitif.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai keperibadian sendiri dan sebarang

anasir yang cuba menggugat maruah dan kedaulatan undang-undang akan menerima hukuman yang setimpal dengan dosa yang dilakukan. Dalam hubungan ini saya tidak ragu-ragu lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana ketegasan beliau mempraktikkan kedaulatan Perlembagaan dan undang-undang negara meskipun tindakan beliau itu pada pendapat setengah orang atau golongan sebagai political suicide terhadap dirinya dan parti yang dipimpinnya.

Kita bersyukur kepada Tuhan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuktikan his most outstanding performance dan kerana ketegasan beliau itulah imej dan maruah negara sekarang menjulang naik dan harum di mata dunia. Dunia selama ini menghalakan pandangan dan mata kepada Malaysia untuk melihat sejauh mana pucuk pimpinan Kerajaan sanggup memperjudikan undang-undang dan Perlembagaan negara. Nyata sekarang sudah terbukti bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan berganjak walaupun seinci dan tidak akan membenarkan walau sesiapapun dictate to him to do what is not in the interest of the nation and the people. Tindakan tegas, adil dan saksama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berjaya meningkatkan prestasi (prestige) negara ini di mata dunia luar dan pasti akan bertambah yakin terhadap sistem demokrasi kita.

Tidak syak lagi langkah ini akan mengakibatkan keyakinan para pelabur asing yang akan menanam modal mereka di negara ini. Saya yakin bahawa apa yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu adalah semata-mata untuk kepentingan rakyat dan negara. Bukanlah mudah membuat keputusan yang bercorak demikian kerana kalau silap langkah itu akan menjejaskan bukan sahaja popularity beliau tetapi juga parti dan rakyat yang dipimpinnya. Tidak seorang pun yang sanggup mempertarungkan popularity dan masa depan politiknya tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melakukan hasrat itu. Inilah yang dinamakan seorang pemimpin yang bersifat rakyat yang sanggup membuat pengorbanan yang besar bagi rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa Parti Berjaya berjanji hendak memulihkan satu siaran bahasa China menerusi Radio Malaysia Sabah. Sebenarnya apa yang saya ketahui yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu adalah tidak benar. Sebenarnya, Parti Berjaya tidak pernah berjanji mengenai perkara tersebut dan ini boleh dibuktikan dalam manifesto Parti Berjaya di mana tidak ada disebut janji untuk memulihkan siaran dalam bahasa China tersebut. Apa yang saya ketahui disebut oleh setengah-setengah pemimpin Berjaya ialah mendesak Kerajaan supaya menambahkan siaran bahasa China seperti juga yang terdapat di Radio Malaysia Sarawak.

Saya sangat kesal di atas sikap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang suka bercakap bohong. Manifesto Berjaya sama sekali tidak menyebut ataupun menyentuh mengenai issue yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kami di negeri Sabah merasa syukur dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memberi peruntukan yang begitu banyak untuk pembinaan lebuh raya-lebuh raya di negeri Sabah yang mana satu daripadanya sedang dibuat pada masa ini iaitu dari Tamparuli ke Ranau. Lebuh raya tersebut adalah menjadi kebanggaan kepada rakyat Sabah dan apabila lebuh raya itu siap dibina kelak akan menjadi satu jalan perhubungan yang baik sekali dari Kota Kinabalu hingga ke Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu banyak jalan-jalan yang telah dibina tetapi masih banyak lagi jalan-jalan yang perlu diperbaiki untuk kemudahan-kemudahan penduduk di luar-luar bandar atau di kampung-kampung yang masih terbiar begitu sahaja. Oleh yang demikian, saya meminta kepada Kerajaan Pusat supaya mengambil perhatian yang berat bagi memperbaiki jalan raya-jalan raya kerana dengan adanya perhubungan yang baik dari kampung-kampung ke pekan dapatlah rakyat di luar bandar memperbaiki taraf hidup mereka.

Di sini saya menyentuh juga mengenai hal pelajaran. Rakyat di Sabah juga merasa syukur kerana tindakan Kerajaan Pusat yang

memberi peruntukan yang begitu banyak untuk mengadakan sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung. Tetapi apa yang menjadi masalah ialah apabila bangunan-bangunan sekolah itu rosak atau buruk tiang atau dinding mahu jatuh kerana sudah rosak tidak diberi peruntukan untuk membangunkan bangunan yang baharu. Maka dengan yang demikian saya minta kepada Kementerian Pelajaran supaya sentiasa menyediakan peruntukan untuk membangunkan bilik-bilik darjah sekolah yang rosak, seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu banyak sekolah-sekolah telah dibuat di luar bandar tetapi masih terdapat banyak permohonan-permohonan dari orang-orang kampung memohon supaya sekolah diadakan di kampung-kampung mereka. Oleh itu saya juga merayu kepada pihak yang berkenaan supaya sedia memberi pertimbangan bagi peruntukan yang diperlukan untuk pembangunan sekolah-sekolah rendah di kampung yang belum ada sekolah.

6.21 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan saya turut sama juga menyampaikan sembah menjunjung kasih di atas Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada Sidang Pertama Penggal Keempat Parlimen Keempat pada 20hb Mac, 1978.

Saya sesungguhnya menyanjung tinggi di atas Titah Ucapan tersebut dan adalah merupakan untuk memberikan kesedaran serta ingatan kepada rakyat seluruhnya atas tanggungjawab tiap-tiap rakyat yang ingin membangunkan negara ini samada peringkat Kerajaan mahupun pada peringkat rakyat, samada rakyat biasa ataupun yang menadbirkan negara ini.

Pada himmat saya keseluruhan Titah Baginda mengajak bersama-sama rakyat supaya lebih menitikberatkan atau lebih mengutamakan kepentingan negara dari kepentingan yang lain mahupun untuk diri sendiri. Namun demikian adalah juga hasrat yang sungguh tinggi supaya pihak rakyat dan pihak Kerajaan juga menyedari akan kesulitan yang sedang dan yang akan dihadapi jika sesuatu rancangan yang hendak dilaksanakan itu, walau bagaimanapun akan

menghadapi cabaran. Oleh itu saya berharap jika ada di antara rakyat negara ini memikirkan kepentingan dirinya kepentingan masyarakat kaumnya sahaja ataupun memikirkan Jabatannya sahaja atau lain-lain kepentingan yang tertentu supaya dapat memikirkan dan memberhentikan tindakan tersebut dari masa sekarang juga.

Dengan itu saya yakin dan percaya segala rancangan pihak Kerajaan untuk menuju cita-cita bagi melindungi kesempurnaan dan kesejahteraan rakyat akan dapat terjamin demi kepentingan negara. Oleh itu saya berharap pihak mana Kementerian yang ada menghadapi sebarang masalah bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan atau Jabatan dengan kekurangan tenaga pekerja mahir dan kurang mahir hendaklah mulai dari sekarang, berikhtiar supaya segala jawatan yang kosong ataupun yang kekurangan itu dapat dipenuhi dengan apa cara sekalipun. Tindakan boleh diambil dengan menyerap jawatan bagi pekerja-pekerja sementara yang ada pada masa sekarang. Kemudian memilih tenaga pekerja separuh mahir dan dilengkapi supaya pekerja-pekerja berkenaan menjadi mahir; mengambil pekerja-pekerja tidak mahir dan melatih mereka menjadi separuh mahir dan diteruskan menjadi mahir dan adakan satu sekatan yang tertentu supaya pekerja-pekerja yang mahir itu tidak meninggalkan jawatan yang ada sekarang bagi membantu Kerajaan melaksanakan pembangunan untuk kemajuan rakyat.

Pekerja-pekerja yang mahir boleh diadakan dengan secara yang sesuai dan boleh difikirkan iaitu mengikut apa yang ada pada masa sekarang yakni ada di antara anggota angkatan tentera yang mahir di dalam satu-satu jurusan yang boleh dikatakan boleh diambil yang mana ada di antaranya akan tamat tempoh perkhidmatan dan mereka ini bolehlah diambil kira sebagai pekerja mahir dengan tidak mengutamakan kesijilan ataupun tauliah mereka di dalam satu-satu jurusan yang tertentu. Tetapi apa yang berlaku pada hari ini mereka yang boleh dikatakan kerja mahir tidak diambil kira, sedangkan mereka itu mempunyai kebolehan yang khusus di dalam bidang-bidang yang tertentu. Oleh itu saya berharap mana-mana juga Kementerian yang memerlukan bagi membantu membangunkan kemajuan tiap-tiap Jabatan dapat diambil daripada angkatan tentera yang akan habis tempoh

pekerjaannya supaya projek Kerajaan yang sedang berjalan sekarang dapat dilaksanakan dengan lancarnya dan boleh memberi faedah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, waktu kebelakangan ini kita rasa terharu atas tumpuan berbagai bangsa ke negara ini dengan berbagai cara yang tersendiri, iaitu kemasukan bangsa-bangsa lain ke negara kita, seperti dengan cara perkahwinan di luar negeri, kemudian bawa balik ke dalam negeri ini. Setengahnya masuk ke negara ini dengan membuat perniagaan dengan mendapat Pasport Antarabangsa, kemudian sampai di negara kita membuka perniagaan. Di samping membuka perniagaan mereka ini bersilih ganti bertukar dan perniagaannya tetap juga berada di negara kita ini. Di samping mereka datang, mereka ini membawa anak-anak yang umurnya di antara 8 tahun hinggalah ke beberapa tahun dan belajar di sekolah kita, belajar di negara kita ini dengan mendapat layanan yang sama dengan rakyat negara kita ini.

Pada pandangan saya dengan masuknya mereka ini belajar di negeri kita ini sudah mengurangkan tempat bilangan pelajar yang wajib bagi pelajar-pelajar yang memerlukan pelajaran dan juga bagi rakyat negara kita sendiri. Setelah mereka mendapat pelajaran sehingga ke Tingkatan V, mereka ini balik ataupun dihantar oleh keluarga mereka mengambil pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi di negeri asal mereka, yakni dengan tidak payah mengambil peperiksaan,

dan mereka akan terus belajar mengambil bidang-bidang pelajaran yang tertentu yang mana selepas sahaja mereka tamat pengajian dan mereka balik ke Malaysia dan mengambil pelajaran tinggi di Malaysia ini, dengan secara yang diakui oleh Kerajaan Malaysia dan mereka membuka perniagaan semula di sini. Jadi dengan cara kemasukan yang seumpama ini, pada pandangan saya patutlah kita ambil kira supaya kejadian yang seumpama ini tidak berleluasa berlaku dan begitu juga saya berharap Kementerian Pelajaran dapat mengira berapakah jumlah rakyat yang datang daripada luar negeri yang belajar di negara kita daripada darjah rendah, menengah dan sehinggalah ke pusat-pusat pengajian tinggi yang saya sebutkan tadi dan seumpamanya. Setelah mereka belajar di Malaysia belajar di negeri asalnya dan balik ke Malaysia. Setelah diakui taraf pengajiannya, mereka akan membuka perniagaan semula dan membawa lagi saudaramara, anak cucu mereka, keluarga-keluarga mereka belajar di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 28hb Mac, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.